

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

Rabu, 29 November 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10:00 pagi

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Richard Yong We Kong, P.G.D.K. [Timbalan Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, P.G.D.K., [Timbalan Speaker]
Yang Amat Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., [Ketua Menteri] [N.12 Sulaman]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian dan Perikanan] [N.39 Tambunan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., [Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan dan Tempatan] [N.36 Kundasang]
Yang Berhormat	Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, P.G.D.K., B.S.K., J.P., [Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya] [N.24 Tanjong Keramat]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., A.D.K., A.M.N., J.P., [Menteri Kewangan] [N.37 Karanaan]
Yang Berhormat	Datuk Jahid bin Jahim, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.14 Tamparuli]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.31 Membakut]
Yang Berhormat	Datuk Ellron bin Angin, P.G.D.K., A.S.D.K., B.K., [Menteri Belia dan Sukan] [N.45 Sook]
Yang Berhormat	Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.48 Sugut]

Yang Berhormat	Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew, [Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar], P.G.D.K., [N.20 Api-API]
Yang Berhormat	Datuk Phoong Jin Zhe, [Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.21 Luyang]
Yang Berhormat	Datuk Abidin bin Madingkir, P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri]
Yang Berhormat	Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.68 Apas]
Yang Berhormat	Datuk Haji Ruslan bin Muharam, [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.34 Lumadan]
Yang Berhormat	Tuan Peto Galim, [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan], [N.18 Inanam]
Yang Berhormat	Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.32 Klias]
Yang Berhormat	Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.33 Kuala Penyu]
Yang Berhormat	Datuk Robert Tawik @ Nordin, P.G.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.40 Bingkor]
Yang Berhormat	Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.5 Matunggong]
Yang Berhormat	Datuk Samad bin Jambri @ Jamri, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.49 Labuk]
Yang Berhormat	Dato' Sri Dr. Ruddy bin Awah, J.P., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.3 Pitas]
Yang Berhormat	Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar] [N.15 Kiulu]
Yang Berhormat	Datuk Harun bin Durabi, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.2 Bengkoka]
Yang Berhormat	Tuan Tan Lee Fatt, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.19 Likas]

Yang Berhormat	Datuk Flovia Ng, P.G.D.K., A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.44 Tulid]
Yang Berhormat	Datuk Fairuz bin Renddan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Belia dan Sukan] [N.8 Pintasan]
Yang Berhormat	Datuk Mohamad Hamsan bin Awang Supain, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.52 Sungai Sibuga]
Yang Berhormat	Datuk Hendrus Anding, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan] [N.7 Tandek]
Yang Berhormat	Tuan Mohammad bin Mohamarin, A.S.D.K., [N.1 Banggi]
Yang Berhormat	Tuan Chong Chen Bin, A.S.D.K., [N.4 Tanjong Kapor]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [N.3 Tempasuk]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said, S.P.D.K., P.G.D.K., D.G.S.M., [N.10 Usukan]
Yang Berhormat	Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [N.17 Darau]
Yang Berhormat	Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [N.22 Tanjong Aru]
Yang Berhormat	Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [N.23 Petagas]
Yang Berhormat	Puan Jannie Lasimbang, A.S.D.K., [N.25 Kapayan]
Yang Berhormat	Datuk Ignatius Dorell Leiking, P.G.D.K., [N.25 Moyog]
Yang Berhormat	Datuk Juil bin Nuatim, [N.27 Limbahau]
Yang Berhormat	Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P. [N.28 Kawang]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [N.30 Bongawan]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., [N.35 Sindumin]
Yang Berhormat	Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [N.41 Liawan]
Yang Berhormat	Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [N.43 Kemabong]
Yang Berhormat	Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, P.G.D.K. [N.46 Nabawan]
Yang Berhormat	Datuk Jonnybone J. Kurum, P.G.D.K., [N.47 Telupid]

Yang Berhormat	Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [N.50 Gum-Gum]
Yang Berhormat	Datuk Hiew Vun Zin, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.54 Karamunting]
Yang Berhormat	Tuan Calvin Chong Ket Kiun [N.56 Elopura]
Yang Berhormat	Datuk Poon Ming Fung @ Frankie, P.G.D.K., [N.56 Tanjong Papat]
Yang Berhormat	Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.57 Kuamut]
Yang Berhormat	Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [N.60 Tungku]
Yang Berhormat	Datuk Mohammadin bin Ketapi, P.G.D.K. [N.61 Segama]
Yang Berhormat	Tuan Dumi bin Pg. Masdal, A.S.D.K., [N.62 Silam]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [N.64 Sulabayan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P. [N.65 Senallang]
Yang Berhormat	Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [N.66 Bugaya]
Yang Berhormat	Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [N.67 Balung]
Yang Berhormat	Tuan Justin Wong Yung Bin [N.69 Sri Tanjong]
Yang Berhormat	Puan Rina binti Haji Jainal [N.70 Kukusan]
Yang Berhormat	Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [N.72 Merotai]
Yang Berhormat	Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [N.73 Sebatik]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee, S.P.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Amisah Yassin, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Jaffari bin Waliam, P.G.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Jasnih bin Daya, P.G.D.K., [N.13 Pantai Dalit]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Tamin @ Tamin bin Zainal, A.S.D.K., [N.29 Pantai Manis]
Yang Berhormat	Datuk Mokran Ingkat, P.G.D.K., [N.51 Sungai Manila]

Yang Berhormat	Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [N.59 Sukau]
Yang Berhormat	Datuk Suhaimi Nasir, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Haji Yakubah Khan, P.G.D.K., J.P., [N.16 Karambunai]

TIDAK HADIR

Yang Berhormat	Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan] [N.71 Tanjong Batu]
Yang Berhormat	Datuk Wetrom bin Bahanda, P.G.D.K., [N.6 Bandau]
Yang Berhormat	Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.11 Kadamaian]
Yang Berhormat	Datuk Peter Anthony, P.G.D.K., D.I.M.P., [N.42 Melalap]
Yang Berhormat	Tuan Alias bin Sani [N.53 Sekong]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin, S.P.D.K, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., J.P [N.58 Lamag]
Yang Berhormat	Datuk Norazlinah binti Arif, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.63 Kunak]

TURUT HADIR

Yang Mulia	Puan Rafidah binti Maqbool Rahman [Setiausaha Dewan]
	Encik Mohd. Nor Hafeez bin Abdul Rahman [Pegawai Tadbir]
	Encik Mohd. Sabri bin Metan [Bentara Mesyuarat]
	Encik Juhaidey Porimin [Penolong Bentara Mesyuarat]

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

KETUA PENYELIA HANSARD

[Puan Rafidah binti Maqbool Rahman]

PENYELIA HANSARD

[Puan Beatrice Natasha Mujip]

EDITOR

[Tuan Ahmad Fazly Sahar]

[Puan Nada Haifa Remlle]

[Puan Hadine Yunus Gadong]

SUBEDITOR 2

[Puan Nellzarina Nur Nelszuliah Mohd Daniel Ardi]

SUBEDITOR 1

[Puan Tresa binti Sylvester @ Fanny]

[Puan Mohelena Mawan]

[Puan Nadia binti Nasyaruddin]

[Puan Siti Jubaidah binti Kamsin]

[Puan Theodora Joseph]

[Tuan Darryl Jude Donis]

[Puan Azyatul Nurhani binti Salleh]

[Puan Ramenah Limin]

PELAPOR

[Julian Alex Anoi]

[Rupika Latak @ Rahim]

[Annety Cueennera Jaikon]

[Gracia Samuel]

[Hastrina binti Madurin]

[Mohd. Zulfikree bin Mohd. Sabki @
Abdul Musa]

[Adibah Nadzirah binti Nain]

[Rohani Zaidi]

[Norhazirah binti Mohd. Salim]

Nor Farhanna binti Ahmad Shah]

[Noreera Sahera binti Amin]

[Intan Azwana binti Bakri]

[Muhammad Amirul Asyraf bin Kasim]

[Khairul Azman bin Sehat]

[Charity Jimis]

[Nuriahtika binti Juklis]

[Adrian Soliun]

[Nurul Sharifah Sakinah bt. Hextasan]

[Maria Hannah Hohly]

[Zurina binti Asgar]

[Nabila binti Mohammad Shahril]

[Arina Jazmina binti Jasri]

[Theodora Boniface]

[Rohani Zaidi]

[Abdul Wafiy Abu Bakar]

[Muhammad Safwan bin Sapdin]

[Saleha binti Sapri]

[Lovella Devera Philip]

Doa: Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Timbalan Setiausaha Dewan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Selamat pagi. Selamat datang juga kepada pelajar daripada SMK Ranau seramai 64 orang dan tujuh guru pengiring.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang membuka kaunter aduan di perkarangan Lobi Aras 3 bermula pada 10.00 pagi hingga 4.00 petang hari ini. Kaunter aduan MCMC ini akan menyediakan beberapa perkhidmatan berikut:

1. Mengambil aduan telekomunikasi dan aduan kandungan dalam talian;
2. Menyediakan dasar infrastruktur serta progres pelaksanaan JENDELA bagi setiap DUN; dan
3. Penerangan Projek 5G di Sabah ini

Oleh itu, Yang Berhormat adalah dijemput untuk mengunjung kaunter aduan MCMC ini.

Timbalan Setiausaha: Pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Saya Ahli Yang Berhormat Sindumin.

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan daripada ADUN Sindumin soalan nombor satu.

STATUS PERLAKSANAAN MENGENAI HAK-HAK SABAH.

***1. YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **KETUA MENTERI: -**

- a) apakah status pelaksanaan mengenai Hak-Hak Sabah seperti Perjanjian Malaysia 1963 (MA63); dan
- b) apakah perkara-perkara yang telah dipersetujui dan adakah ia telah mula dilaksanakan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 61 pada hari ini iaitu daripada Yang Berhormat Dr Aliakhbar, ADUN Dilantik. Memandangkan soalan-soalan yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sindumin dan ADUN Dilantik serta Dewan yang mulia ini, perkara tersebut masih dalam proses perbincangan, rundingan dan pelaksanaan di bawah Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 ataupun (MPPMA63) yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Proses perbincangan dan rundingan pelaksanaan ini hendaklah melalui beberapa peringkat yang melibatkan aspek perundangan, pentadbiran, kewangan, struktur organisasi dan perkara-perkara lain. Status perkara-perkara yang dituntut di bawah MA63 adalah seperti berikut iaitu perkara yang telah selesai dan yang telah dilaksanakan.

1. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2).
2. Pemberian Kuasa (Empowerment) mengenai Perlesenan dan Penangkapan Ikan Laut Dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah.
3. Penyerahan kuasa ke atas pentadbiran Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah.
4. Penyerahan kuasa Kawal Selia Gas.

5. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah sebagai jabatan teknikal di bawah AP.182.
6. Perlantikan wakil Kerajaan Negeri Sabah sebagai Ahli Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Dan insya-Allah pada awal Januari 2024 nanti ialah penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Sabah masih meneruskan perbincangan pelaksanaan Pemberian Khas kepada Kerajaan Persekutuan di bawah perkara 112 C dan 112 D Perlembagaan Persekutuan. Pendirian kerajaan negeri masih sama iaitu jumlah Pemberian Khas yang dituntut adalah berdasarkan formula yang termaktub di bawah seksyen 2(1) bahagian 4 jadual kesepuluh Perlembagaan Persekutuan iaitu bersamaan dengan 40 peratus daripada amaun hasil bersih yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dari negeri Sabah. Sekian.

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Datuk Speaker, soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat mewakili Ketua Menteri. Tahniah. Banyak orang mengatakan tidak ada progres. Jadi ternyata telah pun diberitahu ada progres. Ada pencapaian positif...

29/11/2023 - RAKAMAN 2 - [10:10 PAGI - 10:20 PAGI] - [ARINA] - RSITI JUBAIDAH - FAZLY

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: ...dan kita berharap ia terus dilaksanakan. Namun, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau boleh kita senaraikan apakah lagi yang belum terselesai ataupun boleh dibereskan mengikut prioriti dan apakah bentuk koordinasi dengan pihak tertentu terutama sekali di peringkat Persekutuan dan kalau boleh kita gariskan bilakah satu-satu tajuk itu dapat diselesaikan mengikut masa. Kita tidak mahu ia terlalu lama dan menjadi buah mulut rakyat negeri Sabah sedangkan ini adalah hak kita untuk mendapat daripada dulu lagi dan sekarang kita lengah-lengahkan. Kita minta kalau boleh secepat mungkin, mungkin satu tahun ataupun dua tahun boleh selesai. Terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Terima kasih, Yang Berhormat Sindumin. Seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi bahawa proses untuk menuntut segala hak yang terkandung di dalam Perjanjian Malaysia adalah satu proses yang berterusan. Kita mengadakan proses perbincangan, rundingan dan juga pelaksanaan seperti mana yang saya maklumkan sebentar tadi ada yang saya sebut sebentar tadi adalah perkara-perkara yang telah selesai dan telah pun kita laksanakan. Namun, beberapa perkara seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat Sindumin, iaitu perkara-perkara yang masih dalam tindakan pelaksanaan dan masih dalam rundingan macam mana kaedah untuk kita melaksanakannya.

Satu, semakan semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan. Berkaitan ini, suatu formula semakan pemberian khas perlu diselesaikan dalam tempoh setahun, iaitu sebelum 18 Julai 2024. Mana dalam jangka masa tempoh setahun ini mesti ada keputusan berkaitan. Yang kedua, tuntutan 40% atau dua perlima daripada amaun bersih kutipan hasil, dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah selaras dengan Perkara 112C dan Seksyen 2 Bahagian 4 Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan. Status berkaitan ini ialah kerajaan perlu membayar setelah Kerajaan Persekutuan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Di mana semakan pemberian khas di bawah Perkara 112D tidak lagi diperlukan.

Ketiga, pelupusan tanah bagi maksud Persekutuan di negeri Sabah dan Sarawak. Statusnya, iaitu satu mekanisme pengembalian tanah yang telah diberikan Persekutuan telah dipersetujui dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dalam proses mengenal pasti tanah-tanah yang boleh dikembalikan. Keempat, penyerahan kawal kuasa, kawal selia pembekalan elektrik seperti mana yang saya maklumkan di awal tadi. Insya-Allah akan diselesaikan pada awal tahun 2024. Kelima, autonomi kesihatan. Satu jawatankuasa tindakan bersama pembangunan kesihatan negeri Sabah telah ditubuh bagi membuat rundingan isu-isu pembangunan kesihatan yang melibatkan teknikal dan perundangan berkaitan dengan desentralisasi kuasa penjagaan kesihatan.

Yang keenam, autonomi pendidikan. Satu jawatankuasa tindakan bersama pembangunan pendidikan telah berjalan untuk membuat rundingan isu-isu

pembangunan pendidikan yang melibatkan teknikal dan perundangan telah ditubuhkan dan telah pun mengadakan perjumpaan pada 17 November yang baru ini yang lepas. Ketujuh, pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat untuk Sabah dan juga Sarawak bagi merangkumi 35% wakil dari Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat. Jadi, status perkara ini Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan kertas cadangan secara rasmi kepada Kerajaan Persekutuan pada bulan Ogos tahun ini. Itulah antara perkara-perkara yang sudah dipersetujui namun kita masih berbincang cara kaedah pelaksanaan yang harus diadakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin dijelaskan bahawa proses perbincangan rundingan dan pelaksanaan dengan Kerajaan Persekutuan hendaklah melalui beberapa peringkat yang melibatkan aspek perundangan, pentadbiran kewangan, struktur organisasi dan perkara-perkara lain. Oleh itu, tuntutan-tuntutan Sabah ini perlu diberikan masa untuk mencapai satu *practical solution* dengan menggambarkan keperluan rakyat. Namun, kita yakin dan percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10 yang ada pada ketika ini yang memimpin Kerajaan Perpaduan mempunyai hubungan yang akrab dan rapat dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah saya yakin perkara-perkara yang berkaitan akan dapat kita selesaikan dengan baik dan akan memberikan keuntungan dan manfaat kepada rakyat dan negeri Sabah yang tercinta ini yang telah lama tertinggal sejak kita mencapai membentuk negara Malaysia pada tahun 1963. Sekian, terima kasih.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Datuk Speaker, soalan tambahan. Datuk Speaker, soalan tambahan Tungku.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Satu lagi. Satu soalan. Tungkulah.

Soalan Tambahan

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Pembantu Menteri. Syabas dan tahniah atas jawapan tadi itu. Namun demikian, seperti mana yang Sindumin sebut tadi *timeline* itu penting. Ada dua perkara lagi yang saya minta penjelasan yang mesti mahu dimasukkan dalam tuntutan ini dan apa usaha kerajaan ke arah ini. Yang pertama sekali mengenai pelantar benua. Selepas Akta Darurat ditamatkan,

pertama. Kedua, mengenai royalti minyak yang kita tuntutan. Adakah dua perkara ini dimasukkan dalam tuntutan tersebut? Kalau boleh bagi penjelasan yang Sulaman akan masukkan dalam tuntutan dan kita minta *timeline* terhadap dua perkara ini juga. Terima kasih. Saya bagi Moyog, Speaker.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk Speaker, soalan...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Soalan terakhir...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Boleh satu lagi soalan?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Soalan terakhir daripada ADUN Tungku sahabat saya. Berkaitan tentang pertanyaan sahabat saya bersama-sama satu *batch* di UiTM. Cuma dia di sana, saya di sini tapi kita selalu berjumpa dan berbincang yang mana baik kita sama-sama sokong-menyokong. Berkaitan tentang pertanyaan yang disoal oleh Yang Berhormat Tungku. Sebenarnya sebelum Yang Berhormat Tungku menanyakan soalan ini, perkara inilah juga yang sudah di dalam usaha yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Sulaman. Selain daripada perkara-perkara yang saya sebut tadi, ada beberapa tuntutan lain yang masih di dalam perundingan dan tindakan seperti berikut termasuklah:

1. Kuasa tenaga buruh.
2. Kuasa bagi perundangan alam sekitar.
3. Penurunan kuasa mahkamah di Sabah dan Sarawak.
4. Pelantikan pesuruhjaya kehakiman di Sabah dan Sarawak.
5. Pentadbiran kehakiman

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: ... di Sabah dan Sarawak. Nombor enam, royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum, yang selalu menjadi isu. Seolah-olah kita tidak berbuat sesuatu tetapi sebenarnya perkara ini dalam perundingan dan perbincangan untuk ditunaikan.

Yang ketujuh, mineral minyak dan medan **injak**. Yang kelapan, Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750). Yang kesembilan, hak negeri ke atas Pelantar Benua. Soalan Yang Berhormat Tungku ada dalam senarai. Yang kesepuluh, obligasi kewangan Persekutuan di bawah senarai bersama. Yang ke-11, duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemindahan *charge*. Menyewa tanah di bawah Ordinan Tanah (68). Yang ke-12, pertambahan perjawatan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sabah di bawah Perkara 112, Perlembagaan Persekutuan. Yang ke-13, Borneonisasi Perkhidmatan Awam di negeri Sabah. Yang ke-14, pindaan item 25A (Pelancongan) dan Senarai 1 (Persekutuan) kepada Senarai 3 (Bersama) dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan. Yang ke-15, pembangunan kawasan sempadan Malaysia dan Indonesia, Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Jadi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang berasal daripada Sabah. Kerana saya percaya dan yakin bahawa semua kita yang daripada Sabah 25 ... 25 ini semua sekali, semua berjuang atas tujuan yang sama, iaitu untuk memperkasakan negeri Sabah ini. Supaya kita tidak lagi menjadi negeri yang termiskin. Insya-Allah. Jadi saya juga yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-10 ini yang semua memberi sokongan kepada Kerajaan Perpaduan ini. Insya-Allah perkara ini akan dapat kita realisasikan dalam masa yang terdekat ini.

Sekian, Tuan Speaker.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk Speaker, minta laluan untuk soalan ...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih, Menteri.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: ... penting bagi Sabah. Saya harap Menteri boleh jawab berkaitan dengan *legal suit*, di mana Kerajaan telah memasuki ...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sila duduk dulu, YB Moyog

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: ... sebagai *second respondent* (suara bertindih)

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sila duduk dulu. Tadi kami bagi satu sahaja soalan tambahan dan kemudian satu. Perkara MA63 ni memang sungguh penting dan luas implikasinya dan sedang lagi dalam berusahalah, semua. Jadi YB-YB juga boleh membawakan cadangankah, soalankah kepada jawatankuasa yang sudah ditubuhkan. Jadi oleh kerana, hari ini urusan yang banyak dan penggulangan dari Kementerian juga ramai. Jadi saya akan meneruskan ...

Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]: Datuk Speaker kalau boleh, sebab soalan ini menjawab soalan saya.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Dijemput Yang Berhormat (suara bertindih) Senallang.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Tuan Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Senallang.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]: Soalan tambahan (suara bertindih).

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Tuan Speaker, soalan nombor. Soalan *is it?*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Soalan No. 2
(suara bertindih).

HUTANG TIDAK BERBAYAR DAN MENJADI TANGGUNGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI.

*2. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN: -**

- a) berapakah jumlah hutang tidak dibayar oleh GLC termasuk Sabah International Petroleum kepada Sabah Development Bank (SDB); dan
- b) kenapa Kerajaan Negeri dibebankan untuk menanggung hutang tersebut akibat tindakan hapus kira (*write-off*) sedangkan keutamaan Kerajaan Negeri sepatutnya kepada pembangunan prasarana.

Jawapan

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N65 Senallang dan juga kepada semua Ahli Dewan, semua di dalam Dewan yang mulia ini, baki hutang Syarikat Berkaitan Kerajaan ataupun GLC daripada Sabah Development Bank adalah berjumlah RM2.2 bilion ringgit, setakat suku tahun ke-3, tahun 2023. RM1.2 bilion merupakan baki hutang Sabah International Petroleum atau SIP. Selepas mengambil alihan SIP oleh SMJ Energy Sdn. Bhd, yang dahulunya dikenali sebagai SMJ Sdn. Bhd., sebanyak RM700 juta telah diselesaikan dalam fasa pertama.

Tuan Speaker, saya pergi kepada Soalan (b) Ahli Yang Berhormat daripada Senallang, merujuk kepada hutang yang tidak dibayar oleh GLC, hutang ini merupakan baki pinjaman anak-anak syarikat Kerajaan Negeri daripada Sabah Development Bank yang tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik pinjaman dan akhirnya tidak mampu beroperasi. Oleh itu, kegagalan GLC ini untuk membayar balik pinjaman merupakan kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan Sabah Development Bank terus kekal relevan melalui penstrukturan semula yang komprehensif. Antara usaha yang telah dilaksanakan untuk mengukuhkan tadbir urus syarikat adalah melalui pemilikan penuh Sabah Development Bank di bawah *Chief Minister, Incorporation Ordinance* dan perlantikan Ahli Lembaga Pengarah

serta pengurusan baharu yang profesional bagi memantapkan struktur dan pengurusan Sabah Development Bank.

Sekiranya penstrukturan semula Sabah Development Bank ini tidak dilaksanakan dan mengakibatkan bank ini gagal beroperasi, keadaan ini akan memberi kesan buruk kepada kedudukan dan kredibiliti Kerajaan Negeri Sabah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hapus kira ini adalah selaras dengan perjanjian *Nominated Loan* yang telah ditandatangani pada 29 September 2010 di antara Kerajaan Negeri dan juga Sabah Development Bank. Perjanjian ini menyatakan dengan jelas bahawa semua risiko kredit dan pinjaman dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri dan pemberi pinjaman, Sabah Development Bank tidak akan menanggung sebarang risiko atau kerugian dalam keingkaran membayar balik dan pembayaran pinjaman atau mana-mana hutang yang timbul di bawah perjanjian tersebut di atas.

Hapus kira hutang ini merupakan salah satu kaedah pemulihan NPL atau *Non Performing Loans* bagi meningkatkan kredibiliti Sabah Development Bank sebagai satu institusi kewangan milik Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meneruskan pembiayaan ke atas projek-projek di bawah Perjanjian Rangka Kerjasama Strategik bersama Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Penyelesaian ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula daripada tahun 2024 sehinggalah selesai. Justeru itu, pembiayaan Kerajaan Negeri ini mampu meningkatkan keupayaan Sabah Development Bank dalam merencanakan pembangunan ekonomi di negeri ini. Kerajaan Negeri akan yakin dengan lebih pembiayaan ini, bank ini berupaya untuk membiayai program-program pembangunan yang bermanfaat dari segi sosioekonomi, melalui agensi-agensi Kerajaan dengan kewangan yang kukuh.

Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telah menjelaskan tentang dua perkara yang saya bangkitkan. Sedarkah Yang Berhormat

Menteri, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Menteri dan juga Kerajaan Sabah untuk memastikan supaya kewangan, ini bukan kita minta dari Kuala Lumpur ini duit kita, Sabah. *Ours privilege as a Finance Minister* dengan izin *to have access to all info*. Lebih kurang RM2 bilion duit kita gunakan untuk bagi pinjam syarikat-syarikat yang beroperasi di Semenanjung. Saya juga bagi pinjam duit kepada AirAsia, RM300 juta. *Cost benefit* dia, penumpang kita bawa pelancong daripada luar negara. Lepas itu *steward, stewardess, pilot* anak-anak Sabah. Ada penerbangan dari Tawau ke Sandakan, tidak ada MAS. *Cost benefit* dia, semua produk pertanian yang ada, *lobster*, sayur kita eksport. Gabung yang ada. *There's a cost benefit*. Maknanya kita bagi pinjam duit kita tak perlu bayar *aircraft*, beli bayar gaji ini. Soalan dia, sedarkah Yang Berhormat bahawa lebih kurang ...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]: Soalan YB?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Soalan dia, sedarkah dan apakah langkah RM2 bilion duit yang dilaburkan di Semenanjung duit dari SDB lebih kurang untuk membangun Johor contohnya, *property development* syarikat 500 juta beli tanah *over value*. Apakah tindakan pihak Kerajaan untuk pastikan? Masa saya dulu, saya minta mereka bayar. Saya bawa pergi mahkamah. Saya yakin dia orang tidak bayar. *There's write off* dan kita tidak mahu bahawa ada *bail out* kepada GLC yang ada. Hampir 650 juta disebutkan GLC tadi. 650 juta dan *we write off. This is bail out ...*

29/11/2023 - RAKAMAN 4 [10:30 PAGI- 10:40 PAGI] - [ROHANI] - AZYATUL - HADINIE

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *This is scandal*. Rasuah *institutional, systematic corruption* yang ada menggunakan badan agensi Kerajaan Sabah, yang kita punya, yang kita punya duit, bukan KL punya duit. Bangun Semenanjung. Sabah Maju Jaya.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih di atas soalan tambahan. Pertama sekali, hutang daripada syarikat-syarikat yang berpangkalan di Semenanjung ini adalah hutang yang semua kita warisi. Kerajaan Warisan warisi, Kerajaan sekarang warisi juga hutang tersebut. Dia bukan sesuatu

yang timbul semasa Kerajaan GRS ini ditubuhkan. Ini satu yang perkara yang kita mesti ingat, ya. Dua, tindakan mahkamah dan lain-lain tindakan sedang dibuat dan kerana itulah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, cuma saya nak *clarified* tadi itu, pasal dia sebut Warisan. *We inherited. We didn't loan.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: *No, I didn't say you loan. You said, You're also inherited the.* (Suara bertindih)

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *No. This was built in BN Government and that particular moment.* (Suara bertindih)

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: *Ah. Exactly. Exactly.* (Suara bertindih)

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *You're in the Cabinet.* (Suara bertindih)

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Senallang biar. (Suara bertindih)

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: *Yeah. That exactly what I told you.* (Suara bertindih)

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Jawab dulu.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Dengan izin Tuan Speaker, *all of us inherited the loans. What are the problems. It was there before you came in, it was there before we came in. That's the point I'm trying to make. But, the problems must be solve.* Beza dia, *I decided to be unpopular by taking the bull by the horns and try to solve it.* Itu sahaja beza dia.

Saya tahu masalah ini masalah besar, 60% daripada semua *loan portfolio* kita diberi kepada syarikat-syarikat di Semenanjung. *But don't blame me because I am inherited the problems.* Tetapi, saya tidak lari daripada masalah ini. Saya cuba menyelesaikan masalah ini dan kerana itu Tuan Speaker, kita telah, *practically structure the entire bank and I want to assure* Senallang. *Trust me, we have a new team* yang mampu untuk mengambil tindakan yang lebih ketat terhadap mereka yang berhutang. Itu satu *warn. Warn and the other risk starting.* (Terlanggar mikrofon) *Sorry*, bukan marah ah. Memang terkena sana tadi.

Kedua, syarikat-syarikat milik Kerajaan yang berhutang kepada Sabah Development Bank sudah tidak beroperasi or mampu beroperasi. Antara langkah kita untuk *clean up* dia punya *balance sheet, clean up the unpaid and we have to, particularly because, perjanjian* yang saya telah baca tadi, 2010. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mengambil alih semua hutang yang ditanggung oleh GLC. *Not* syarikat-syarikat persendirian. *Mind you. No*, masalah kita dan bagusnyanya saya nyatakan disini, inilah satu pelajaran dari kita. Kadang-kadang syarikat daripada Semenanjung atau dari mana yang tidak mampu atau tidak dapat hutang di Semenanjung, bank di Semenanjung, lari ke Sabah untuk dapat pinjaman.

Dengan izin, *sometimes I don't understand. We entertain companies that are not eligible to get loans in Semenanjung and we becomes circus in Sabah.* Ini masalah kita dari dulu. *We need to be a bit more sleek.* Jadi untuk, percayalah Yang Berhormat di apa itu. Yang Berhormat daripada Senallang. *Even SIP* yang saya nyatakan tadi. *Yes, SMJ Energy took over account, we need that attempt, lost money and having big loan for, big debt* daripada SIP.

Tapi itu salah satu daripada *structure*, apa itu. Apa. Pelan, apa itu, pembaikan. *You see, pertama, suka atau tidak suka. Ultimately, the owner of the company is responsible. Who is the owner of the company? The State Government of Sabah.* Bila kita beli daripada SIP ni RM900 juta. Dengan syarat, SIP ini bayar kepada Sabah Development Bank, dia punya hutang. Erti dia, kita bagi duit sama SIP, SIP bayar Sabah Development Bank, erti dia hutang kepada SDB ini selesai, *the bank is already recapitalized. Okey, satu.*

Kedua, kita juga selesaikan masalah SIP kerana hutang dia selesai and *don't forget*, kita tidak ambil alih sebuah syarikat yang tidak ada aset. SIP mempunyai 10% pegangan dalam LNG 9 yang baharu menerima dividen RM200 juta setahun, pada tahun lepas. *And we expect this payment to be around for the next thirteen years. So, we're not or we have not taking the empty company. We have taking the company with income, dividen that is at least RM201 juta.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Soalan saya tadi Datuk Speaker, saya bagi contoh, RM500 juta duit SDB, beli, bagi pinjaman kepada *property development company* di Johor. Beli tanah *over value*, apakah tindakan? *I have taken legal actions. I directed the CEO* bawa pergi mahkamah. Apakah tindakan Kerajaan yang ada pada hari ini untuk memastikan supaya syarikat yang telah mendapat pinjaman RM500 juta. Ini bukan zaman, zaman kita yang bagi pinjam ini, ya. Bukan zaman Datuk apa ini, Menteri Kewangan bagi pinjam. *But* saya tanya, ya. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri? Syarikat hampir RM2 *billion* lebih pinjaman di Semenanjung, syarikat juga di Semenanjung. *We don't want to write off* termasuk GLC.

Yang Berhormat Menteri dah (sudah) bagi tahu *option*, dia dua *option*. Satu, *change board of director*. Kedua, tutup, *you said. You make public announcement as Minister of Finance* dan saya berharap, itu bagi GLC. GLC *we can make arrangement but make sure there is no bail out like MMC, like MAS*. Ini another *scandal. It's a big scandal* kalau kita belanja duit sampai berbilion. Cuma saya tanya tadi yang syarikat RM500 juta, apa tindakan pihak Kerajaan Negeri ini?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Saya sebenarnya sudah jawab tidak ada *whitewash* kepada peminjam-peminjam yang merupakan syarikat persendirian, khususnya daripada Semenanjung. Saya, *I had to say that ACCA*, pasal *this is probably Parliamentary but I want to share to you*, dengan izin Tuan Speaker, *we had hired particularly a new officer* yang mempunyai reputation macam Ah Long. *To make sure that we recover as much as possible* daripada hutang yang belum berbayar. Cuma kita punya kekangan ialah aset yang digunakan untuk menjadi sandaran kepada pinjaman tersebut nampaknya kecil nilainya daripada hutang yang telah diambil. *But we will, I want to inform and assure*

Yang Berhormat daripada Senallang, kita bukan orang yang takut tuntutan hutang. Ah Long, Ah Longlah kalau perlu. *We must get the money.*

Cuma saya menyatakan, bagi syarikat-syarikat GLC ini lain dia punya perkiraan *because its also own by the Government. You see and we have an agreement* dengan semua syarikat-syarikat dengan Sabah Development Bank ini pada 2010 bahawa *ultimately*, dengan izin, *The State Government is responsible for any money that was loan out and it's not been paid.* Ini kita punya kekangan *but we will, insya-Allah. Trust me and I am open. You can open our book, should be* (kurang jelas) *happy to share you the informations with nothing to hide.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Just additonal question.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Last. Satu.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Terima kasih Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terus kepada *question.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Okey.* Dengan GLC yang gagal, adakah Menteri sedia untuk senaraikan semua GLC yang gagal ini dan adakah akauntabiliti akan di ada, dikuatkuasakan kepada mereka termasuk salah guna wang ataupun pentadbiran GLC itu. *We must go after them.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih. Tuan Speaker, saya boleh bagi perakuan kepada Ahli Dewan Undangan daripada Moyog, *no stone will not be unturned. I will* (Kurang jelas) *making sure that everybody will finally be made liable for what happen.* Cuma apa yang perlu bagi saya ialah memastikan, satu, kalau syarikat itu betul-betul tidak beroperasi, sudah *bankrupt*, tutup.

Tetapi, kalau dia melibatkan salah guna, *we will go after it and we are working together with SPRM, for your information. I know it's a difficult job.* Untuk buat kerja yang betul tetapi tidak popular, *it's a very difficult job but we need to get it done.* And bagi soalan yang mengatakan sama ada kita bersedia untuk, apa itu menukar, *we*

have sacked a few, but it's just that we don't inform the public because I think its embarrassing and I am not...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *I think they were holding people's money. So, it's must be exposed who this people were. So, there have no second life dalam...*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Yang Berhormat, *our overriding consideration is to solve the problem and to make sure the company either* tutup atau tidak. Bukan niat saya untuk memalukan siapa-siapa yang terlibat. (Suara bertindih)

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *But the problem will continue with the same people.* (Suara bertindih)

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tetapi kalaulah dia melibatkan salah guna kuasa. *Normally*, kita *refer* kepada SPRM. Itu lah jawapan dia. Okey.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih. Sekarang saya jemput ADUN dilantik, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]: Tuan Speaker, soalan.

29/11/2023 - RAKAMAN 5 [10.40 PAGI - 10.50 PAGI] - [RUPIKA] - RAMENAH - FAZLY

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]: Soalan No. 3.

STATUS PEMBAIKAN LALUAN KERETAPI DI ANTARA BEAUFORT - TENOM.

*3. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status pembaikan laluan keretapi di antara Beaufort – Tenom yang terlibat dengan tanah runtuh sejak bulan November 2022.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Robert Tawik @Nordin]: Tuan Speaker, untuk makluman YB. Datuk Seri Panglima ADUN Dilantik dan Dewan yang mulia ini. Landasan kereta api yang terjejas adalah termasuk dalam sektor landasan daripada Halogilat ke Tenom sejauh 27 kilometer yang mana telah dinaik taraf dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) berjumlah RM49.5 juta. Projek ini telah siap pada 25 hari bulan Januari 2022 dan dijangkakan segala urusan kontrak kerja dapat diselesaikan dengan pengeluaran CMGD pada 25 Januari 2023.

Walaupun bagaimanapun, sebelum tiba tarikh tersebut satu kejadian banjir besar telah terjadi pada 31 Oktober 2022 yang telah menjejaskan kerja-kerja yang telah disiapkan dan menyebabkan laluan landasan tidak selamat untuk digunakan. Banjir besar tersebut telah menyebabkan kerosakan struktur landasan, runtuh lereng bukit, tebing sungai dan kerosakan dua buah jambatan di lebih 50 lokasi di sepanjang laluan sektor berkenaan.

Walaupun kerja pemulihan kekal belum dapat dilaksanakan sepenuhnya, tetapi perkhidmatan kereta api di sektor Pangli ke Tenom sejauh sebelas kilometer telah dipulihkan pada 19 November 2022. Sementara perkhidmatan kereta api di sektor Halogilat ke Rayoh sejauh sembilan kilometer telah dipulihkan pada 21 Jun 2023. Dengan itu, penduduk setempat di sekitar Kampung Pangli boleh menggunakan perkhidmatan kereta api ke Pekan Tenom dan penduduk setempat di sekitar Kampung Rayoh boleh menggunakan perkhidmatan kereta api ke Pekan Beaufort.

Untuk sektor Pangli ke Rayoh sejauh sepuluh kilometer hanya *trolley* ringan sahaja yang dapat melalui landasan ini disebabkan terdapat kerosakan struktur landasan yang agak besar termasuk kerosakan dua buah jambatan. Pihak Kerajaan Persekutuan, Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan sejumlah RM4.7 juta pada 15 Ogos 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan kekal terhadap kerosakan disebabkan bencana alam. Ini di keseluruhan sektor Halogilat ke Tenom dan proses tender akan dipanggil dalam waktu terdekat. Sekian.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]: Soalan tambahan. Perkhidmatan keretapi Beaufort-Tenom ini sudah lebih setahun ah... tergendala,

hanya dua sebab tanah runtuh dan banjir dan sudah setahun sejak bulan Oktober lalu sampai tahun ini November sekarang. Apakah puncanya kelewatan pemulihan kerja, sama ada kekurangan peruntukan, sama ada teknikal ataupun sama ada pentadbiran, supaya saya rasa kelewatan seperti ini tidak berulang-ulang di Sabah ini? Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sila jawab Menteri.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih kepada ADUN Dilantik yang menanyakan soalan tambahan. Sebenarnya punca kelewatan dalam menyelesaikan perkara ini adalah bersifat *contractual*. Pada peringkat awal, pihak Kementerian Kerja Raya Sabah dan Jabatan Kereta Api Negeri Sabah ada bercadang untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikpulihan berkenaan dengan segera melalui peruntukan kerja-kerja kecemasan mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kereta api telah dinasihatkan untuk tidak melaksanakannya disebabkan oleh ikatan kontrak yang masih berkuat kuasa untuk kontrak kerja penaiktarafan berkenaan. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kereta Api telah mengemukakan cadangan kerja pembaikpulihan berjumlah RM4.7 juta ringgit kepada Kementerian Pengangkutan pada Disember 2022 untuk membaik pulih kerosakan berkenaan. Peruntukan yang dipohon berkenaan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada 15 Ogos 2023. Pihak MOT juga telah memaklumkan mengenai pelantikan Jabatan Kereta api sebagai agensi pelaksana pada 7 September 2023 dan perkara ini telah dibuat tindakan segera dengan penyediaan dokumen tender pada 3 November 2023. So, punca kelewatan adalah bersifat *contractual* yang mana pada asalnya, ia perlu dilengkapi dengan *certificate of making good defect* yang perlu dipatuhi.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ada lagi soalan tambahan? Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjong Aru.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya nombor empat.

STATUS SKIM RUMAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT DI PUTATAN.

- *4. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status skim rumah Projek Perumahan Rakyat di Sabah terutama di Putatan (PPR Sri Keramat & PPR Sri Serigai), adakah skim sewa beli (Rent-to-own) atau hanya untuk disewa semata-mata.

Jawapan

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada N.22 Tanjong Aru dan juga untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga setakat ini ah PPR di bawah Kementerian saya, di bawah seliaan Kementerian saya sebanyak 32 dan ah kesemua PPR ini adalah disewa dan ah modal ini akan kita teruskan kerana ah permintaan kemudahan PPR adalah amat tinggi sekali dan sekiranya kalau kita jual maka golongan apa ini rakyat biasa tidak akan menikmati kemudahan seperti ini. Terima kasih Speaker.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Soalan tambahan ah. Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih ah Pembantu Menteri untuk jawapan itu. Bukan hanya saya mahu bagi sedikit cadangan atau soalan dia lah, sebab kalau kita nampak satu kenyataan daripada ah ini dibuat oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Persekutuanlah bahawa *rent to own*, ini programlah ah itu skim sewa untuk beli, ini telah perumahan rakyat PPR ini telah sudah diluluskan dan dilaksanakan di semenanjung dan skim ini adalah ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang mana gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Jadi ini buat masa ini sekarang ah *rent to own lah* khususnya untuk pembelian rumah PPR adalah buat masa sekarang Gua Musang, Kelantan ada sudah 1,000 unit, ah Lembah Subang, Selangor sudah ada 1,580 unit, di PPR Kampung Hassan, Selangor 300 unit, di Ladang Seriau, Port Dickson 300 unit dan banyak lagi PPR unit lah yang akan diputuskan untuk dijual oleh Kementerian Persekutuan. Jadi inisiatif ini akan membantulah bakal pembeli rumah yang berkecukupan, terutamanya bakal pembeli daripada golongan berpendapatan rendah termasuklah penempatan semula setinggan.

Jadi Datuk Speaker, soalan baru-baru ini sekali lagi ini Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berkata bahawa, kerajaan akan memperluaskan *rent scheme*, skim *rent lah to own* bagi membolehkan lebih ramai golongan B40 dan M40 memiliki rumahlah. Jadi soalan, bagaimana dengan *situation* di Sabah, bolehkah kita cadangkan atau *consider* lah gaji, ambil kajian untuk melaksanakan ini, sedangkan di semenanjung *rent to own* ini sudah sedang diperluaskan kepada golongan B40 dan M40? Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih ADUN yang Tanjong Aru. Em, untuk setakat ini polisi kita masih mengguna pakai ah apa ini sewa dan belum lagi *rent to own*, namun *we'll look at the situation there* ah dan kita akan periksa balik *if* diperlukan kita akan kaji semula. Terima kasih.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Soalan tambahan ah.

Datuk Suhaimi bin Nasir [ADUN Dilantik]: Soalan tambahan, Datuk Speaker...

29/11/2023 - RAKAMAN 6 - [10:50 PAGI - 11:00 PAGI] - [LOVELLA] - THEODORA - NADA

Datuk Suhaimi bin Nasir [ADUN Dilantik]: ... Saya sebenarnya untuk PPR ini sudah banyak menyuarakan dari tahun lalu di Parlimen, di Dewan Undangan ini juga. Kita mengharapkan pihak Kerajaan, terutama sekali Kerajaan hari ini di negeri Sabah ini. Kalau kita tidak berikan apa ini, sewa beli PPR ini, sampai mana, sampai bila Kerajaan nak menanggung kos perbelanjaan? Ataupun sekarang ini apakah Kerajaan mengambil keuntungan daripada sewa PPR ini? Saya maklum Yang Berhormat Menteri, saya pun kalau boleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu Menteri apa ini, KPKT juga pernah bersetuju kan? Dan pernah dibincangkan. Kalau boleh PPR ini kita jual saja kepada rakyat. Sebab apa? Sebab yang tinggal di sana itu boleh dikatakan 89 persen bumiputera, bumiputera tempatan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan mencelah, soalan saja.

Datuk Suhaimi bin Nasir [ADUN Dilantik]: (*Suara bertindih*) Kemudian, boleh dikategorikan semua B40. Persoalan saya, soalan saya, Yang Berhormat, kalau boleh perhalusi, kerana yang mengambil keuntungan sekarang adalah konsesi. Sewa itu lebih banyak kepada konsesi dan pulangan kepada Kerajaan pun tidak memberikan keuntungan. Apakah tindakan Kerajaan hari ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan dan Tempatan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, ADUN Dilantik. Sebagai makluman ADUN yang dilantik dan juga makluman Dewan yang mulia ini. Kalau kita lihat jumlah unit PPR yang ada di negeri Sabah setakat ini cuma setakat 20 000 lebih unit dan pemohon-pemohonnya sudah jauh melebihi daripada bilangan yang tersedia ada. So, kalau kita bagi *rent-to-own* tiada peluang nanti yang lain untuk mendapatkan unit PPR ini. So as I said, kita akan *check* balik kalau kita masih juga memohon untuk meningkatkan unit-unit PPR di seluruh negeri Sabah dan selepas kita mendapatkan lebih banyak, kalau ikut kesesuaian dia. Yes, kita akan juga menggunakan *rent-to-own*. Tiada masalah, terima kasih.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Kasi peluang saya, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Saya jemput Yang Berhormat Sungai Manila.

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Datuk Speaker, soalan saya No. 5.

PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN DI DAERAH SANDAKAN.

- *5. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapa ramaikah penerima bantuan kebajikan di daerah Sandakan dan apakah syarat-syarat dan kriteria untuk melayakkan penerima menerima bantuan dan apakah kriteria yang membatalkan mereka daripada kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan, Menteri.

Jawapan

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Datuk Speaker, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ADUN Sungai Manila, jumlah penerima bantuan kebajikan daerah Sandakan adalah seperti berikut: skim bantuan am 1,132 orang, skim bantuan anak yatim 204 orang, bantuan kanak-kanak bumiputera, bukan palauh ah 461 orang, bantuan warga emas 1399 orang, elaun pekerja kurang upaya 153 orang, bantuan penjagaan oku terlantar 153, bantuan OKU tidak berupaya bekerja seramai 247 orang dan jumlah keseluruhan adalah seramai 3749 orang.

Bantuan kebajikan adalah bersifat sementara bagi membantu individu ataupun warga dalam kalangan produktif dan tidak produktif yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti.

Berikut adalah syarat-syarat dan kriteria umum untuk memohon bantuan kebajikan:

- i. Warganegara dan bermastautin di Malaysia
- ii. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas
- iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan
- iv. Pemegang kad OKU
- v. Miskin dan berkeperluan

Di antara sebab-sebab penamatan ataupun pembatalan bantuan kebajikan adalah seperti berikut:

- i. Meninggal dunia
- ii. Pendapatan melebihi pendapatan garis kemiskinan
- iii. Telah mampu berdikari
- iv. Anak-anak dewasa boleh membantu
- v. Berpindah keluar daerah negeri
- vi. Dirujuk ke agensi lain
- vii. Tukar skim bantuan dan lain-lain

Sekian, terima kasih.

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Datuk Speaker, soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey.

Datuk Mokran Inggat [Sungai Manila]: Adakah bantuan kebajikan juga meliputi orang-orang buta? Ya, sebab kita ada Persatuan Orang-orang Buta Sabah yang mempunyai premis Taman Cahaya di Sungai Manila. Jadi, macam tadi tidak ada disebut mengenai dengan apa ini bantuan kepada orang-orang buta. Dan, saya juga ingin bertanya, berapakah bantuan Kerajaan kepada Pusat Orang Buta Taman Cahaya di Sungai Manila, Sandakan? Dan adakah ini mencukupi sebab apa yang saya lihat di Taman Cahaya ini keadaannya semakin daif dan itulah satu-satunya pusat orang buta yang ada di negeri Sabah.

Jadi saya ingat ada satu lagi, mungkin ini berbeza sedikit daripada apa ini soalan kebajikan tetapi berkaitan. Saya mahu tanya juga, apakah status terkini Klinik Kesihatan Sungai Manila? Betulkah sudah ada peruntukan? Dan betulkah akan dilaksanakan pada tahun hadapan? Sebab perkara ini saya bersama-sama dengan Ahli Parlimen Libaran telah membawa apa ini ... meminta untuk dilaksanakan sejak tahun 2021 lagi. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Ya, terima kasih Yang Berhormat daripada ADUN Sungai Manila. Berkaitan dengan rumah orang buta di Sandakan ini, ya memang rumah orang buta ini tersenarai dalam kebajikan, dalam bantuan kebajikan tetapi bantuan kebajikan bagi rumah orang buta ini bergantung dengan peruntukan yang diberikan oleh Persekutuan. Pertama, berkaitan dengan Klinik Kesihatan Rancangan Sungai Manila ini sebenarnya Klinik Kesihatan ini telah pun diluluskan pada tahun 2015 dalam Rancangan Malaysia Ke-10 di bawah RP4 dengan kos sebanyak 30 juta Ringgit Malaysia waktu itu.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat Sungai Manila, ADUN Sungai Manila bahawa projek ini sedang dalam penilaian JKR dan dijangka akan ditender pada tahun 2024 dan kalau sekiranya Yang Berhormat ADUN Sungai Manila mahu supaya projek ini cepat, pantas untuk dilaksanakan, rajin-rajinlah ke Pejabat JKR Sabah, Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ada lagi soalan tambahan? Satu lagi.

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Kalau rajin-rajin datang ...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: YB yang, YB yang lainlah kalau ada ...

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Sikit lagi...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: YB sudah tiga...

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Sikit lagi, kalau pasal ada disebut pasal JKR Sabah. Saya ingat saya sudah jumpa dengan Menteri bertanyakan pada hal ini dan perkara ini juga saya sudah apa ini, kemukakan semasa jelajah yang dilakukan oleh Datuk Ahmad Maslan Timbalan Menteri Kewangan dan saya tengok ada perbezaan. Kalau YB sebut tadi ada 30 juta, dia sebut 15 juta. Mana satu yang betul? Terima kasih.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Datuk Speaker, kita kena semak balik sebab mengikut rekod kita ialah 30 juta, mungkin 15 juta itu adalah harga dulu. Sekarang sudah 30 juta, Datuk Speaker, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey, sekarang saya jemput Yang Berhormat Liawan.

Datuk Anwar Ayub @Annuar Ayub [Liawan]: Terima kasih, Datuk Speaker, soalan saya soalan No. 6.

PERUNTUKAN BAGI MENGADAKAN PAMERAN DAN MANFAAT YANG DIPEROLEHI.

- *6. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH**, berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi mengadakan pameran berkaitan sains dan teknologi dari negara China dan apakah manfaat yang boleh masyarakat di luar sana perolehi serta adakah pameran tersebut boleh dibawa ke daerah-daerah di negeri Sabah ini.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan, Menteri.

29/11/2023 - RAKAMAN 7 [11:00 PAGI – 11:10 PAGI] - [AZWANA] - JUDE - HADINIE

Jawapan

Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Harun bin Durabi]:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Datuk Speaker, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Liawan, KSTI telah menandatangani satu memorandum perjanjian bersama *Guangxi Science and Technology Museum* pada 11 Julai 2023 bertempat di *China Science and Technology Museum*, Beijing. Melalui perjanjian ini, sebanyak 60 buah bahan pameran sains berteknologi tinggi bernilai lebih kurang lebih RM3 juta, ditempatkan di Sabah selama tiga tahun. Dengan kos pameran tersebut adalah ditanggung sendiri oleh *Guangxi Science and Technology Museum* dari negeri, Negara China.

Pameran bergerak yang bertemakan “*Experiencing Science: Enlightened Innovation*” telah dilancarkan pada 27 September 2023 yang dilancarkan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri III mewakili Ketua Menteri, di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tanjung Aru. Untuk makluman Dewan yang mulia, dengan usaha yang bersungguh-sungguh yang telah dilakukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Sabah, Sabah merupakan negeri pertama di Malaysia yang berjaya mendapatkan kolaborasi seumpama ini. Pameran bergerak ini akan memberi impak positif yang besar kepada masyarakat setempat, dengan matlamat dan hasrat kita untuk menarik lebih ramai pelajar meminati bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Kedua, mempromosi bidang *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM) di pelbagai peringkat masyarakat. Ketiga, memudahkan masyarakat mengakses pameran, merasai pengalaman eksperimentasi dengan bahan pameran serta turut menikmati kemudahan STI yang berteknologi tinggi dan yang tidak kurang pentingnya impak yang kita akan dapat ialah, menjana idea para pelajar agar lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan karya berunsur kan STI yang boleh dikomersialkan seterusnya, mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pameran bergerak ini akan menjelajah ke 14 lokasi daerah di seluruh Sabah bermula di Kota Kinabalu. Agar pembelajaran interaktif ini, turut dirasai oleh pelajar-pelajar dan masyarakat di daerah-daerah di Negeri Sabah ini. KSTI tidak ada halangan untuk mengadakan pameran bergerak berkenaan sekiranya, terdapat permohonan daripada mana-mana daerah yang berhasrat dan bersedia untuk mengadakan pameran di kawasan masing-masing. Bagaimanapun, suka saya jelaskan bahawa pameran ini sesungguhnya, berimpak tinggi kepada masyarakat khususnya pelajar-pelajar untuk menarik minat pelajar-pelajar ke arah meminati bidang STEM. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Soalan tambahan? Kalau ada. Seterusnya saya jemput ADUN Dilantik YB Datuk Suhaimi bin Haji Nasir.

Datuk Suhaimi bin Nasir [ADUN Dilantik]: Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan saya nombor tujuh.

MENARIK PELABUR UNTUK MELABUR DALAM INDUSTRI HILIRAN MINYAK SAWIT DI SABAH.

*7. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]**bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apa inisiatif dan rancangan kementerian bagi menarik pelabur luar negara dan dalam negara untuk melabur dalam industri hiliran minyak sawit di Sabah.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan Menteri.

Jawapan

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Datuk Speaker. Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat ADUN Dilantik dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pewujudan POIC Lahad Datu, pada tahun 2005 adalah bertujuan untuk menambah nilai hasil kepada ladang kelapa sawit berkeluasan lebih 1.5 juta hektar dengan memberi fokus kepada pemprosesan produk hiliran. Dalam pada itu, antara objektif lainnya adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan juga perniagaan.

Seiring dengan itu, POIC Lahad Datu juga membangunkan kelompok-kelompok industri tambahan. Selain industri berasaskan kelapa sawit sebagai respon kepada kehendak atau minat para pelabur dan prospek yang semakin meningkat di dalam sektor pelabuhan, dan logistik Biomass, kilang penapisan bio, minyak dan gas, industri halal serta perusahaan kecil dan sederhana.

Datuk Speaker, di antara inisiatif terkini yang sedang Kerajaan Negeri melaksanakan untuk menarik minat lebih ramai pelabur datang melabur, di dalam industri hiliran minyak sawit di Sabah, ialah dengan mewujudkan Polisi *Biomass* Sabah. Polisi ini adalah amat penting bagi Negeri Sabah kerana ianya dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan bekalan mentah *biomass*, dan mengawal selia industri hiliran *biomass* kelapa sawit. Ini sudah tentu akan dapat menyumbang kepada pembangunan sektor industri hiliran berasaskan *biomass* selain dapat membantu di dalam aspek pengurusan alam sekitar secara berkesan dan cekap. Dengan polisi ini ianya akan dapat memastikan keterjaminan bekalan mentah *biomass* yang konsisten untuk memenuhi tuntutan para pelabur.

Datuk Speaker, Kementerian saya juga giat mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui kerjasama erat bersama agensi-agensi berkaitan seperti MIDA, Invest Sabah dan Matrade. Dengan meneruskan usaha proaktif untuk mencari pelabur yang berpotensi melalui visi perdagangan di luar ataupun di dalam negara. Untuk menarik minat pelabur datang melabur di Sabah khususnya di POIC Lahad Datu.

Datuk Speaker, sebagai tambahan satu inisiatif baharu yang sedang dirancang untuk dilaksanakan di POIC Lahad Datu iaitu, pewujudan *Free Zone* yang berkeluasan 3,000 ekar sebagai permulaan. Melalui pewujudan *Free Zone* ini, para pelabur akan dapat mengambil peluang inisiatif, insentif bebas cukai ke atas sumber bahan mentah yang di-*import* ke POIC dan begitu juga produk yang dihasilkan untuk

dieksport. Saya percaya *Free Zone* ini dapat menjadi satu daya tarikan kepada para pelabur untuk menjadikan POIC Lahad Datu sebagai destinasi pelaburan pilihan mereka.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ya, ADUN Dilantik.

Datuk Suhaimi bin Nasir [ADUN Dilantik]: Terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang cukup komprehensif. Namun, soalan tambahan saya Timbalan Speaker, adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan, memberi cukai atau pengecualian cukai kepada pelabur-pelabur yang mahu mendirikan kilang pengeluaran industri hiliran minyak sawit ini?

Kedua, berapakah jumlah pelabur yang telah melabur dalam industri hiliran minyak sawit di Sabah sepanjang tahun 2022 - 2023? Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan dalam memproses hiliran dan beralih untuk menghasilkan lebih banyak produk minyak sawit yang mempunyai nilai tambah, terutamanya POIC Sandakan? Terima kasih.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Yang Berhormat Ahli ADUN Dilantik. Sememangnya kita sedar dan tahu bahawa ini, kita semua ada aspirasi yang sama yang mana kita harus *go for down streaming* dan kita kena membangunkan hiliran.

29/11/2023 - RAKAMAN 8 [11.10 PAGI - 11.20 PAGI] - [NURIAHTIKA] - TERESA - AHMAD

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ... untuk industri kelapa sawit. Cabaran itu adalah amat besar sepanjang beberapa dekad ini, kerana kita tidak dapat *secure the fit stock*, dengan izin dan ianya telah menjadi satu *hiccup*, ataupun satu rintangan buat kita Kerajaan secara amnya untuk membangunkan industri hiliran ini. Untuk menjawab soalan itu, memang Kerajaan mahupun Negeri ataupun Persekutuan ada menyediakan insentif cukai ataupun *tax holiday* sama ada di MIDA kita untuk untuk membolehkan

Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur masuk untuk membangunkan hiliran. Tapi itu, soalan yang kedua, berapa jumlah pelabur yang masuk ke Sabah pada tahun lepas, ianya adalah amat-amat terhad. Walaupun Kerajaan saya rasa *over the many many years* kita sudah berusaha sangat giat untuk menarik pelabur tapi oleh kerana banyak-banyak ladang-ladang yang besar tidak dapat *promise fit stock*. Saya saya bagi satu fungsi ya. Saya telah membuat kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Fadillah Yusof yang bertanggungjawab ini *primary sectors* dan beliau menyatakan ini adalah *business to business*. *Unless the government come with policy to control the fit stock*, baru kita dapat *control* dan bangunkan *down streaming*. So, ini adalah cabaran buat kita semua dan saya amat harap dan saya mengalu-alukan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada fikiran ataupun cadangan-cadangan idea-idea yang baharu untuk kita bersama-sama membangunkan industri hiliran ini. Walau bagaimanapun, saya tadi saya kongsi Kerajaan kini sedang buat polisi untuk kita bangunkan khasnya biomas berasaskan kelapa sawit. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Elopura, tidak sabar-sabar sudah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ya, Senallang.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, saya minta Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan industri kelapa sawit negara, industri kelapa sawit Sabah. Tadi telah dijawab untuk, *how long can we sustain this?* Sedarkah Yang Berhormat dan apakah langkah Yang Berhormat Menteri untuk memastikan industri ini berhadapan dengan masalah *20% of the yield cannot be collected*. *Because* pekerja tidak ada, satu. Keduanya, bebanan sekarang ini ramai di antara mereka mahu jual tanah. Ya. Pasal apa mahu jual? *We don't want to doom industry, just like cocoa last time*. Ya. Pasal apa bebanan dia. *Corporate tax, 24%. Windfall tax 3%*. Nak sambung pekerja, *one head, per head 2,800*. Nak sambung pekerja. Bebanan dia cukup besar. Maka tidak menggalakkan kita untuk memastikan bahawa kita mencukupi pekerja, *labour force is not there*.

That's why 20% of the rear is not obtain. Ya. Dan di samping itu, bebanan 24% *Federal Government is collecting through the corporate tax.* The apakah langkah memastikan supaya industri ini bukan hanya kita suburkan, tapi *sustainable*, oleh kerana prasarana jalan raya, elektrik tidak ada angkut semua hasil dia. Apakah langkah pihak Kerajaan untuk memastikan keadaan ini dapat diatasi dengan secara sistematik, komprehensif, dan juga saya tidak mahu ini rancangan, ini rancangan. *What concrete state, by the State Government* yang akan lakukan.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Memang betul, saya rasa bukan sahaja Sabah tapi di rantau ini ada adalah kita ramai banyak tempat pun menghadapi kekurangan pekerja *labour shortage*, dengan izin ini sudah lama berlaku dan semakin serius. So, kita akan meneliti perkara ini dan ini merupakan satu cabaran kita, *we do not want to kill the gold goose hat laid the golden egg.* So, ini merupakan satu cabaran yang amat besar, saya sedar dan tahu dan saya akan bawa ke perbincangan dengan rakan-rakan sekalian dalam kabinet untuk kita cari satu penyelesaian dan kita kena selesaikan masalah ini walau bagaimanapun. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Saya jemput Yang Berhormat Telupid.

Datuk Jonnybone J Kurum [Telupid]: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya No. 8.

RUMAH PAKEJ SMJ NEGERI SABAH YANG TELAH SIAP PEMBINAANNYA.

- *8. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapa buah rumahkah di bawah pakej SMJ yang dikendalikan oleh kementerian di seluruh Negeri Sabah yang telah siap dan sedang dalam pembinaan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Speaker, untuk makluman (bunyi

berdehem), sahabat Ahli Yang Berhormat daripada N.47 Telupid, dan Dewan yang mulia ini, setakat 22 November 2023 Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, melalui Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Pejabat-Pejabat Daerah dan juga Pejabat-Pejabat Daerah Kecil di seluruh negeri Sabah, sedang dalam proses pembinaan Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ) sebanyak 959 unit, dan telah menyiapkan sebanyak 541 unit. Untuk makluman juga, jumlah keseluruhan pembinaan Rumah Mesra SMJ di seluruh negeri Sabah adalah berjumlah 1,500 unit. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Soalan tambahan.

Datuk Jonnybone J Kurum [Telupid]: Soalan tambahan saya, apakah arahan muktamad pihak Kementerian mengenai kaedah pembinaan Rumah SMJ ini sama ada masih kekal melalui sistem pasang siap ataupun IBS, ataupun sudah ada arahan secara konvensional. Kalau sudah ada, bilakah surat arahan pekeliling, arahan rasmi kepada semua pegawai-pegawai daerah dan mohon juga sesalinan surat itu kepada setiap wakil rakyat. Terima kasih.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Ya. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Telupid. Untuk makluman bahawa pihak Kementerian melalui keputusan kabinet, sememangnya telah pun menetapkan bahawa proses pelaksanaan Rumah Mesra SMJ ini yang pada awalnya melalui mengguna pakai sistem IBS. Namun demikian, kelonggaran telah diberikan kepada tempat-tempat ataupun lokasi-lokasi tertentu yang tidak boleh melaksanakan secara konvensional dan amat sukar dilaksanakan melalui IBS. Namun demikian, pekeliling ini telah pun dipanjangkan kepada pejabat-pejabat daerah dan juga pejabat-pejabat pelaksana untuk memastikan bahawa program ini sememangnya boleh dilaksanakan secara IBS dan juga boleh dilaksanakan secara konvensional.

Untuk salinan kepada Yang Berhormat, Insya-Allah kita pihak Kementerian akan memberikan salinan pekeliling ini kepada Yang Berhormat Telupid.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Minta soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sulabayan.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Ok. Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga demikian, pasal Rumah Mesra SMJ ini akan dilakukan semua kawasan Dewan Undangan Negeri. Saya juga minta senarai untuk Dewan Undangan Negeri Sulabayan. Terima kasih.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Sulabayan. Tiada masalah pihak Kementerian akan memberikan salinan terperinci bagi pelaksanaan Rumah Mesra SMJ bagi kawasan DUN Sulabayan melalui Pejabat Daerah Semporna. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Saya jemput Yang Berhormat Darau.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya soalan sembilan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Silakan menteri.

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.17 Darau, dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Projek Tebatan Sungai (RTB) Sungai Rampayan Menggatal.

29/11/2023 - RAKAMAN 9 [11:20 PAGI - 11:30 PAGI] - [MARIA] - SITI JUBAIDAH - NADA

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: ... yang dijadualkan siap pada 3 September 2024. Kemajuan kerja fizikal di tapak ketika ini ialah 84.33% berbanding dengan 88.31% mengikut jadual, iaitu kurang 3.98% bersamaan 41 hari ke belakang. Sebanyak 84 buah struktur termasuk rumah berada di dalam jajaran projek dan perlu dialihkan dirobuhkan di mana surat

tawaran dan notis pengosongan struktur telah diedarkan kepada semua pemilik struktur tersebut. Sehingga kini, 64 buah struktur telah menerima sagu hati sebanyak RM200, RM25 000 sehingga RM50 000 dan telah berpindah keluar daripada jajaran projek. Manakala sebanyak 20 buah struktur, 20 buah struktur telah menerima 90% bayaran sagu hati tetapi belum berpindah keluar daripada jajaran projek. Perkara ini akan dibawa ke Jawatankuasa Pasukan Petugas Pengosongan Setingan *Taskforce* yang telah ditubuhkan.

Berkenaan isu tempoh pemindahan penduduk yang terlibat dengan projek tambatan banjir, Sungai Rampayan, Kampung Bahag ke Kampung Bahagia, UPPM DUN N17 Darau telah mewujudkan Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk Kampung Rampayan, Menggatal yang telah yang terlibat dengan jajaran projek yang dipengerusikan oleh Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sabah. Jabatan Pengairan dan Saliran dikehendaki menyediakan laluan masuk ke Kampung Bahagia selaras dengan keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan. Kementerian saya amat menitikberatkan kemajuan pelaksanaan projek ini dengan memantau secara rapi kemajuan projek secara fizikal dan kewangan projek bagi memastikan manfaat projek ini dalam mengurangkan impak banjir di kawasan yang terlibat. Sekian.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Ya, soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Soalan tambahan.

Soalan Tambahan

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Er, Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya soalan ini pada asalnya saya tujukan kepada Jabatan Ketua Menteri. Saya tidak tahu kenapa dia boleh sesat kepada Menteri Pertanian. Sebab soalan ini saya tidak bertanyakan berkenaan dengan *progress* sungai. Saya tanya bila Ketua Kampung dilantik? Sebab apa yang kita cerita tadi itu dia macam ayam dan telur. Mana satu dahulu? Pada pandangan saya, yang penting kita pindah penduduk ini dulu sebab saya sedar bahawa dengan adanya masih penduduk yang tinggal di tebing-tebing air sungai itu projek tidak boleh jalan.

Jadi apa yang saya minta sini paling senang susah lagi mahu buat ini Jawatankuasa. Lantik Ketua Kampung. Ketua Kampung adalah orang yang bertanggungjawab ke atas yang diamanahkan untuk mentadbir kampung itu. Jadi dia yang bahagi-bahagi lot. Kalau bolehlah saya minta Kementerian yang berkaitan, saya yakin ini di bawah Jabatan Ketua Menteri, kalau tak silap dulu, saudara Yang Berhormat Klias. Dulu, saya tidak tahu sekarang. Pelantikan Ketua Kampung. Jadi kita lantik Ketua Kampung. Lama sudah saya tunggu ini. Berapa kali sudah Sidang DUN ini saya minta ah KKTP, okey ah, Perumahan. Saya mohonlah lantiklah Ketua Kampung ini. Selesai masalah. Okey, saya faham itu *progress* sungai itu saya faham. Saya selalu ke sana. Masalahnya orang kampung ini tidak dapat pindah. Tiada tempat atas sebab-sebab teknikallah. Yang Berhormat sendiri tahu kan? Sekian dan terima kasih. Itu saja, Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sila jawab.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Berkenaan dengan Ketua Kampung kita akan *check* dengan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sungai sama banjir itu ada *back sub* kah?

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: Okey, saya komen sikit ah daripada soalan tambahan daripada sahabat saya daripada Darau. Memang, kita anggap projek ini terbantut kerana perpindahan lewat ada 20 rumah dan pada awalnya kita menjajarkan supaya 20 rumah ini kita akan pindah ke satu kampung yang dinamakan Kampung Bahagia dan kampung ini belum mendapat lantikan Ketua Kampung. Tetapi kita juga ada beberapa pilihan dan kita sudah sampai ke satu keadaan di mana rumah-rumah yang 20 rumah ini telah terima 90% bayaran dan sekiranya lantikan Ketua Kampung yang akan dibuat nanti tidak dapat menyelesaikan masalah. Kita kena cari satu tindakan yang lebih ke hadapan drastik. Selain daripada pilihan juga mungkin YB pun tahu supaya kita anjakkan juga penduduk ini ke kampung yang berdekatan di situ. Terima kasih.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Boleh? Soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Last...*

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Agaknya bila boleh kita selesaikan masalah ini? Sebab benda ini, bila kita mula-mula *meeting* dulu, Yang Berhormat sendiri pun Inanam pernah mengatakan satu minggu boleh selesai. Sekarang sudah satu tahun. Dia satu tahun. November, saya ingat, November kalau tidak silap *meeting* pertama November 2022. Kalau tidak silaplah atau pun Januari *something like that*. So, saya mintalah kalau boleh. Ini tahun ketiga, orang-orang di sana itu berhari raya. Tahun yang akan datang tahun yang keempat sudah. Berhari raya di rumah yang tiada bumbung tiada dinding. Saya amat prihatinlah pasal mereka ini bukan pendatang, orang kampung. Mereka sudah tinggal di sana sebelum saya lahir lagi. Ini orang tempatan, kita kena bagi anulah, bagi sedikit perhatian, kesian. Dan ada yang sudah dapat pampasan itu saya nampak tidak sepadan dengan sebab ada rumah yang bergeran. Dia hanya dapat RM90 ribu dan bayangkan dalam kawasan tanah itu ada dua buah rumah. Itu yang saya difahamkanlah. Terima kasih.

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: Seperti yang saya katakan tadi, projek ini kita pastikan siap September, 3 hari bulan dan berdasarkan kepada tarikh ini kita mempunyai beberapa pilihan yang ada. Yang pertama adalah kita telah mewujudkan *taskforce* dan *I think* YB pun ada berada dalam *taskforce* ini. Dan yang kedua adalah kita memastikan supaya semua milik rumah yang berada pada 20 pemilik rumah ini bukan saja mendapat lot untuk membina rumah dalam masa yang terdekat. Jadi saya akan usahakan sebaik mungkin supaya *taskforce* ini bergerak dan pihak saya JPS pun dapat menjalankan kerja dan menyiapkan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Satu lagi, Datuk Speaker. *Last...*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Banyak sudah tu, lebih daripada yang dibenarkan.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: *Last*, ini untuk kepentingan rakyat saya. Saya kena buat.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Last* ah...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: *Last ...* Okey-okey. Seperti yang saya kata tadi, benda ini mana satu dulu? Telur atau ayam dulu? Kita mahu pindah kita mahu buat sungai tapi kena pindah. So, ertinya sekarang kita kena pindah dulu jangan biarkan nampak kita yang halau. Saya tidak mahu mereka ini dihalau. Sediakan tempat, mereka boleh pindah baru kita boleh buat sungai. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Mahu jawabkah?

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: Ambil maklum dengan cadangan Yang Berhormat, saya sama setuju dan seperti yang saya katakan tadi langkah-langkah ke arah situ secara lembut, keras dan drastik. Kita ...

29/11/2023 - RAKAMAN 10 [11.30 PAGI -11.40 PAGI] - [KHAIRUL] - NADIA - HADINIE

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]: ... terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi soal jawab sudah selesai.

Setiausaha Dewan: Sambungan ucapan penggulungan perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan (2024 - 2023).

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Saya akan menjemput Menteri-Menteri yang sudah bersedia untuk menyampaikan ucapan penggulungan. Bermulanya saya mempersilakan Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam Sabah Maju Jaya. Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Datuk Speaker, saya bersyukur kepada tuhan kerana dengan izinnya saya berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan selaku Menteri Belia Sukan Sabah pada mesyuarat kali ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan

terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi Bin Manjun, Menteri Kewangan Sabah kerana telah menyediakan satu bajet negeri yang inklusif dan bersifat *surplus* bertemakan “Sabah Teguh, Rakyat Terbela”.

Dalam pembentangan Bajet 2024, Kementerian saya diperuntukkan sebanyak RM100.17 juta iaitu RM88,674,170.00 sahaja ya untuk peruntukan perbekalan dan 11,500,000.00 untuk peruntukan pembangunan, pelaksanaan pelbagai program pembangunan belia dan sukan.

Pada mesyuarat kali ini kementerian saya telah menerima lima soalan lisan dan sebelas soalan yang memerlukan jawapan secara bertulis. Jawapan-jawapan kepada soalan lisan dan bertulis akan disampaikan kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanya dalam minggu ini.

Semasa perbahasan Bajet 2024, Kementerian saya juga telah menerima soalan, cadangan dan komen seperti berikut, Ahli Yang Berhormat N.11 Kedamaian telah membangkitkan mengenai pembinaan Arena Belia DUN Kedamaian. Untuk makluman Yang Berhormat Kedamaian pada ketika ini, fokus utama Kementerian adalah mewujudkan sebuah arena bagi setiap daerah. Untuk makluman, daerah Kota Belud sudah pun mempunyai Arena Belia yang dilengkapi dengan pejabat dan dewan sukan untuk kegunaan penduduk setempat termasuk golongan belia di kawasan Kedamaian. Justeru, Kementerian saya tidak akan membina arena belia di kawasan Kedamaian.

Bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Lamag, Ahli Yang Berhormat Kuamut mengenai status Kompleks Sukan Tongod. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, projek Pembinaan Kompleks Sukan Tongod merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dan projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dengan siling sebanyak RM7 000 000.00 dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2024.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat N.35 Sindumin berkenaan penganjuran program riadah dan sukan bagi masyarakat luar bandar khususnya di kawasan Sindumin, Kementerian saya akan mengambil maklum cadangan tersebut untuk dimasukkan dalam program sukan komuniti pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.41 Liawan dan makluman sidang Dewan yang mulia ini, berkenaan keperluan untuk membina padang bola sepak di kawasan-kawasan kampung dan luar bandar seluruh negeri Sabah, Kementerian saya sememangnya membina kemudahan-kemudahan ini pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, bilangan padang bola sepak yang dibina tertakluk kepada kedudukan kewangan tahunan Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat N.6 Bandau dan makluman sidang Dewan yang mulia ini, pembinaan Kompleks Sukan Kota Marudu di pekan Tandek sedang berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat kelewatan disebabkan faktor cuaca dan bencana alam. Dengan faktor-faktor yang dinyatakan, telah menyebabkan pihak kontraktor telah memohon perlanjutan masa. Pada masa ini, kemajuan kerja sebenar sebanyak 48.1 peratus. Pihak kontraktor telah pun menyiapkan kerja-kerja timbun tanah bagi meninggikan semula aras tanah dan telah memulakan kerja-kerja pembinaan balapan sintetik, bangunan pejabat pentadbiran serta ruang parkir awam. Pembinaan Kompleks Sukan Kota Marudu di Tandek ini dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2024. Kementerian saya sentiasa membuat pemantauan di tapak projek serta mengadakan mesyuarat teknikal bersama pihak kontraktor bagi memastikan kerja-kerja berjalan dengan lancar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.22 Tanjung Aru dan makluman sidang Dewan yang mulia ini, lawatan yang dibuat oleh saya pada 22 dan 25 Ogos 2023 di Kolam Renang Kompleks Sukan Kota Kinabalu hanya lawatan pemeriksaan dan bukannya merasmikan kolam renang tersebut. Berkenaan dengan isu penutupan kolam renang di Kompleks Sukan Kota Kinabalu, penutupan ini adalah disebabkan terdapat empat kerja-kerja pembaikan dan naik taraf yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di kolam renang Kompleks Sukan Kota Kinabalu. Penutupan kemudahan ini telah dimaklumkan kepada orang ramai melalui notis di premis serta media elektronik. Keseluruhan kerja-kerja naik taraf ini dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun hadapan 2024. Status kerja menaiktaraf dan pembaikan setakat November 2023 adalah seperti berikut:

6. Projek naik taraf papan markah elektronik atau *scoreboard* 100% siap;
7. Kerja pendawaian semula eletrikal *short circuit* 100% siap;

8. Pembinaan bumbung kolam kanak-kanak 98% dan akan siap awal Disember 2023; dan
9. Kerja-kerja pembaikan sistem perpaipan di kolam renang dijangka akan bermula pada awal Januari 2024. Tempoh penyiapan kerja adalah selama tiga bulan selepas lantikan.

Bagi memastikan latihan atlet renang SUKMA negeri Sabah untuk menghadapi Kejohanan SUKMA Sarawak pada 2024 berjalan dengan lancar, latihan diadakan di kolam renang Kompleks Sukan Penampang sehingga akhir bulan Januari 2024. Perkara ini telah dibincang bersama dengan pihak persatuan sukan negeri bagi memastikan latihan dapat diteruskan dan berjalan lancar seperti biasa. Pihak kami memahami kekangan di kolam renang Kompleks Sukan Penampang. Walau bagaimanapun, penjadualan latihan pasukan SUKMA di samping penggunaan awam telah diselaraskan bagi memastikan latihan pasukan ini tidak terjejas. Sebagai makluman, kemudahan kolam ini telah dibuka sehingga malam untuk tujuan ini. Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat N.51 Sungai Manila sama ada Kerajaan ini mempunyai...

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: ...Datuk Speaker, minta laluan.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Ya sila.

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: Terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya tentang padang bola sepak ini, sebab ada juga permohonan-permohonan yang saya buat tapi dia cuma kepada gelanggang. Adakah peruntukan itu kita boleh gunakan untuk pembaikan ataupun membuat padang bola sepak yang baru? Terima kasih Menteri.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Boleh ulang soalankah? Tidak dengar.

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: Sekarang kita diperuntukan bila apabila saya membuat permohonan untuk padang yang kita diperuntukan adalah untuk gelanggang-gelanggang saja. Tapi adakah boleh kita gunakan peruntukan itu untuk membina padang baru padang bola sepak ataupun pembaikan padang-

padang yang sudah sedia ada. Adakah kita boleh gunakan peruntukan itu ataupun memohon?

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat daripada Liawan, peruntukan ini sebenarnya fleksibel sebab dia boleh digunakan untuk pembaikan dan juga bina baru ya. Okey? Terima kasih. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Sungai Manila...

29/11/2023 - RAKAMAN 11 [11.40 PAGI - 11.50 PAGI] - THEODORA B.] - AZYATUL - AHMAD

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina padang tadi. Padang bola. Oh, ini sudah dijawab tadi ah. Mana-mana pertanyaan, cadangan atau komen yang diaju, diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab semasa sesi perbahasan akan di jawab secara bertulis.

Datuk Speaker, izinkan saya untuk memberikan sedikit maklumat mengenai perancangan Kementerian saya pada tahun 2024. Sebagai makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kemahiran dan keusahawan, keusahawanan belia. Datuk Speaker, dalam usaha untuk meningkatkan *skill* atau kemahiran golongan belia ini, Kementerian saya akan berkolaborasi dengan Kementerian dan agensi kerajaan di negeri dan persekutuan yang berkaitan untuk memastikan wujudnya penyelerasan dari segi penganjuraan kursus. Melalui kolaborasi ini, saya yakin tidak akan berlaku lagi pertindihan jenis kursus yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian dan agensi yang menjadi pelaksana yang menawarkan kursus yang sama. Di samping itu, ianya dapat menghasilkan data yang lebih tepat dan empirikal.

Datuk Speaker, kepimpinan belia bagi memastikan para belia aktif berpersatuan. Maka, Kementerian saya telah menyediakan bantuan kewangan berupa geran bagi membolehkan mereka melaksanakan program-program pembangunan belia. Ketika ini sejumlah 19 badan beruniform dan tidak beruniform di bawah BAGAM, di bawah gabungan Majlis Belia Sabah. Manakala sebanyak 1,023 persatuan atau Kelab Belia Akar Umbi berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia atau ROY.

Kementerian saya juga akan mewujudkan Majlis Belia Daerah dan Majlis Belia Bahagian bagi memastikan tadbir urus persatuan atau Kelab Belia di peringkat akar umbi lebih sistematik, selain maklumat dapat disampaikan terus dengan lebih tepat. Inisiatif ini, telah pun berada di peringkat akhir perlaksanaannya sebelum dilancarkan tahun hadapan.

Selain daripada itu, pelaksanaan Program Perintis Muda dilihat sebagai salah satu inisiatif Kementerian ini, dalam memastikan belia Institusi Pengajian Tinggi, wacanakan maklumat terkini Pembangunan Modal Insan Sabah Maju Jaya. Melalui inisiatif ini, potensi dan bakat belia dapat digilap serta mampu merencanakan lagi pembangunan, pendidikan latihan teknikal dan vokasional atau TVET di kalangan anak muda bagi menjadikan TVET sebagai laluan utama dalam pembangunan kerjaya.

Belia adalah pemimpin masa hadapan. Justeru itu, bagi melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti. Maka, Kementerian saya akan meneruskan Program FELO SMJ, Dewan Belia Sabah dan Kesukarelawan. Di samping itu, Kementerian akan terus melaksanakan aktiviti untuk menyantuni golongan belia di seluruh daerah melalui Program KBSS Turun Padang, Jelajah Belia dan Program Libat Urus Belia.

Datuk Speaker, pembangunan sukan. Kementerian saya akan terus memajukan bidang sukan di negeri ini dengan melaksanakan Program Sukan Komuniti dan penganjuran sukan berprestij tinggi untuk menggalakkan rakyat bersukan. Maka pada tahun 2024, Kementerian saya telah merancang untuk memperbanyakkan aktiviti seperti larian atau *Fun Run*, berbasikal *Fun Ride*, senamrobik, sukan tradisi, ping pong, sukan antara Jabatan dan sebagainya. Aktiviti ini dilaksanakan melalui Program AKTIF atau Budaya Sukan Teras Aspirasi Famili Sihat. Tujuan sukan komuniti diadakan adalah supaya masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat.

Dalam program Pembangunan Sukan Berprestasi tinggi, Kementerian saya akan mengadakan Sukan Sabah atau SAGA edisi ke-10 pada 16 hingga 22 Disember tahun ini. Acara-acara sukan ini akan diadakan di daerah Kota Kinabalu, daerah Ranau, daerah Tuaran, daerah Papar, dan juga daerah Keningau. Sebanyak 22 jenis sukan dipertandingkan pada temasya sukan terbesar di Sabah ini.

Sukan Sabah edisi ke-10 melibatkan 3,110 orang atlet dan pegawai di daerah Kota Kinabalu, 1,298 di daerah Tuaran, 794 orang di daerah Penampang, 988 di daerah Putatan, 230 orang di daerah Ranau, 140 orang di daerah Keningau dan selebihnya 394 orang merupakan pegawai urus setia yang akan bertungkus-lumus memastikan temasya sukan ini berlangsung dengan lancar dan sukses.

Sebanyak 182 pingat Emas, 182 pingat Perak dan 262 pingat Gangsa akan menjadi rebutan. Di mana 103 acara ditawarkan dalam kategori Lelaki, 75 acara untuk kategori Wanita dan empat acara untuk kategori Campuran.

Sukan Sabah merupakan *platform* kepada ahli-ahli sukan atau atlet daripada 28 daerah di seluruh negeri Sabah, bertanding sebelum dikenal pasti dan dipilih mewakili negeri ini untuk menyertai Sukan Malaysia atau SUKMA 2024 Sarawak yang akan berlangsung pada bulan Ogos 2024. Kontinjen SUKMA Sabah mempunyai hasrat yang amat tinggi untuk memenangi lebih banyak pingat pada SUKMA 2024.

Lembaga Sukan, agensi di bawah Kementerian saya juga berperanan dengan, berperanan dalam mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan bawah 12 tahun. Pada tahun 2024, Program Pembangunan Bola Sepak bawah 12 tahun akan dilaksanakan di beberapa daerah di Sabah.

Datuk Speaker, memperbaiki infrastruktur dan penyediaan kemudahan sukan. Kementerian saya akan meneruskan usaha untuk memastikan kompleks-kompleks sukan dan arena-arena belia di seluruh Sabah dapat diperbaiki dan dinaik taraf mengikut keutamaan pada tahun 2024. Ini adalah memastikan kemudahan-kemudahan ini dapat digunakan oleh rakyat.

Dalam usaha menyemarakkan lagi minat masyarakat dan khususnya belia dan, dalam aktiviti-aktiviti sukan dan riadah, Kementerian saya akan meneruskan usaha menaik taraf padang bola sepak dan pembinaan gelanggang sukan serbaguna di kawasan yang memerlukan fasiliti-fasiliti ini.

Sebagai penutup Datuk Speaker, sebelum mengakhiri ucapan Penggulungan Belanjawan Tahun 2020 ini, 2024 ini, saya mengambil kesempatan ini merakamkan

jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Rakan-rakan Jemaah Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rakan-rakan Strategik, Pakar Rujuk dan Kumpulan Pelaksanaan termasuk rakan media yang terlibat dalam program Pembangunan Belia dan Pembangunan Sukan di seluruh negeri Sabah.

Akhir sekali saya juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat menyambut Hari Natal Tahun 2023 kepada rakan-rakan yang meraikan dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2024.

Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ringkas ah. Penggulungan kali ini ringkas ya. Sekarang saya menjemput satu lagi *eligible bachelor Minister* kita untuk membuat Penggulungan. Saya jemput Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Datuk Speaker. *Kopivosian, da jia hao, good afternoon to everyone*, selamat petang, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam Sabah Maju Jaya.

Datuk Speaker, izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan usul Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya juga ingin memberi maklum balas berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan mengenai Kementerian saya.

Saya turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan tersebut yang bertemakan “Sabah Teguh, Rakyat Terbela” yang berintipatikan pertubuhan ekonomi negeri berpandukan kepada Pelan Sabah Maju Jaya, ke arah memacu dan memperkasa ekonomi negeri demi memastikan pembangunan negeri Sabah dan kesejahteraan rakyat secara inklusif dan berterusan.

Ucapan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Sabah, di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menyediakan peruntukan sebanyak RM64.11 juta ringgit untuk Kementerian saya dan Kementerian saya akan berusaha untuk optimumkan peruntukan ini untuk memastikan Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan dalam landasan yang baik.

29/11/2023 - RAKAMAN 12 - [11:50 PAGI - 12:00 TENGAH HARI] - [ABDUL WAFIY] - RAMENAH - NADA

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Datuk Speaker, melalui peruntukan pembangunan sebanyak RM38 juta ianya akan diagihkan kepada projek-projek di bawah Agensi Kementerian seperti SEDCO 8.9 juta ringgit, KKIP sebanyak 12.3 juta ringgit, POIC Sabah 13 juta ringgit, SOGDC sebanyak 3.4 juta ringgit bagi melaksanakan Projek-projek Pembangunan Infrastruktur dan yang berkaitan. Kementerian saya juga telah diperuntukkan sejumlah 300,000 ringgit untuk melaksanakan Projek Pembangunan Ekosistem dan Keupayaan industri di Sabah yang merangkumi Kursus-kursus peningkatan *capability* keusahawanan. Peruntukan daripada Kerajaan Negeri ini diharap dapat mencapai misi Kementerian ini dalam membangunkan Sektor Perindustrian yang dinamik dan mampan melalui promosi pelaburan menaik taraf Infrastruktur Perindustrian dan Pembangunan Keusahawanan.

Datuk Speaker, kita semua tahu bahawa Sektor Industri dan menarik pelaburan masuk ke Sabah merupakan tonggak utama untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini. Kementerian saya akan terus komited dan bertekad untuk menerajui usaha-usaha menarik lebih banyak pelaburan masuk ke Sabah sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia 2030 (NIMP) 2030 demi mencapai matlamat Sabah sebagai salah satu Negeri Perindustrian di Malaysia. Datuk Speaker, usaha dan komitmen berterusan Kementerian saya bersama dengan agensi berkaitan dalam menyelaraskan dan memudahkan cara pelaburan di Sabah sedikit sebanyak telah membuahkan hasil setakat suku kedua bagi tahun 2023 Sabah telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak 9 bilion ringgit yang merangkumi pelaburan dalam sektor utama pembuatan dan perkhidmatan nilai pelaburan ini telah menjadikan Sabah sebagai negeri kelima tertinggi di Malaysia

yang menerima pelaburan dalam tempoh tersebut dan untuk makluman tambahan 9 bilion ringgit ini adalah telah lebih besar daripada ke seluruh tahun 2021, iaitu 8.6 bilion ringgit.

So, ini menunjukkan satu *trend* yang positif yang mana Sabah semakin menjadi destinasi yang digemari oleh pelabur-pelabur antarabangsa dan negara ini. Sebagai makluman pelaburan dalam Sektor Pembuatan telah mencatatkan sejumlah 1.3 bilion ringgit antara Januari ke Jun tahun ini daripada jumlah keseluruhan yang saya sebutkan tadi. Pelaburan dalam Sektor Pembuatan ini adalah didorong oleh Pelaburan Domestik dan ianya jelas menunjukkan bahawa Pelabur Domestik pun berminat dan berniat untuk melabur di Sabah dan ini adalah komitmen yang berterusan dan saya lihat *trend* ini adalah agak positif. Kementerian saya yakin dan positif bahawa nilai pelaburan ini akan terus meningkat menjelang penghujung tahun ini komitmen dan penyelarasan proaktif Kementerian saya bersama dengan agensi berkaitan melalui satu *task force* ataupun *one stop center*, iaitu *stick manufacturing investment task force* telah diterjemahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk menarik beberapa pelabur asing dan domestik seperti mana yang dimaklumkan dalam Dewan yang mulia sebelum ini.

Sukacita saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Syarikat SK Nexilis Malaysia Sdn. Bhd. telah mengeluarkan dan mengeksport kerajang tembaga ataupun *copper foil* pertamanya, *first shipment* berjumlah 102 tan ke Amerika Syarikat dengan anggaran nilai produk berjumlah 5.5 juta ringgit pada 23 Oktober 2023 yang lalu. Ini maknanya pembuatan buatan produk Sabah *copper foil* yang *diproduce* di Sabah telah pun berjaya dieksportkan ke United States of America dan jumlah pengeluaran kerajang tembaga ini tembaga *copper foil* ini akan meningkat sehingga 57 ribu tan setahun dengan anggaran nilai produk yang dihasilkan berjumlah 2.8 bilion ringgit apabila kilang ini beroperasi sepenuhnya pada tahun depan. Hal ini sekali gus akan meningkatkan sumbangan Sektor Pembuatan kepada Keluaran dalam Negeri Kasar ataupun (GDP) Sabah di samping nilai eksport Negeri Sabah akan menambah dan kilang ini sehingga kalau *full capacity* 57 thousand tan ianya akan menjadikan kilang di KKIP ini ataupun *copper foil factory* ini di Sabah ini akan menjadi kilang *copper foil* pembuatan *copper foil* yang terbesar di dunia.

Hasil misi pelaburan saya ke Korea Selatan baru-baru ini telah menambah keyakinan Syarikat SK Nexilis Malaysia Sendirian Berhad untuk terus meningkatkan dan mengembangkan pelaburannya di Sabah ini jelas dapat dilihat apabila pelabur tersebut melalui Syarikat subsidiariesnya, iaitu Qurix Sendirian Berhad telah setuju untuk melabur bagi kilang *copper renew licence* di KKIP dengan anggaran nilai pelaburan sejumlah 300 juta ringgit pelaburan ini akan menyokong pengoperasian kilang-kilang yang sedia ada SK Nexilis di KKIP dan dijangka akan wujudkan lebih lagi peluang pekerjaan. Di samping itu, kilang pembuatan kaca solar Syarikat Kumpulan Kibing di KKIP yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 31 Oktober 2023 yang lalu dijangka turut akan mengeluarkan produk pertamanya pada suku pertama tahun depan 2024. Pengoperasian kilang ini sudah pasti akan meningkatkan sumbangan Sektor Pembuatan dalam KDNK Sabah GDP Sabah dan seterusnya akan meningkatkan lagi nilai eksport negeri ini. Kementerian saya amat menyambut baik saranan daripada Ahli Yang Berhormat Senallang dan Moyog agar pelaburan syarikat tersebut Kumpulan Kibing di Sabah tidak terhenti setakat pembuatan kaca solar sahaja sebaliknya pelaburan syarikat tersebut haruslah menambah pelaburan ataupun berusaha untuk wujudkan satu ekosistem yang baik supaya Sabah dapat bangunkan *solar panel industry* secara keseluruhannya.

So ini adalah komitmen dan saya telah bertemu dengan-dengan Pengerusi Kibing banyak kali saya tekankan bahawa mereka harus membesarkan ataupun mengembangkan pelaburan mereka kerana saya setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita tak boleh henti sahaja untuk buat kaca solar manakala kita kena besarkan industri sehingga kita ada satu ekosistem yang sempurna. Untuk makluman, sememangnya mereka sudah ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Datuk Seri Speaker.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Sekejap-kejap.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ya

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Mereka sudah menyatakan hasrat untuk mengembangkan pelaburannya dalam pembuatan panel solar yang lengkap di Sabah hal ini jelas dapat dilihat melalui cadangan-cadangan pelaburan yang baharu, iaitu dikemukakan oleh Syarikat Kibing untuk melabur lagi kilang pembuatan *poly silicon*, iaitu merupakan antara komponen yang utama dalam pembuatan solar panel tersebut. So, *poly silicon* ini adalah kritikal *pro material* untuk buat pembuatan kaca solar ataupun dalam sistem ini. So, sebagai makluman anggaran nilai pelaburan bagi kilang pembuatan *poly silicon* ini ataupun yang tambahan daripada yang sedia ada, iaitu berjumlah 1.16 *US Dollar billion* ringgit ataupun bersamaan dengan 5.42 bilion Ringgit Malaysia 1.16 *US Dollar* melalui dua fasa pelaburan yang sejumlah 3000 pelaburan sejumlah 3000 peluang pekerjaan akan diwujudkan melalui pelaburan in. Pada masa yang sama Kementerian saya sedang menyelaras cadangan pelaburan tersebut untuk memastikannya ianya dapat direalisasikan dan sekali gus menjadikan Sabah antaranya pengeluar utama bukan sahaja kaca solar tapi *solar panel* ya.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Terima kasih, Datuk Seri Speaker. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Menteri bertentangan dengan apa...

29/11/2023 - RAKAMAN 13 [12:00 TENGAH HARI – 12:10 TENGAH HARI] - [FARHANNA] - THEODORA - HADINIE

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Apa yang Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi itu. Mengikut laporan daripada Sabah Employer Association, ada penurunan. Apa ni? Domestik punya pelabur di negeri Sabah kan? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh lihat kepada *trend* ini dan kenal pasti apa sebabnya keadaan ini berlaku. Itu yang pertama.

Yang keduanya, setakat ini kita cuma bercakap soal Nexelis dan Kibing kan? Ada lagikah syarikat-syarikat yang lain yang mahu melabur di negeri Sabah bagi maksud tersebut? Kedua.

Ketiganya, Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya mencadangkan. Sebagai contoh Syarikat Kibing yang akan sepatutnya mengeluarkan solar panel, ya? Okey. Dalam fikiran kita sepatutnya solar panel. Sekarang dia cuma mengeluarkan kaca.

Kan? Kalau lah syarikat-syarikat ini nanti contoh sebagai contoh Yang Berhormat Menteri ya, apabila dia membuat solar panel maksudnya dia ada komponen A, B, C, D, E dan sampailah *complete set of product* boleh di eksport. Kalau mereka ada rancangan untuk mengembangkan pelaburan mereka di negeri Sabah, tidak bolehkah komponen-komponen yang lain itu di bagi kepada vendor-vendor *local* domestik untuk menyediakan komponen tersebut menjadikan dia *complete product* kan? Jadi, supaya industri domestik kita berkembang dan domestik pelabur kita juga berkembang dan bertambah. Terima kasih.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Yang Berhormat Tungku. Memang betul *trend* itu untuk menjawab soalan tambahan atau pun pencerahan. *Trend* penurunan, salah satu faktor adalah kerana COVID. Ianya telah menjejaskan *cash flow*, dengan izin dalam domestik, ekonomi domestik ini. Walau bagaimanapun seperti saya jawab kan dalam sesi soal jawab tadi. Tahun ini, *the first six months* dari Januari ke September, kita sudah menyaksikan ada sikit naik.

The first six months domestic investment on manufacturing is 1.3 billion. So, ianya ada trend yang positif walau bagaimanapun kita kena monitor supaya kita sentiasa memantau apakah masalah mereka dan kita sedia untuk fasiliti sekiranya ada masalah-masalah. Sebagai contohnya, kalau untuk industri makanan, mereka mungkin hadapi masalah untuk mendapatkan sijil halal. So supaya kilang mereka tidak dapat beroperasi. So kita, kementerian saya akan peranan tersebut untuk membantu *facilitation*.

Keduanya, pelabur. Saya setuju banyak tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Saya rasa kita *we are on the same page*. Kita tak nak henti di pembuatan kaca solar sahaja. Kita nakkan *the whole ecosystem. The whole chain of industry* dapat diwujudkan. Untuk makluman dia banyak untuk menjadikan solar kelas cuma satu komponen sahaja. Kita ada polisi *recone* yang saya sebutkan tadi atau solar sel. Ada *backsheet*, ada *transformer* dan *inventor* dan sebagainya. So, ini semua kita belum lagi ada satu *eco-system* yang sempurna.

So kita, saya menyahut dan saya setuju dan kalau boleh masukkan dalam ucapan saya. Saya menyeru kepada usahawan-usahawan atau pun *local industry players*

vendor-vendor tempatan untuk melihat secara *specific* kepada solar PV industri ini kerana kita kalau kita ada kilang pembuatan solar kaca solar, tentunya kalau ada *supporting industries it has to be local. We hope that it can be local.* Jangan semua FDI sahaja. So mereka dapat lihat ini adalah potensi pembangunan industri untuk kita. So supaya mereka berminat. Kalau mereka boleh gabung atau pun menarik ilmu atau pun pengetahuan atau pun teknologi dari China kah, Korea, Japan. Mereka sangat canggih. Mereka boleh bekerjasama dengan mereka untuk bergabung untuk bangunkan *supporting industry* di Sabah. So saya mengalu-alukan cadangan tersebut. Saya teruskan Datuk Speaker.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Speaker. Sikit sahaja. Saya mesti mau puji ini Menteri Datuk Seri Speaker. *This is the type of* menteri yang kita mahu *very specific*, baguslah. Syabas dan tahniah.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih pujian saya. Saya terima kasih dan saya menerima dengan hati yang baik. Kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang baik saya sudah tentu demikan kepentingan rakyat. Demikan kepentingan negeri kita. Kita boleh kerjasama untuk memastikan perindustrian ini dalam landasan yang betul.

Saya teruskan Datuk Speaker. Pada tahun ini, Negeri Sabah telah menerima pelaburan dari Syarikat Borneo Sabah Cement Sdn. Bhd. bagi pembangunan sebuah kilang bersepadu klinker dan simen di Daerah Tongod dengan anggaran nilai pelaburan sejumlah 2 bilion ringgit melalui dua fasa pelaburan. Kilang ini dijangka akan menghasilkan sejumlah 1.75 juta tan simen setahun. Dengan keperluan semasa pasaran sedia ada. Pasaran Sabah iaitu 1.4 juta tan simen setahun. Kilang ini dijangka bukan sahaja akan memenuhi keperluan semasa industri pembinaan dan perindustrian. Malah juga akan memastikan bekalan yang mencukupi untuk masa hadapan serta dapat mengeksport ke negara-negara jiran. Pada masa yang sama, pelaburan kilang bersepadu klinker dan simen ini akan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada import bahan mentah, pembuatan simen dari luar negara.

Dalam pada itu, pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,000 peluang pekerjaan seterusnya akan meningkatkan sosial ekonomi kawasan Tongod dan

daerah-daerah berhampiran. Semasa mengikuti sesi perbahasan bagi sidang Dewan Undangan Negeri ini, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berhubung isu peluang pekerjaan yang telah diwujudkan melalui pelaburan yang telah diterima oleh Negeri Sabah.

Seperti mana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya pelaburan yang diterima ini telah mewujudkan peluang pekerjaan di Sabah dan sedikit sebanyak akan mengurangkan *brain drain* di negeri ini. Pengisian peluang pekerjaan oleh anak tempatan adalah merupakan antara syarat atau garis panduan untuk kelulusan *Federal Manufacturing License* atau pun FML yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau pun MIDA yang mana jumlah tenaga kerja seperti masa syarikat pelabur mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% rakyat Malaysia.

Lanjutan daripada itu, Kerjaan Negeri telah menetapkan agar 80% daripada 80% itu hendaklah rakyat Sabah. Menerusi pelaburan-pelaburan yang telah direalisasikan ini. Sukacita saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat beberapa anak Sabah yang kerja di Semenanjung Malaysia dan luar negara sebelum, ini telah pulang untuk bekerja di negeri ini.

Kisah kejayaan yang saya kongsi ini diperolehi melalui satu sesi perkongsian dan perjumpaan saya bersama dengan beberapa orang Sabah yang telah memperoleh pekerjaan bersama Syarikat SK Nexilis dan Kibing pada 1 Ogos 2023 yang lalu di mana mereka mengeluarkan rasa kegembiraan dan kesyukuran untuk kembali ke Sabah dengan gaji yang agak lumayan dan pada masa yang sama mereka dapat menjaga ibu bapa yang sayangi.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa diantara perkara yang menjadi perhitungan untuk menggalakkan pelaburan ialah peluang pekerjaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat pasal dalam perbahasan pun saya telah bangkitkan tentang pekerjaan. Contohnya di Kibing tadi disebutkan bahawa ada 300 lebih pekerja yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat dan saya ingin tahu sama ada pekerja ini *factory workers* kah? atau pun *managerial*? Yang kita kehendaki *value added* bukan

kita hanya mahu pekerja yang *lower income group* yang ada. Saya masih ingat masa saya Menteri Perdagangan dalam Negeri, saya pastikan TESCO, GIANT *get people to work but I don't want them to become cashier. I don't want them to become* ni, satu bab. Yang kedua, tadi bila disebut Tongod, ada klinker. Mengapa harus kerajaan mengambil langkah untuk memastikan kilang berada di tengah-tengah bumi Sabah? jauh daripada pelabuhan. *The cost to carry that to the industries. Where are the industries?* Simen. Mana lagi satu? di Lahad Datu. Jarak jauhnya cukup jauh. Kos...

29/11/2023 - RAKAMAN 14 [12:10 TENGAH HARI – 12:20 TENGAH HARI] - [NORHAZIRAH] - JUDE - AHMAD

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Jadi satu perhitungan. Takkan tak ada *cost benefit analysis by the State Government to ensure that* satu produk simen nanti esok *very competitive*. Ini tidak sekarang, Datuk Speaker, harga simen di antara perkara yang cukup mahal, pasal itu harga rumah pun mahal dan ini akan membebankan. *End of the day* orang nak beli rumah, kilang yang kita kena wujudkan *to the industries, to the investors* yang ada. Apakah langkah-langkah untuk memastikan yang tadi? Pastikan pekerja yang ada *don't just workers* yang kita tahu buat kilang, buat bangunan, *contractor* punya *workers, no. We want end of the day the managerial kind of managers, financial officers* yang ada supaya kita sedar dan tahu, esok nanti bila kilang siap pekerja ini hilang. Kita tidak mahu dengar cerita, *once the factories completed, you're gone because the manager comes from China, the managers comes from Japan.*

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih. Saya setuju apa yang dicadangkan ataupun disarankan oleh Yang Berhormat Senallang. Memang betul kita tidak mahu ada kilang-kilang besar berbilion ringgit datang ke Sabah manakala pihak pengurusan atasan tertinggi adalah orang dari luar negara sedangkan di bawah itu adalah orang Sabah. Tidak mahu.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Sa. Ini Yang Berhormat nyatakan ada 300. Apa jenis pekerjaan ya?

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, so untuk menjawab soalan tersebut, izinkan saya berkongsi khasnya untuk SK Nexilis, 336...

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Datuk Speaker...

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: SK Nexilis... Ya?

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Menteri...

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Datuk...

Tuan Speaker: Biar dia habis jawab dulu, nanti dulu. Biar dia habis ini jawab dulu. Nanti *you* tanya balik ya.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Nanti, nanti, nanti. So, SK Nexilis seperti saya maklumkan tadi, 336 peluang pekerjaan telah pun berjaya diwujudkan dan izinkan saya kongsi secara terperinci apakah kategori dia?

Untuk rakyat Sabah, untuk anak Sabah, *out of 336* kita sudah ada 294 adalah rakyat Sabah dan *zoom-in* angka itu, *management - 27, engineers - 26, technicians - 241 and operation 0*. So, *there's are hierarchy*, juruteknik, jurutera *and for expat for luar negara, management - enam, engineer - lapan, technician - 0*. Maksudnya *85% of the employees are from Sabahan and they are not just doing the low you know low peak jobs. They are doing high technicians, they are some numbers of doing engineers*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Dengan izin, adakah ini *engineers* yang ada, *technician* yang ada untuk bina kilang sahaja ataupun *end of the day* bila panel bila *solar silica* yang kita bina mereka akan terus terlibat dalam pengurusan pentadbiran?

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, saya rasa apa yang dihasratkan ataupun disarankan oleh Yang Berhormat Senallang adalah *skill transfer* yang kita mesti membolehkan anak-anak Sabah yang bekerja di situ diberikan pengetahuan ataupun ilmu ataupun *skill* yang baik supaya mereka dapat memahami *the whole process* supaya satu hari nanti, kita tidak payah lagi bergantung kepada FTI dan kita boleh ada anak-anak Sabah yang bekerja di sana, mereka sudah tahu bagaimana mengoperasikan satu kilang yang besar itu dengan teknologi yang moden dan hijau supaya mereka dapat bangunkan kilang orang Sabah sendiri.

So, itu saya rasa kita sudah lihat dari pengalaman dari China *40 years ago*, mereka pun bergantung kepada FTI. Mereka orang-orang cina China dari masa itu mereka tidak ada pengetahuan itu. Mereka bergantung kepada FTI tapi dengan gigih berusaha untuk belajar, anak-anak Sabah *finally* anak-anak China *finally* mereka belajar *skill* dan teknologi. Sekarang mereka sudah ada pengetahuan dan mereka sudah ada keupayaan untuk membina kilang-kilang sendiri. Saya rasa kita adalah *we are on the same page*, saya akan memantau, saya sebenarnya 23 Oktober, apabila saya melawat ke kilang tersebut, saya sempat ke kilang itu dan saya lihat ada beberapa anak-anak Sabah sedang mengoperasikan dan buat *maintenance* untuk itu *copper foil* punya *machine*.

So saya akan memantau, pastikan anak-anak Sabah itu bukan kerja alang-alang. So mereka akan kerja yang *high skill* dan memastikan mereka dapat *pay* yang lebih baik. So saya rasa ini adalah hala tuju ataupun hasrat kita untuk memastikan anak-anak Sabah diberikan bukan kerja yang sambilan ataupun bawah tapi anak-anak Sabah kita akan diguaranteekan untuk mendapat *skill job* atau berkemahiran yang lebih tinggi.

Izinkan saya terus Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Okey Kuamut, ada mahu tanya tadi?

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Menteri.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya?

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Tadi ada disebut mengenai kilang di Tongod. Saya cuma ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Perindustrian khususnya dan Kerajaan Negeri khasnya amnya kerana akhirnya telah memecah satu tradisi di mana sumber ekonomi ataupun pusat-pusat perindustrian tidak tertumpu di bandar-bandar tetapi dibawa walaupun Tongod itu di hutan, mengikut keadaan semasa dan kemungkinan sudah difikir yang terbaik oleh pihak Kementerian, dan sesuai dan tepatlah industri ini akan dibuat di Tongod sebab Tongod ini merupakan salah satu lapan daerah yang termiskin di Sabah.

Jadi mungkin ke pihak Kementerian menjadikan ini sebagai pemangkin untuk menghapus ataupun membasmi kemiskinan yang di daerah Tongod, itu yang pertama. Yang kedua, saya rasa bangga kerana apabila kilang ini terjadi nanti, sudah tentu dinyatakan tadi dengan pelaburan yang besar, dengan peluang-peluang pekerjaan yang ada 1000, sudah tentu di sekitar kilang ini, perkampungan-perkampungan yang jauh nun di bandar akan mendapat peluang pekerjaan dan akan ada tempias dari segi kemudahan jalan raya, elektrik, air dan sebagainya.

So, saya ucap terima kasihlah Menteri. Cuma pertanyaan saya sahajalah, bila agaknya kilang ini akan dimulakan? Akan bermula? Terima kasih.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kuamut. Memang kita tahu, untuk menjadikan satu kilang daripada pilih lokasi, daripada cari *raw material*, daripada mendapat FML dan daripada untuk, untuk mendapat kelulusan EIA dan sebagainya, iaitu perjalanan yang panjang, yang bukan senang dan kita nak pastikan semua ikut prosedur yang baik dan betul supaya tidak timbulkan masalah, dan saya tahu apa yang, yang dikatakan Yang Berhormat Senallang, sebenarnya saya pun tanya soalan yang sama dan saya diberi fahaman bahawa dari kilang *site* dia pergi ke jalan Kalabakan adalah 27 Kilometer dan bukan sangat jauh sangat dan sudah ada sedia ada punya jalan tapi jalan itu balak jalanlah. So saya difahamkan, mereka pelabur ini, dia, dia ada keyakinan untuk bangunkan *factory* itu dan bina jalan itu dan sambungkan *utility* ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, soalan saya sebenarnya, bukan saya menafikan bahawa tidak harus berlaku industri. Di mana-mana tempat harus ada keseimbangan pembangunan di negeri Sabah tapi dalam pada itu, *cost benefit* yang saya tanya, adakah pihak Kerajaan telah menimbang secara dalamnya. Esok nanti bila kita jual simen ini ya, dia akan *sustainable*, bukan lima tahun, bukan dua tahun kerana kosnya satu *bulk*.

Keduanya harganya, ini saya sebutkan *it's not sustainable then how can you have it?* Industri mungkin satu hari akan lingkup oleh kerana jarak jauhnya yang begitu, satu *bulk*. Kedua, elektrik bekalan, satu pekerja, satu jalan raya. *What cost that is going to be incurd to ensure that all these sort of things factor in?* Supaya *end product* yang kita mahu jual ini, *it's a very competitive* dan pekerja-pekerja kita boleh kekalkan mereka di Tongod itu.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, saya setuju. Saya rasa oleh kerana *fix stock* ada di sana, *raw material* ada di sana, ada *lime stone* di sana so supaya dia boleh pemprosesan ini *clinker* di sana. Sekarang ini, kita kosnya sangat-sangat tinggi untuk simen adalah kerana kita amat bergantung kepada import. Import kepada *clinker especially last year* oleh kerana ada *disruption Ukraine War* dan sebagainya, *so*.

29/11/2023 - RAKAMAN 15 [12:20 TENGAH HARI - 12:30 TENGAH HARI] - [ADIBAH] - TERESA - NADA

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ... ianya telah ada *destruction* besar *major destruction* yang mana kita untuk import tu *shipping cost* dia itu menaik 40% - 50% dan ianya telah menjejaskan adalah jugalah ini *declaiming of the* ringgit *beaconing* ringgit pun menyebabkan import kita menjadi kos sangat tinggi. So, kita mesti ada konsep untuk *secure* ekonomi ataupun *economic security* supaya kita cari *raw materials* di Sabah dan kita sudah menemui ada *limestone clinker* yang boleh dibuat di sana so itulah sebab kita namakan bukan sahaja satu kilang yang biasa yang kilang bersepadu. Kilang bersepadu buat *clinker* di sana dan juga buat masa yang sama dan buat simen di sana itulah idea dia *and of course I will provide more info, Datuk Seri, I will provide more info to you if you're interested*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Dengan izin, Datuk speaker, sebenarnya kalau saya lihat perlu pihak Kerajaan ubah suai dasar perindustrian wilayah Sabah ini kalau mendengar apa yang telah dijawab oleh YB Menteri tadi, Datuk. *We are*, fokus dia kita oleh kerana di situ dia ada *raw materialnya*. *Same thing*, konsep yang digunakan itu Kibing. Itu *silica* dan bukan mengeluarkan *solar panel* dan kita eksport solar yang *raw material* untuk buat *solar panel silica* ke China, yang dapat ini China. Macam saya sebutkan contohnya macam kayu. Kita buat kayu, kita buat *plywood* tapi perabot dibuat di China. Lepas tu kita pilih balik perabot China. Yang kayu kita punya dari Sabah seumpama itu *silica*, seumpama itu *clinker* saya bagi tahu tadi, ya. *Not because of those material* yang ada. Kena kita harus lihat where it is *sustainable* untuk pastikan supaya Sabah is going to be *industrialize*.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, saya setuju seperti saya maklumkan tadi, *and I fully agree with you sir*, dan ini adalah hasrat dan aspirasi saya dan Kementerian saya untuk menjadikan Sabah sebuah Negeri Perindustrian dan *we have to continue words in industrilization*. So, itulah sebab saya jawab tadi, Yang Berhormat, pentingnya bukan Kibing sahaja membuat kaca solar dengan pakai kapasi *silica* kita sahaja, dan kita tidak mahu dia henti di sana sahaja kita mahukan dia besarkan ataupun mengembangkan pelaburannya supaya ada *the whole change of industry* di Sabah.

Saya tanya soalan kepada pengerusi Kibing apabila *first meet*. *I ask him, do you stop to produce* kaca solar sahaja? Saya tidak mahukan itu henti di sana sahaja. So, itulah sebab mereka cadangkan untuk mengembangkan salah satu kritikal *raw material* yang kita tidak ada itu *polish silicon*. So, sekiranya kita ada kilang *polish silicon industry change of industry* itu semakin besar sehingga ada *industry supporting industry will flourish*. So, ini kita usahakan, kita akan berusaha dan pastikan kita akan menjadi sebuah negeri yang pengeluar kaca *solar panel* di rantau ini bukan sahaja, kaca solar 99% 100% eksport to China, *and you are right, sir, it will only benefit the other people. Not Sabahan*. So, *this is only the first page*, Datuk Seri, Yang Berhormat, *I will do my best* untuk pastikan *solar panel* ini akan menjadi satu pengeluar utama dari segi eksport negeri Sabah. Okey, saya teruskan.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Datuk Speaker, baru-baru ini, Kementerian saya, saya akan menyentuh bahagian keusahawanan.

Datuk Speaker, baru-baru ini Kementerian saya telah menganjurkan Karnival PMKS Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana, daerah Tawau dan Sandakan. Hasil daripada penganjuran karnival PMKS ini selama tiga hari di daerah Tawau, telah menghasilkan jualan kaunter sebanyak RM45 ribu dan potensi jualan melalui padanan perniagaan *business matching* sebanyak RM2 juta.

Manakala, karnival di Sandakan pula, menghasilkan jualan kaunter sebanyak RM15 ribu dan potensi jualan adalah amat membanggakan bernilai RM7.4 juta. Dan kita akan teruskan menganjurkan lebih banyak karnival-karnival di PMKS di setiap daerah kalau izin. So, kita akan menggalakkan bukan sahaja pelaburan-pelaburan besar, industri-industri besar tapi PMKS pun sangat-sangat penting untuk setiap daerah dan tamu dan peringkat tamu. So, kita akan akan ... er ... mendapatkan lebih banyak peruntukan untuk kita buat karnival-karnival kecil supaya kita boleh membolehkan usahawan-usahawan di peringkat kampung mereka dapat melihat peluang dan ruang yang diberikan kepada mereka.

So, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberikan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi meneruskan program bantuan SME *Up* dengan peruntukan ini Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) akan teruskan membantu kepada usahawan yang mempunyai produk yang berpotensi dengan memberi bantuan dari segi mesin, pembungkusan, produk, pensijilan, MESTI dan halal, serta pemasaran produk melalui atas talian.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Pada tahun ini, saya akan memberi penekanan kepada ataupun memberi fokus, Datuk Speaker, kepada mereka bentuk pembungkusan bertaraf antarabangsa. *High quality design*, mengikut jenis-jenis produk yang agak ianya sesuai dieksport ke pasaran global. Di sini, saya ingin menunjukkan contoh pembungkusan yang telah ditambah baik hasil daripada program bantuan SME *Up* dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada syarikat kerana bekerjasama dengan DIDR dan sudi

untuk menyertai program kita untuk menambah baik *packaging* ataupun bungkusan ataupun yang penting adalah *design* dia. So, saya bagi satu contoh ini adalah yang sebelum ini, dan dengan bantuan Kerajaan Negeri kita buat macam ni. So, ini adalah yang kita menawarkan yang kepada program ini kepada Program SME *Up*, untuk *up scaling* keupayaan dan kapasiti mereka. So, sekiranya YB tahu ada usahawan betul-betul berniat untuk membesarkan pasaran mereka, *especially* untuk kita *emphasize to go for exporting*. So, ini adalah penting kerana *packaging* macam ini sudah tentu ia tidak menarik dan tidak dapat dieksportkan dia tidak ada pasaran. So, sekiranya mereka mengambil bahagian dalam program kita, kita boleh membantu mereka dalam program kita untuk memberi mereka pembungkusan yang lebih baik, *design* yang lebih sesuai dan dan menepati *the international standard*.

Dengan bantuan ini, usahawan dapat meningkatkan kapasiti dan produktiviti menjadi meningkatkan keupayaan pengeluaran usahawan IKS menghasilkan produk yang berkualiti dan seterusnya mengupayakan usahawan ke pasaran eksport. Menyedari keberkesanan Program Pemasaran Produk IKS sama ke pasaran tempatan, dan memberikan impak positif kepada Usahawan bersama IKS Sabah. DIDR akan terus usaha bekerjasama dengan Pasaraya Bataras dan juga Petronas Dagangan Sdn. Bhd. bagi tahun depan.

Program ini bukan sahaja mampu membantu produk IKS Sabah, menembusi pasaran tempatan namun juga ia dapat membantu meningkatkan ekonomi serta menjana pendapatan usahawan. Melalui kolaborasi bersama dengan Bataras hasil jualan sehingga Jun 2023 sudah mencapai RM3.4 juta berbanding RM1.4 juta tahun lepas dan RM3 juta pada tahun 2021.

So, sasaran tahun ini adalah RM3.2 juta. So, ini menunjukkan prestasi hasil jualan di Pasaran Pasaraya Bataras telah melebihi sasaran yang lebih, yang telah ditetapkan. Manakala, untuk Petronas, saya cuba singkatkan, sampai ke ...

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Tuan Speaker, boleh minta laluan.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Sekejap, sekejap. *I finish this paragraph.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Jangan sampai habis pula nanti. Okey.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Sampai setakat Julai 2023, adalah RM1.45 juta. So, ini apa yang saya nak ...

29/11/2023 - RAKAMAN 16 [12.30 TENGAH HARI -12.40 TENGAH HARI] - [SAKINAH] - SITI JUBAIDAH - HADINIE

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Nak kongsiikan adalah kita cuba untuk wujudkan platform Bataras, Petronas untuk usahawan IKS. Kalau mereka satu-satu saja pergi ke hypermarket sudah tentu susah sukar mereka untuk jual produk-produk mereka kepada the Megamall ataupun Mega supermarket. So, ini sudah tentu kerajaan kena ada intervensi ada program untuk wujudkan satu platform yang lebih besar kepada mereka ini adalah tujuan kita dan salah satu yang apa kita buat adalah kita menubuhkan produk pusat produk IKS, IKS *centre* di daerah-daerah untuk menyediakan ruang untuk mereka ada *visibility* untuk produk-produk mereka ya.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Terima kasih Datuk Speaker. Saya amat tertarik aaa usaha-usaha yang dilakukan khususnya dalam membantu usahawan IKS PKS di negeri Sabah ini. Untuk persoalan tadi ialah mengenai dari segi kualiti termasuk juga *packaging*. Adakah di kementerian kita ataupun di Sabah ada satu badan macam yang RND untuk menentukan kualiti barangan kita dan juga dari segi *packaging* itu? Itu saya nak tahu sama ada satu agensi. Contoh kalau di Semenanjung, MARDI salah satu, kualiti SIRIM salah satu khusus di Sabah macam mana? Terima kasih.

Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]: Boleh mencelah sedikit. Kesyinambungan daripada *packaging* itu juga. Saya dapati juga barang-barang IKS ini banyak harganya tidak setimpal dengan daripada dari segi kualiti sebab saya rasa harganya terlalu tinggi untuk kita bandingkan kepada harga *local product*. Jadi adakah mungkin ini disebabkan *packaging* itu atau *design* itu sendiri dan iya saya setuju juga daripada segi RND sendiri, bolehkah dapat satu harga yang saya rasa sangat

biarlah dia berbaloi sebab mungkin ini juga yang mendorong kepada tidak *support* kepada *local product* kerana harga yang ditawarkan adalah agak tinggi juga.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Kementerian saya melalui agensi DIDR sedang membantu perkara ini dan saya sudah kongsi tadi salah satu fokus untuk saya membantu usahawan adalah *packaging* kerana kita sudah tahu *in this world* ada design yang cantik *packaging* yang cantik *you* jual RM20.00 RM30.00 ada orang akan beli. Manakala kalau tidak ada design dan *packaging* yang baik mahupun sangat sedap pun mungkin tidak orang tidak gemari. So, ini manusia punya biasalah so apabila *you* masuk satu supermarket sudah tentu *you* ditarik dengan *design* yang cantik yang beli itu dulu. So, untuk jawab soalan daripada Kukusan, betul harga tinggi mungkin salah satu faktor adalah kapasitinya rendah. So, untuk buat itu dia tidak ada satu kapasiti yang mencukupi yang bahan-bahan yang dia beli itu semua kos yang tinggi sebab dia tidak ada *economic of scale*. Dia tidak boleh beli *in bulk*.

So, apa yang kita buat kita membekalkan mesin untuk besarkan, tingkatkan kapasiti mereka sehingga mereka ada *skill* itu supaya mereka boleh rendahkan kos supaya menjadikan *competitive* and *it's a free market* so ada yang meletakkan harga itu yang yang sudi rendahkan apa dia nipiskan dia punya untung supaya dia ada pendedahan yang baik. So, ini *market* yang apa walau bagaimanapun Kementerian saya yang akan memantau dan membantu dan kita akan mensasarkan mana satu usahawan ataupun syarikat ataupun produk Sabah yang ada kapasiti untuk besarkan supaya ada kebolehan untuk eksport.

So, ini adalah salah satu fokus yang saya betul berniat untuk menjadikan Sabah sebagai satu *export base* dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat pernah membangkitkan soalan begini, *Why our export 72.3%, are all primary products, palm oil* semua ini, tidak adakah, produk-produk kecil? Produk-produk Sabahan yang mampu jual ke seluruh Sabah seluruh dunia ini adalah salah satu fokus yang perlu kita usahakan. Saya teruskan Tuan Speaker.

Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]: Ok terima kasih YB Menteri *I just want to add the big more* tentang pemprosesan inilah. *I understand from what you said just now, you give mostly machine to I don't know either individual group. So I've two issue on*

that, one is when it comes to processing I see that many the machine are either exported maybe from China or Is there possibility where we actually of what I see this machine is a quite simple either packaging or processing of food local products? Is there possibility of actually producing this machine ourself and I think that to be your local industry as well? I mean doesn't up to very big that I think that could be one of them. The other one is the tendency is to give this machine to one individual rather than to a group. I've been looking at various initiative where you have community processing how so community packaging where you know one machine for a number of group of people that doing the same thing. So you say electricity, you say the rental and so many things, so its up possibility that your Ministry is looking at. Thank you.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Yang Berhormat Kapayan. Nombor satu adalah mesin, betul kita walaupun kita bagi mesin bukan geranlah. Kita membekalkan mesin kepada usahawan yang layak untuk mendapat menyertai program itu kita akan cari mesin yang mereka perlu. So, mesin itu biasanya dia import dari China, secara amnya kerana mesin itu dia dia *cheaper* and its *efficient* untuk dan membolehkan kerajaan tidak memakan kos yang sangat tinggi untuk membeli mesin dan sedangkan kita boleh membeli lebih banyak mesin kepada usahawan-usahawan.

So, ini adalah salah satu fokus tapi saya rasa Yang Berhormat katakan saya setuju mungkin kita boleh sama dengan *local industry* yang kilang-kilang mereka mungkin ada keupayaan untuk untuk membuat mesin tersebut, tak payah kita import dari dari apa. So, *we caught in my speech so I hope the usahawan out there maybe we can also do some engagement.* Ini akan menjadi satu cadangan yang baik untuk kita *went we come engagement with the industry players* so sedangkan kita memperuntukkan begitu banyak juta ringgit untuk mengimport mesin, *why not we do it here* so ini cadangan baik. Keduanya, saya sedar dan tahu kerana garis panduan DIDR ini program ini adalah kita bagi mesin itu *direct* kepada syarikat yang mesti ada alamat yang berdaftar yang mesti syarikat yang mesti ada *trading license* kita akan menapis siapa yang layak. So, setakat ini memang mengikut kriteria daripada MOF tidak dibenarkan kita bagi satu kumpulan ataupun agensi kerajaan dan sebagainya. So, saya sedang berbincang dengan beberapa pihak, mungkin kita ada cara-cara yang baik supaya apa yang dicadangkan Yang Berhormat itu betul kerana

kita kalau kita berbanding kita bagi satu syarikat saja syarikat itu diuntungkan. *Why not we do like a group* bagi satu koperasikah ataupun bagi satu kumpulan yang mana mereka boleh kongsi-kongsi untuk pakai mesin itu supaya eksport *valu*enya ataupun pembuatannya dapat dipertingkatkan. So, saya rasa ini adalah salah satu yang kita sedang bikin, harap-harap kita ada satu penambahbaikkan dalam polisi ini.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya Menteri, Menteri...Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Ya ini...ini...

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Boleh saya terus bacakah? Kalau tidak saya sangkut sini susah.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Elopura yang *you* mau tanya ini, *you* ada bangkit ni ada dalam perbahasankah?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Tidak...yang ini yang tadi yang Kapayan tanya yang khusus..

Tuan Speaker: Kalau tiada *you* duduk.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Nantilah, nanti.. nantilah saya buka ruang ah.. Yang Berhormat. Terima kasih ar.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri..

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, banyak lagikah?

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Saya cuba ringkaskan Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Tak, saya bukan suruh kasih cepat, saya tanya saja.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, *I know I know. Thank you* Datuk Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini atas saranan Yang Berhormat Kadamaian selaku Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (USKOP) pada persidangan DUN yang lalu, Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan, Keusahawanan Negeri Sabah yang bertujuan untuk menyelaraskan program-program pembangunan keusahawanan...

29/11/2023 - RAKAMAN 17 [12.40 TENGAH HARI - 12.50 TENGAH HARI] - [SALEHA] - NADIA - AHMAD

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ...keusahawanan dan membincangkan isu-isu semasa serta bantuan kewangan dari semua pihak sama ada peruntukan dari Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. So, ini penting kerana kita mesti ada penyelarasan *full scope* ada bajet yang besar tapi *sometimes there are missed batch*. Kerajaan buat sendiri Kerajaan Persekutuan buat begitu. Kita tidak ada koordinasi untuk memberikan sokongan yang lebih besar kepada usahawan-usahawan yang tertentu dan dengan ada kerjasama dengan Yang Berhormat Kadamaian sebagai Menteri Persekutuan, kita akan kita akan memperhalusi dan memperbaiki program-program yang kita tawarkan kepada usahawan.

So, satu mesyuarat telah pun dipanggil dan diadakan pada 16 Oktober yang lalu yang dipengerusikan oleh saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Kadamaian. Hasil daripada mesyuarat ini, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti sepuluh syarikat yang ada *capacity* untuk *export* dan diserahkan kepada Persekutuan untuk diberikan peruntukan ataupun *support* yang lebih besar dari peringkat persekutuan untuk mereka ada *capacity* untuk *export*. So, ini adalah untuk salah satu cara kita kalau Kerajaan Negeri tidak mampu untuk bantu mereka sehingga ada *global capacity* kita kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan kita mengenal pasti kita bagi mereka mungkin *packaging we do but machine federal do*. So, kita ada koordinasi begitu sedemikian.

So, bagi meneruskan dan selain daripada itu untuk kita seperti selaras dengan aspirasi untuk kita bangunkan negeri Sabah sebagai satu negeri *export*, kita juga giat untuk ada program mempromosi dan memasarkan produk Sabah ke pasaran antarabangsa. Kemudian, saya akan menyertai beberapa ekspo perdagangan antarabangsa pada tahun depan. Antara destinasi ekspo-ekspo perdagangan antarabangsa yang telah dikenal pasti ialah Gulfood di Dubai, FHA Food and Beverage di Singapura, Thaifex di Bangkok, Thailand, Food Expo World Food Expo di Filipina, MIHAS di Kuala Lumpur, SIAL di Paris, Interfood Jakarta di Indonesia dan negara-negara China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah nilai eksport usahawan-usahawan yang menyertai ekspo-ekspo ini setakat ini adalah RM26 juta setahun. So, maksudnya kita bawa mereka pergi ke ekspo-ekspo perdagangan antarabangsa mereka punya *export* nilai keseluruhannya adalah RM26 bilion. Tapi pada 2023, Kementerian saya telah membawa usahawan-usahawan Sabah menyertai lapan ekspo dan hasil potensi jualan adalah RM30.25 juta berbanding tahun lepas RM10 juta sahaja. Kerana kita tambahkan *effort* untuk bawa mereka pergi ke expo-ekspo antarabangsa dan saya harap dapat hari tahun ini kita dapat diberikan sokongan lebih lagi khususnya daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya kita bawa lebih banyak membolehkan apa pendedahan daripada usahawan-usahawan Sabah di ekspo-ekspo antarabangsa.

So, harap-harap ini akan dibesarkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikut merupakan antara beberapa kejayaan yang diperolehi hasil daripada penyertaan usahawan Sabah ke ekspo-ekspo antarabangsa. Izinkan saya kongsi kerana ini penting. Satu, CNF Enterprise Sdn. Bhd. Satu syarikat yang pengeluar produk keropok yang telah menyertai Ekspo Gulfood dan Thaifex yang menghasilkan nilai eksport mencecah 8.7 juta ringgit setahun ke negara seperti Arab Saudi, UAE, Oman, Kuwait dan Lebanon. Banyak contoh saya ringkaskan. Keduanya, Life Water Marketing Sdn. Bhd. Syarikat pengeluar produk minuman ini telah menyertai satu rombongan yang saya bawa ke BETCON Expo BETCON di Brunei dan mereka telah menghasilkan nilai eksport sebanyak RM1.2 juta ringgit sebagai permulaan dengan kerjasama dengan syarikat di Brunei.

So, ini pun satu cadangan, satu idea yang baik walaupun kita bawa mungkin pakai 100,000 ribu untuk *setup* Sabah Pavillion tapi sebenarnya hakikatnya manfaat kepada usahawan itu adalah memberangsangkan.

So, satu lagi saya ingin kongsi, iaitu Rosmie Snack Sdn. Bhd. Dalam rangka misi pelaburan saya ke Jepun baru-baru ini saya telah menyaksikan satu MoU *signing* di Malaysia Fair Tokyo. Antara Rosmie Snack dari Tawau dengan satu syarikat Jepun, iaitu SD Impact yang dimana SD Impact akan mengimport keropok amplang dari Tawau satu *container* setiap bulan dengan nilai 60 ribu setiap tahun dengan pembungkusan cara Jepun. Mereka membungkus semula dengan mereka pakai punya cara. Izinkan saya kongsi ini amplang dari Tawau yang kini sudah dijual di pasaran Jepun. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada usahawan dari Tawau dan saya dengan ini saya nak menggalakkan usahawan-usahawan jangan putus asa besarkan *investment*, besarkan *business* mereka yang *I believe that* Sabahan produk *can go to every corner of the world*.

Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]: Yang Berhormat Menteri boleh saya ni?

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Kejap, kejap.

Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]: Okey.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya Datuk Speaker, nanti saya bukalah sebelum saya tutup ya. Datuk Speaker, sebagai usaha berterusan untuk merancakkan ekonomi di negeri ini. SEDCO akan melaksanakan lima lagi ah projek baru...

Tuan Speaker: Bila *you* gulung, *you* tak boleh buka lagi. Kalau *you* sudah gulung *you* tak boleh buka lagi. *If you want to received anything facts you can ask now*.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Okey... okey *then* I bukalah.

Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]: Boleh ya? Okey terima kasih. Terima kasih Menteri sebenarnya daripada Tawau tadi yang Rosmie Snack tu adalah merupakan warga Kukusan dan juga mempunyai kilang kedai sendiri di Uni Villa Industrial Park yang betul-betul dalam kawasan Kukusan dan antara kawan-kawan rapat jugalah. Jadi disini kita boleh lihat ya. Saya ingin mendapat perhatian daripada pihak

Kementerian sendiri. Saya percaya Kementerian sudah nampak pertumbuhan di sebelah Pantai Timur terutamanya tentang pertumbuhan industri IKS dimana melihat banyak apa itu produk-produk tempatan daripada Tawau *especially* dan ini sebenarnya memberi satu membuka lagi satu market baru untuk kita menjana pendapatan dan membawa *branding* Sabah itu sendiri keluar negara dan malahan ke peringkat *international* dan saya cuba, saya ingin mendapatkan daripada Kementerian sendiri. Adakah akan daripada segi hala tuju dalam segi merancakkan lagi industri IKS ini, di mana Tawau ya industri penggiat-penggiat industri IKS daripada Tawau ini, dimana hala tuju mereka dan sebagai seberapa banyak sokongan yang akan diberikan untuk apa tu memberi peluang kepada mereka ini saya percaya mempunyai potensi yang sangat besar ya.

Ada beberapa sebenarnya penggiat industri IKS yang datang berjumpa saya dan saya melihat produk-produk mereka ini memang mampu membawa nama Sabah lagi ke peringkat luar. Jadi ini cuma dari peringkat Kementerian sejauh mana usaha dan hala tuju yang akan diberikan kepada industri-industri ah... penggiat daripada Tawau ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Kukusan, ini sepatutnya Yang Berhormat bangkitkan dalam perbahasan semalam ya. *Because you bringing new facts.*

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya... ya.

Tuan Speaker: Silakan Yang Berhormat Menteri. Kalau *you* tak boleh jawab *you* boleh jawab secara bertulis.

Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]: Maaf Datuk Speaker terlalu banyak benda yang belum kita dapat masukkan dalam *point* dengan masa 10 minit sahaja, disuruh gulung gulung.

Tuan Speaker: Tak apa, saya cakap sama Menteri, kalau *you* tak mahu jawab sekarang *you* jawab secara bertulis.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Kukusan. *I think we can have a kupa-kupa session out there then discuss how do we help Tawau entrepreneurs.* Sudah tentu kita ini adalah hasrat dan aspirasi kita untuk kita membantu usahawan-usahawan di setiap daerah. Kalau mereka ada produk ataupun idea yang baik sudah tentu kita tolong selaraskan. Kita ada pelbagai *outfit* kita ada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kita kena tengok apakah tahap mereka, sampai tahap mana. Kalau mereka buat di *homemade* sahaja mereka perlukan satu kedai di kawasan perindustrian untuk besarkan *business*. So, banyak cabaran dan kita akan tengok bagaimana kita memberikan bantuan bersasar kepada mereka ya. Ya.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *Thank you* Datuk Speaker. Saya rasa ada saya satu kali tanya semualah. Saya termasuk dari SMJ dan Palm Oil.

Tuan Speaker: Tak ada. *You* tanya yang *you* ada bangkitkan dalam perbahasan...

29/11/2023 - RAKAMAN 18 [12:50 TENGAH HARI - 1:00 TENGAH HARI] - [NABILA] - AZYATUL - NADA

Tuan Speaker: Tapi dia tak jawab. Itu sahaja.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Yalah. Tengok Menteri dapat jawab. Kalau tidak jawab. *I mean ...*

Tuan Speaker: *Nda* (Tidak), kalau yang *you* tanya, *you* ada bangkit dalam perbahasan *you*, tanya. Kalau tak, tak payah tanyalah.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ekonomi Sandakanlah. Apa yang bangkit ialah Ekonomi Sandakan.

Tuan Speaker: *You* bangkit yang *you*, *you* tanya yang *you* bangkit dalam perbahasan sahaja.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya. Ya. Ya. Okey. Setelah tentang ekonomi Sandakan. SME di Sandakan tiada SME bank. Di Tawau, KK adalah. SME Bank tiada di Sandakan. Pertama.

Kedua ialah SME **punya requirement** ialah mahu tiga tahun *nett profit*. Tapi, kita yang banyak yang, yang usahawan, dia cakap itu **COVID**, mana ada tiga tahun yang **COVID** ini. Apa macam kita mahu, mahu uruskan ini dengan SME, yang lain bank dia punya *interest* memang tinggi. Tapi SME tidak dapat tolong rakyat di Sandakan. Jadi tiga tahun mesti mahu *nett profit*. Jadi, apa macam *nett profit* untuk yang COVID masa itu? Itu yang saya pun tidak tahu yang Menteri. Yang lain punya itu. *You* mau jawab sekarang? Atau. Ya. Ya.

Yang sekarang *getting license* dari MBS makin susah sebab sampai ada yang kedai tutup buka, tutup buka. Sampai dia tutup sudah pun tidak dapat *trading license*. Sampai dia tutup sebab *business* tidak baguslah di Sandakan. Di Sandakan *business* tidak bagus. Walaupun dia buka dua tahun, lepas itu tutup. *Trading license* belum dapat lagi. Dia pun tak apalah, saya pun. Saya punya *business* pun tutup sudah. Itu yang masalahnya, masalahnya ialah di Sandakan ini *trading license* susah dapat melalui MBS atau BOMBA. BOMBA. Ada satu syarikat yang saya sebut nama di sinilah, 99 Speed sampai hari ini ada 20 lebih kedai belum dapat **OC**. Saya pun hairan apa yang sebabnya.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Apa itu? Apa itu? 99 Speedmart?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya. Ya. Ya.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Belum lagi dapat?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: OC.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: OC.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: 20 lebih.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Siapa punya *developer* itu?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Bukan *developer*. Yang, yang kedai-kedainya, dia, melalui MBS.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Yalah. OC.

Tuan Speaker: Pasal lesen biar KKTP yang jawablah. *You* jangan tanya dia.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya. Ya. Ya. Itulah. Saya mahu sebutnya ialah susah itu industri di Sandakan, ekonominya susah. Jadi, ini yang seharusnya yang Menteri dapat *maybe look into this matter regarding how to simplify, to* ringkaskan ini cara-cara untuk usahawan yang *business* dapat lebih hasil. Apa yang tadi yang Menteri yang sebutlah.

Yang isu yang kedua ialah yang industri.

Tuan Speaker: Satu isu sahaja. *You* banyak-banyak isu *you* berhujah sudah.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Sebab saya ...

Tuan Speaker: Biar dia jawablah.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Saya kasi dia jawab satu kali. Saya rasa Menteri tiada masalah.

Tuan Speaker: Tiada. Tiada. **Biar** dia jawab yang *you* tanya tadi itu. *You* duduk dulu.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *You* jawab dulu?

Tuan Speaker: Kalau itu bermakna *you* hari ini, *you* berbahas juga itu. Kalau masih mahu bercakap banyak-banyak.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: *Please. Please. Please, Menteri.*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *Oh, okay, thank you. Thank you. Thank you, Menteri.* Yang Menteri ini, saya selalu teks sebab ini bagus.

Tuan Speaker: Kau sudah rundingkah?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Yang, ini, ini isu yang *palm oil* bukan hari yang pertamalah. Tadi, Menteri ada sebut banyak pekerja bekerja, bekerja peluang untuk datang Sabah atau yang *outsider* atau yang Sabahan di luar negeri atau di negara punya, kita akan jemput balik. Tapi, *palm oil* punya, *palm oil milk* atau *palm oil industry* itu *upstream*, tempat buah dan sebagainya.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Sampai hari ini, 20 tahun sudah tidak dapat selesai bekerja.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Jadi, saya tidak tahu apa cara. Saya rasanya, SU atau TSUT ada yang **pendasar ini soalan** dari dulu sampai hari ini, tidak dapat selesai pekerja di dalam kebun.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *Especially east cost.*

Yang kedua ialah LPP sendiri. Sekarang di Lahad Datu, POIC atau yang Sandakan, dia sendiri *generate power* sebab dia tidak cukup dapat **SSP/SESB** lah, tidak cukup *current* untuk yang **KCP** atau (**kurang jelas**). Dia sendiri *generate power*. Jadi LPP sendiri. Pertamalah, *current*. Kedua, air. Dia sendiri *generate* air. Dia buat *water treatment plant*lah. Dia buat *water treatment plant* jadi, Lahad Datu mahu beli air di luar. Ada lain-lain syarikatlah.

Yang, jalan raya tidak bagus dia macam contohnya, Sandakan pergi Lahad Datu. Tawau pergi Lahad Datu. Dia POIC kan? POIC untuk eksport *about* dan sebagainya. Sandakan pergi Lahad Datu atau Tawau pergi Lahad Datu. Lahad Datu punya pun tidak, tidak, tidak apalah. Tidak baguslah, ada *accident* satu, semua jem sepuluh jam. *You* pun tahulah

Tuan Speaker: Yang Berhormat *you* berucap ini balik ni.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya. Itu yang...

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Okey.

Tuan Speaker: Sudahlah, *you* bilang kedua, kedua sudah empat kali *you* punya kedua ini.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Yang Berhormat, biar saya teruskan boleh?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Biar saya jawab.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya, terus.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Yang Berhormat, terima kasih. Datuk Speaker, untuk menjawab soalan saya

minta sikit masa untuk menjawab dan teruskan ucapan saya. Saya mohon maaf mengambil masa yang panjang. *Sorry about that.*

SME Bank, saya sudah tahu dan sebenarnya saya sudah bangkitkan kepada Menteri yang bertanggungjawab, iaitu Yang Berhormat Kadamaian. Beliau merupakan Menteri yang bertanggungjawab SME Bank, iaitu agensi dari pusat. So, saya akan terus lagi untuk minta sama Yang Berhormat Menteri Kadamaian untuk terus berusaha untuk wujudkan satu SME Bank ataupun SME punya *facility* di Sandakan.

Keduanya, *trading license*. Saya akan berbincang dengan KKTP supaya kita tengok macam mana kita mempercepatkan pengeluaran ataupun pengisuan ini *trading license* supaya memudahkan cara untuk perniagaan.

Ketiganya, oleh kerana 99 Speedmart itu adalah kes spesifik. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat memberikan maklumat kepada saya supaya saya boleh kaji dan saya mungkin, saya boleh berbincang dengan Menteri KKTP, sahabat saya.

Dan yang keempat. Saya ambil sikit masa untuk *address* ini **lebih** *shortage* kerana tadi saya kerana sesi soal jawab. Saya belum lagi sempat untuk memberikan jawapan yang agak menyeluruh. Tapi secara amnya *why it happen for 20 years, I think it **gradually** coming more and more serious*. Ya saya rasa Yang Berhormat pun rasa semakin serius.

Beberapa faktor, Yang Berhormat, salah satu adalah *Indonesian minimum range has already **empower with** Malaysia*. So, *last time* we bergantung kepada Indonesian workers dan sekarang mereka tidak balik lagi. *So that, that create a vacuum and what I'm trying to say here is that* Datuk Speaker, *if I may I'm loud is that* kita terlalu bergantung kepada *cheap labour over the past many many years. Our structure of economy is that cheap labour*. Kita ini semua ini (**kurang jelas**) pun pakai ini *labour **prun** labour. And full labour is very cheap last time. But over the past 10 years especially the investment coming to this region. South East Asia, Vietnam-Indonesia*. Mereka mendapat *investment* sangat-sangat cepat. Cepat dari Malaysia.

So, ianya menimbulkan satu masalah. Masalah itu adalah mereka punya pekerja balik dan kita tidak dapat *feel the vacuum* and sedangkan rakyat anak-anak Sabah mereka tidak mahu bekerja di dalam *plantation and that became the vacuum and* anak-anak Sabah, *if you ask every out there* mereka rather according to statistic 60% of them, between 18 years old to 35 years old, mereka rather became dig workers. Pergi ke Singapore untuk jadi grab driver. So ini adalah masalah itulah sebab Kementerian saya berfokus untuk bangunkan industri yang semakin downstream.

Mungkin *midstream* tak apa macam kilang kaca solar. Sekurang-kurangnya mereka boleh menawarkan gaji lebih kurang RM3000. Mana ada anak muda, mereka mahu balik ke masuk ke *plantation* untuk buat macam RM1200, just a contoh. Of course, maybe my figure is not accurate. But. But in general, in general. Apa yang berlaku sekarang adalah we have a *labour market transition*. The whole region South East Asia. Bukan senang untuk dapat.

Di Semenanjung Malaysia, mereka mengimport Nepal dan Bangladesh sekarang. And we still don't have that policy at the moment and mereka sanggup bekerja di, di sana. So, if you look at that. So I think in general what I suggest and what the government is committed and inspired to do is that we have to shift from kebergantungan cheap labour, low cost labour to higher cost and to manufacturing. We have that opportunity to do so. So, sekiranya new, all the millers can come out with some. Of course it just theory that, Yang Berhormat, I know you're going to question me. What is your perancangan? What. What you are trying to do? But in general in, in principal that what we ...

29/11/2023 - RAKAMAN 19 [1:00 TENGAH HARI – 1:10 TENGAH HARI] - [JULIAN] - NADIA - HADINIE

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ...should do is to shift from only primary industry to higher up stream ee to down stream. So ini adalah fokus yang perlu kita buat. Saya rasa di Semenanjung Malaysia pun buat begitu. Shortly notis is happening in the region and is very difficult to find the *libus* nowadays unless we are agree able to ee *Nepally* or Bangladesh. Even Bangladesh according to statistic Bangladesh 13 million of the the their are

people of Bangladesh are working abroad are only 8, no, more than 8 million are not working in South Asia, they go to Middle East. So kita rebutlah we are fighting among ourselves. But in general, what we are trying to do is that we have to shift away from bergantung kepada shift level, low cost, level to higher pay high scale manufacturing sector. I just opinion ee my honest opinion and humble opinion. Ee ya, just a little bit ya, please, nanti saya kena tegur dah

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *YB can give for me one more later, thank you.*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *sa, sa, agree what you...*

Tuan Speaker: *Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau you mahu bangun bertanya balik mencelah you celah perkara yang you bangkit dalam perbahasan, bukan perkara baru and then you mahu berucap panjang-panjang, you minta pencerahan sahaja..*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *[Mencelah] Datuk Speaker isu ini bukan...*

Tuan Speaker: *Kenapa isu yang you bangkitkan tidak dijawab itu saja.*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Isu yang saya mahu tanya itu bukan isu baru...*

Tuan Speaker: *Bukan saya bercakap sama you, you punya giliran.*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: *Ee betul-betul yang, purpose ialah di tangan kita ada in hand in Sabah ada bukan warga negara maybe can bukan warga negara book in the the estate field maybe can purpose like this bukan warga negara yang or PTI isu the work in the estate field?*

Tuan Speaker: *Ini yang isu you baru bangkitkan ni, biar dia jawab you secara bertulislah, you jangan minta jawapan di sini. How can you expect into reply immediately when his just you only question him now. You have ... penyelarasan yesterday.*

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Okay, okay, terima kasih ee ya, ya Sri Tanjong.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Saya punya soalan menteri mesti boleh jawab sebab dia selalu *promote for the new investment*.

Tuan Speaker: *So what to the promote* kalau kau tidak bangkit dalam *you* punya masa *you* jangan tanya dia *because* kalau *you* ada bangkit *you* punya masa baru tanya dia.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Saya tidak sempat untuk bangkit dalam perbahasan sebab masa tidak cukup tetapi isu ini memang isu berkenaan dengan kementerian dan kalau menteri boleh..

Tuan Speaker: *You* mahu tanyakah atau *you* mahu berucap?

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Saya bertanya sekarang.

Tuan Speaker: Ah tanya sekarang soalan, jangan berucap.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Saya ingin bertanya kepada menteri ee pasal peluang pekerjaan yang telah diwujudkan untuk orang Sabah yang bekerja di kilang-kilang, di bank, *miscellaneous* dan sebagainya. Saya ingin bertanya jawatan yang diwujudkan ini sama ada adalah ja... jawatan secara *contractual* ataupun ataupun *permanent, is a permanent job*. Kedua saya ingin bertanya kepada YB. Menteri..

Tuan Speaker: Satu sahajakan.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Inipun saya rasa YB Menteri boleh jawab. Adakah ee orang Sabah, orang-orang Sabah ini ee dapat diberi peluang untuk bekerja bukan sebagai *blue collar*, bukan sebagai *factory worker* sahaja.

Tuan Speaker: Dia sudah jawab masa pencerahan daripada Senallang tadi itu.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya ada.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Jadi apakah usaha yang sedang dilakukan oleh YB Menteri?

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Saya saya saya apa izinkan saya *repeat again I I know that is a concern*, ah saya kita semua *on the same page*, kita mahukan anak-anak Sabah di kilang-kilang walaupun FDI dia datang jauh dari Korea kah, China kah, apa yang kita nak tekankan ialah *scale transfer*. Yang kita mahukan, anak-anak Sabah dapat mengambil bahagian dalam *the process of the* pembuatannya, yang mereka buat di Sabah. So ini pun saya sudah *quote experience from China dulu and you can refer to handsard later*.

Tapi apa yang penting saya, izinkan saya cadangkan, saya sebenarnya saya mahu buat ini lawatan kepada dua-dua kilang ini. Saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk buat satu lawatan dan kunjungan ke dua-dua kilang ini. Kita tentukan satu masa, supaya kita pergi sana, kita dapat *interview* ataupun kita dapat lihat sendiri ee, anak-anak Sabah yang sedang bekerja di sana, dan apakah ee layanan mereka, dan supaya kita tahu bagaimana kita boleh bangunkan, *of course I I know that maybe some of them are not at the sup, super management level. And is normal because* mereka baru baru sahaja menubuhkan kilang, sudah tentu mereka memerlukan seorang yang berpengalaman aa dari Korea ataupun China untuk menjadi Pengurus Besar.

Tetapi itu mene, memerlukan masa mungkin dua tiga tahun sehingga **merek** anak Sabah tahu, macam mana *then we can achieve 90% of Sabahan to do maybe in years to come. This our target and we will continue to do that I give you my word*, kita akan pantau kita akan *monitor but* setakat ini kita sudah capai 85% of Sabahan. *There just start operational, we never thought that we can achieve 85% but still we achieve that. So I will, I will keep your posted, I keep everyone posted from time to time, every* sidang Dewan anda boleh kemukakan soalan, saya akan bagi maklumat yang terkini. Terima kasih, saya teruskanlah Datuk Speaker.

Datuk Speaker, sebagai usaha berterusan untuk merancakkan ekonomi di negeri ini, SEDCO akan melaksanakan lima buah projek baru pembinaan kedai sosio ekonomi. Pada tahun hadapan iaitu projek lapan unit kedai di Padas Damit Beaufort, 14 unit kedai di Tungku Fasa 2 Lahad Datu, ke...12 unit kedai di Kalabakan, 6 unit kedai di Weston, 10 unit kedai di Matunggong Fasa 2. Pama..pada masa yang sama SEDCO sedang giat, menyiapkan beberapa premis perniagaan seperti berikut: Kedai dan Hotel Pulau Bum-bum, Semporna, 1 blok kedai 8 unit dan kedai Sook, Blok B, yang diakan... menyediakan 4 unit kedai dua tingkat dan 4 unit 3 di 3 tingkat.

Tan Seri ee Datuk Seri Speaker, ee izinkan saya menyentuh beberapa soalan ee yang yang dibangkitkan. Satu adalah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Aru berkenaan isu air di KKIP. Saya rasa kelmarin Yang Berhormat Paginatan sudah, sudah berkongsi, ada setelah ee *first* kuak ee apa itu ee *early December* setelah ini ee loji Telibong 2, yang mula operasi 10 mlg khasnya, akan di, dibekalkan ke persikaran..persekitaran ee KKIP khasnya di KKIP untuk *escan access* dan sebagainya. So ini adalah satu ee yang kita nanti-nantikan, dan itupun saya minta rakan-rakan merujuk kepada untuk menjawab soalan ini. *You* rujuk kepada ee jawapan yang yang dibekalkan kemarin oleh Yang Berhormat Paginatan.

Ee dan untuk makluman tambahan, kementerian saya sedang membuat kajian untuk *industrial water*. So sekarang kilang-kilang besar ini mereka tidak memerlukan air yang terawat, mereka memerlukan air yang tidak terawat pun okey. So apa yang kita sedang kita buat adalah untuk buat kajian, sama ada kita boleh mela... menghasilkan air yang tidak terawat pun boleh, untuk bekalkan khasnya untuk kilang-kilang supaya kita tidak bercanggah. Ah, air yang ra... terawat untuk penduduk rakyat biasa ee untuk kedai dan untuk kilang air yang tidak terawat ataupun *industry water*. So saya cuba singkatkan.

Yang Berhormat Sulabayan bertanya tentang peluang-peluang pekerjaan. Saya rasa kita sudah ada banyak perbincangan dengan ini, saya akan ee kalau perlu kita kita boleh ee menukar pandangan kita, boleh *chi chat* saya boleh bagi *info* yang lebih ee terperinci nanti. Aa dan ADUN Dilantik Yang Berhormat Datuk Raimie bin Unggi, adakah? Tiada? Saya rasa nanti saya bagi bagi jawapan bertulis, tetapi beliau bertanya tentang FDI dan peluang pekerjaan. Saya rasa lebih kurangnya sama, saya sudah menjawab di Dewan Yang Mulia ini dan *we forward*.

Datuk Speaker, sebagai langkah ke hadapan ataupun *we forward*, kementerian saya sejajar dengan aspirasi tema belanjawan tahun tahun depan. Kementerian saya akan memastikan agihan peruntukan yang telah diberikan, akan dapat dioptimumkan dan dibelanjakan secara berhemah, dengan memastikan infrastruktur dan kemudahan asas di semua taman-taman perindustrian di tambah baik, agar lebih kompetitif dan berdaya saing untuk menarik lebih banyak pelaburan. Selain itu, agihan peruntukan ini juga akan dibelanjakan secara berkesan, untuk memperkasakan dan meningkatkan kapasiti usahawan-usahawan di Sabah supaya boleh kita adakan usahawan untuk...

29/11/2023 - RAKAMAN 20 [1:10 TENGAH HARI – 1:20 TENGAH HARI] - [SAFWAN] - THEODORA - AHMAD

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ...*sport*, budak-budak Sabah ke pasaran antarabangsa.

Datuk Speaker, bagi memastikan kemasukan pelaburan yang berterusan kini kita punya taman-taman perindustrian di KKIP dan Sogip semakin penuh kerana komitmen daripada pelabur-pelabur sudah, sudah agak penuh. So, Kerajaan melalui Jemaah Menteri telah memutuskan untuk membangunkan dua lagi taman perindustrian yang sudah diumumkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu di hampir, di sekitar Kimanis dan juga Kota Marudu, dan... Kota Belud. So, pada masa ini Kementerian saya sedang menilai kesesuaian lokasi tapak yang dicadangkan dan akan menjalankan kajian pelan induk untuk membangunkan kedua-dua taman perindustrian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menjadi panduan kepada...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Yang Berhormat Menteri, Datuk Speaker.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: ...Kementerian saya untuk membangunkan taman perindustrian yang bersepadu...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Tuan Speaker.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Nanti-nanti. Nanti Yang Berhormat, sekejap. Kajian ini akan menjadi panduan kepada Kementerian saya untuk membangunkan taman perindustrian yang bersepadu dan inklusif serta berkonsepkan *plug and play*, *plug and play* yang dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur asas dan fasiliti yang moden. Taman-taman perindustrian ini juga akan mempunyai sistem utiliti seperti air dan elektrik yang tidak bergantung sepenuhnya kepada Jabatan Air dan SESB. Ya, Datuk.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri, saya hanya ingin bertanya bahawa adakah jaminan ataupun perancangan di pihak Kementerian berkenaan dengan peluang pekerjaan yang disediakan, keutamaan diberikan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan kilang tersebut kerana apa yang terjadi pada masa lalu contohnya, di SFI. Peluang pekerjaan itu lebih tertumpu kepada orang-orang dari Penampang sedangkan orang-orang Sipitang sendiri tidak begitu mendapat peluang. Sekian, Menteri.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Ya, terima kasih saya rasa saya setuju bahawa satu taman perindustrian ataupun kilang-kilang yang besar seharusnya membawa limpahan ekonomi dan wujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat. So, ini adalah penting tapi walau bagaimanapun, oleh kerana kilang itu dia punya peluang pekerjaan tidak semestinya menepati keperluan di tempat itu, so, adalah okey untuk dia cari di seluruh Sabah. So, saya rasa kita perlu terus lagi merancang perindustrian supaya lebih pilihan dan *option* untuk rakyat setempat. So, saya tidak ada statistik yang terperinci tentang SFI kerana ianya tidak terletak di bawah agensi saya tapi, walau bagaimanapun, saya rasa apa Yang Berhormat cadangkan itu saya setuju dan saya sebagai contohnya KKIP dan sebagai contohnya Kibing, di Sikuati, Kudat. Dia pun membekalkan banyak peluang pekerjaan di, kepada rakyat ataupun penduduk di Sikuati dan Kudat. So, ini penting, saya setuju.

Datuk Speaker, Taman Perindustrian POIC di Lahad Datu akan terus menjadi pemangkin kepada usaha untuk membangunkan sektor perindustrian di kawasan Pantai Timur. Selain daripada kemudahan pelabuhan yang lengkap, POIC juga mempunyai kedudukan geografi yang strategik, terletak di tengah-tengah laluan perkapalan Selat Lombok Makasar ataupun *Lombok Makasar Strait*. Kementerian

saya telah berjaya mendapat kelulusan secara prinsip daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melaksanakan Zon Bebas, secara berfasa di kawasan tanah yang berkeluasan 3000 hektar di Taman Perindustrian POIC, Lahad Datu. Usaha ini sudah pasti akan membantu menjadikan POIC Lahad Datu sebagai satu hab logistik pemprosesan, peredaran dan perpindahan *trans-shipment* di rantau Asia Pasifik.

Datuk Speaker, Kementerian saya juga telah mengenal pasti beberapa lagi sektor pelaburan yang berpotensi tinggi seperti berikut:

1. Industri Pemprosesan dan Pembuatan Makanan,
2. Industri Berasaskan Teknologi Hijau,
3. Industri Hiliran Bio-Mas Berasaskan Kelapa Sawit,
4. Industri Peranti Perubatan,
5. Lain-lain Industri Sokongan yang Berkaitan.

Sektor pelaburan berpotensi tinggi yang telah dikenal pasti ini, diyakini boleh dilaksanakan di Sabah memandangkan sumber bahan mentah *freeze stock* yang boleh diperolehi di Sabah.

Datuk Speaker, sebelum saya akhiri, *finally*, Kementerian saya ingin mengambil kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan satu pengumuman baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu pelancong-pelancong dari Negara China, India, dan beberapa negara lain akan diberikan pengecualian Visa selama 30 hari untuk masuk ke Malaysia, khasnya Sabah.

Saya yakin ini akan menarik lebih lagi ramai pelabur untuk datang melabur di Sabah. Saya ambil platform ini ataupun ambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pelabur-pelabur khasnya dari China untuk datang meneroka, mencari peluang dan ruang untuk *investment* di Sabah. *I would like to welcome all the investors from these countries especially China to* masuk ke Sabah, mengguna pakai keistimewaan ini, *privilege* ini, 30 hari Visa *free* untuk *visit* untuk melawat ke Sabah untuk cari peluang untuk *investment*.

So, saya nak *quote* satu pepatah cina untuk *welcome them (bahasa cina)* yang membawa maksud betapa gembiranya kami dapat berjumpa kawan-kawan datang dari jauh. So, ini adalah kita harap untuk mengalu-alukan kedatangan ataupun lawatan pelancong-pelancong ataupun pelabur-pelabur khasnya dari China.

Kementerian Saya juga akan mengambil langkah proaktif untuk menganjurkan satu *business summit* sempena ulang tahun ke-50 hubungan Diplomatik Malaysia-China yang melibatkan Kerajaan Negeri Sabah dan beberapa Kerajaan Wilayah China. Ini adalah penting kerana *next year is The 50th Anniversary Of Diplomatic Ties, Malaysia and China*. So, kita harap dapat menganjurkan satu *business summit* untuk kita secara terbuka mengalu-alukan pelabur masuk dari China masuk ke Sabah untuk meneroka peluang dan ruang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pengulungan ini, saya nak ucapkan terima kasih kepada Datuk Speaker kerana memberi peluang yang mencukupi kepada saya untuk menjawab soalan dan juga menerangkan hala tuju Kementerian saya dan saya ambil kesempatan ini untuk ucapkan Selamat Hari Natal kepada semua, *Merry Christmas to everyone of you and Happy New Year 2024*, Selamat Tahun Baru 2024 (*bahasa cina*) dan sekian, terima kasih, Luyang mohon menyokong.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas pengulungan yang sungguh *comprehensive* itu. Dengan ini, saya menjemput Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih Datuk Speaker, saya *promise*, saya janji ucapan saya akan ringkas. Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kejayaan membentangkan bajet tahun 2024 pada 24 November 2023 yang lalu. Belanjawan Negeri Sabah tahun 2024 yang bertema “Sabah Teguh, Rakyat Terbela” merupakan satu bajet yang menjurus kepada komitmen Kerajaan Negeri untuk pembangunan dan pertumbuhan negeri demi kemakmuran dan kesejahteraan negeri ini secara *inclusive*.

Datuk Speaker, saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan peruntukan secara keseluruhan sebanyak RM 141...

29/11/2023 - RAKAMAN 21 [1:20 TENGAH HARI - 1:30 TENGAH HARI] - [NOREERA] - JUDE - NADA

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: ... 2.91 juta ringgit *one hundred forty one point ninety one million* kepada kepada Kementerian dan agensi di bawah saya bagi tahun 2024. Selaras dengan Belanjawan Kerajaan Negeri ini, Kementerian saya komited untuk memastikan sektor pelancongan negeri terus berkembang serta alam sekitar dan warisan budaya terpelihara dan dipulihara.

Kementerian saya bersama enam jabatan dan agensi di bawahnya akan merancang program-program berkaitan pelancongan, kebudayaan dari alam dan alam sekitar untuk pelaksanaan pada tahun 2024 dengan sebaiknya.

Saya juga akan memastikan Kementerian saya sentiasa komited menyumbang ke arah pemulihan ekonomi negeri seiring dengan pertumbuhan dan pengukuhan sektor pelancongan secara global dan juga Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya.

Datuk Speaker, Sabah hampir mencapai sasaran ketibaan pelancong pada tahun ini. Setakat September 2023, ketibaan pelancong adalah sebanyak 1.88 juta dengan anggaran perbelanjaan pelancongan berjumlah RM3.95 bilion, *Ringgit Malaysia three point nine five bilion*. Ini merupakan satu peningkatan yang amat baik dengan kadar pertumbuhan sebanyak 58.2% berbanding tahun lepas.

Peningkatan yang ketara ini didorong oleh jumlah penerbangan ke negeri ini yang kian pulih. Setakat ini, terdapat 317 penerbangan domestik seminggu. *Three hundred and seventeen flights weekly*. Manakala, bagi penerbangan antarabangsa sebanyak 98. *Ninety eight flights, international flights* ke Kota Kinabalu dalam seminggu daripada 13 destinasi antarabangsa sejak pembukaan semula sempadan antarabangsa pada bulan April 2022.

Suka, Datuk Speaker, sukacita saya ingin mengumumkan sasaran ketibaan pelancong ke Sabah pada tahun 2024 adalah seramai 2.8 juta orang dan ini dijangka akan menjana perbelanjaan pelancongan sebanyak RM5.6 bilion, *Ringgit Malaysia five point six bilion*. Sasaran ini didorong dengan perancangan Kementerian untuk mempergiatkan penganjuran acara-acara ikonik dan diiktiraf antarabangsa untuk diadakan di negeri ini khususnya, untuk menghidupkan semula acara-acara yang menjadi ikonik kepada negeri ini suatu ketika dulu seperti *Mount Kinabalu Climbathon* dan juga *Sabah Fest*.

Saya amat berterima kasih dan merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan peruntukan Biro *Convention Sabah* dengan adanya peruntukan ini, segmen *business events* dapat diperkembangkan lagi khususnya dalam menarik lebih ramai pelancong yang *high end*.

Datuk Speaker, sebagai persediaan Tahun Melawat Malaysia Tahun 2026 juga, Kementerian saya akan terus memberikan bantuan sokongan untuk menaik taraf dan membaik pulih produk-produk pelancongan luar bandar terutamanya kawasan yang menjadi tumpuan pelancong. Tidak hanya kepada alam semula jadi bahkan warisan dan budaya juga.

Setinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan bernilai RM7 juta, *Ringgit Malaysia seven million* bagi membangunkan Pembangunan Pelancongan Luar Bandar pada tahun hadapan.

Selaras dengan peruntukan tahun 2024 yang diberikan secara inklusif merangkumi kepeluang dalam bidang pelancongan-pelancongan, budaya dan alam sekitar, semestinya akan dimanfaatkan oleh Kementerian saya untuk memastikan keseimbangan pembangunan dan pemeliharaan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna yang menjadi aset penting negeri ini.

Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam pembahasan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas saranan dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian saya. Kementerian mengalu-alukan cadangan dan saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat agar kita bersama-sama membantu ...

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk Speaker, minta laluan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: ... memulihkan serta meningkatkan lagi kualiti sektor pelancongan negeri ke peringkat lebih tinggi. Dengan ini, izinkan saya memberi penjelasan kepada ...

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk Speaker.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: ... beberapa isu yang telah dibangkitkan kepada Kementerian saya. Datuk Speaker, saya mengalu-alukan saranan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: YB Menteri, ada mohon mencelah. Terimakah?

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Okey? Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, ada menyentuh masalah keselamatan orang-orang Silam. Pada 24 hari bulan lalu, seorang wanita telah dibaham buaya di Kampung Sepagaya. Mengikut *research* di Jabatan Hidupan Liar daripada 2021 hingga 2023, 28 orang kena serang buaya. 21 mati. Tujuh cedera. Apakah tindakan Kementerian, Yang Berhormat? Terima kasih.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Pernah sebut ini dalam perbahasan itu. Tunggu jawapan ah. Sudah bangkitkan di dalam ucapan perbahasan, kan? Bah, kita tunggu jawapan dululah.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, terima kasih, Datuk Speaker. Biar saya habis saya punya ucapan dulu pergulungan. Saya akan jawab cuba kalau saya dapat makluman *here*. Kalau tidak, saya akan jawab secara bertulis, ya?

Datuk Speaker, itulah saya. Hilang sudah mana saya berhenti tadi. Okey, Yang Berhormat ADUN N.35 Sindumin untuk mengekalkan bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan tarikan tersendiri, seperti mana dalam cadangan Yang Berhormat untuk menjadikan Pejabat Daerah Lama Sipitang sebagai Bangunan Warisan.

Cadangan ini disambut baik oleh Kementerian saya dan perkara ini akan dikemukakan kepada Jabatan Muzium Negeri Sabah untuk diteliti dan seterusnya dipertimbangkan untuk pewartaan dalam Enakmen Warisan Negeri.

Datuk Speaker, Kementerian saya juga sentiasa menyokong usaha-usaha untuk menambah baik dan mencantikkan bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah yang berpotensi untuk menjadi tarikan pelancong ke daerah tersebut dan juga daerah-daerah lain.

Pada tahun ini, Kementerian saya telah pun menyalurkan peruntukan bagi menyokong usaha pihak berkuasa tempatan daerah kecil seperti Tamparuli untuk ...

29/11/2023 - RAKAMAN 22 [1.30 TENGAH HARI] -1.40 TENGAH HARI] - [MOHD. NOOR] - TERESA - HADINIE

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Menyelenggara dan mencantikkan bangunan-bangunan lama di pekan Tenghilan dan Tamparuli. Kementerian tidak menghalang, malah menyokong pemuliharaan bangunan-bangunan lama ini.

Walau bagaimanapun, kerjasama dari Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengenal pasti bangunan serta kandungan secaranya, amat diharapkan agar ianya memenuhi kriteria untuk pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah dan seterusnya menjadi tarikan produk pelancongan di kawasan tersebut.

Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Adun N.58, Yang Berhormat tidak ada di dewan sini jadi saya akan jawab melalui atau secara bertulis. Jawapan-jawapan saya, dalam isu-isu dibangkit kepada Kementerian saya. Okey. Itulah saya

bilang, jawapan akan ringkas sungguh, banyak, Yang Berhormat yang bangkitkan isu-isu tidak ada di dewan pada masa sekarang.

Datuk Speaker, Yang Berhormat Kadamaian, beliau tidak ada di dewan lagi, saya akan menjawab isu-isu yang dibangkit kepada beliau secara bertulis juga. Tanjung Aru, Yang Berhormat Tanjung Aru, okey, dia sembahyang. Okey. Saya akan jawab isu-isu Yang Berhormat Tanjung Aru yang bangkit secara bertulis lagi. Okey, Sulabayan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri. Kalau mahu...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yang terhormat Sulabayan ada di sini, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri. Kalau mahu jawab secara lisan boleh juga.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Boleh juga.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Kemudian, ada direkodkan dalam *hansard*.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Oh.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Kalau mahu bertulis pun okey lah.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey, bertulis.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Pilihan la..

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih Datuk Seri Speaker. Okey, Yang Berhormat Sulabayan dan Adun N.61 Segama, ada sini juga, Segama, *no okey*. Yang Berhormat Sulabayan, merujuk cadangan Yang Berhormat Adun N. 64 Sulabayan agar satu penyelarasan kerjasama dilakukan di antara kawasan Geopark Sabah dengan kawasan Geopark di Korea dan China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya melalui Taman-Taman Sabah telah menandatangani *Memorandum Of Understanding* dengan *Korea National Park Services* untuk menjalin kerjasama dalam pengurusan global Geopark di antara kedua-dua negara dalam tempoh lima tahun.

Taman-Taman Sabah juga telah mula mengadakan perbincangan awal dengan pihak P. Post-Government of Shennongjia Forest Redistrict China, yang merupakan agensi bertanggungjawab mengurus kawasan global Geopark Shennongjia di China untuk menjalinkan kerjasama pengurusan Geopark. Kementerian yakin dengan kerjasama yang terjalin, ini akan mengukuhkan lagi pengurusan Kinabalu Global Geopark secara mantan dan lestari.

Datuk Speaker, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Sulabayan, berhubung dengan pengenalan cukai tempatan dalam sektor pelancongan seperti mana yang kita sedia maklum, industri pelancongan terletak di bawah senario persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia.

Namun, Kementerian saya akan cuba mengkaji perkara ini dengan lebih teliti bersama dengan Kementerian Kewangan. Pada masa sama, Kementerian juga mengalu-alukan sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan boleh melihat perkara ini, agar dapat dikuatkuasakan dalam enakmen sedia ada.

Berhubung dengan hasil cukup cukai pelancongan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat N.61 Segama, sememangnya Kementerian saya telah pun memanjangkan perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Saya yakin juga, bahawa

Kementerian Kewangan Negeri boleh atau telah menyuarakan perkara ini kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

Datuk Speaker, berhubung saranan Yang Berhormat Adun N.10 Usukan, untuk mengkaji semula dan merancang, penambahbaikan program tamu besar, Kementerian ambil maklum terhadap perkara ini, dan setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat ini. Sememangnya, tamu besar di Kota Belud boleh diiktiraf sebagai salah satu acara utama pelancongan di dalam kalendar tahunan pelancongan negeri Sabah sebelum pandemik covid-19 melantar. Saya akan mengarahkan Kementerian saya dan Lembaga Pelancongan Sabah untuk mengadakan perbincangan bersama Majlis Tindakan Pelancongan Daerah serta Pejabat Daerah Kota Belud, dalam meneliti dan menambahbaik acara ini.

Datuk Speaker, mengenai saranan ...

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yang Berhormat Menteri. Boleh minta laluan tak?, Boleh minta laluan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Boleh.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas penjelasan tentang cadangan dan juga sedikit persoalan mengenai di Semporna tadi. Cuma kebetulan, Menteri Kewangan Yang Berhormat ada di sini, ada juga Menteri Kerajaan Tempatan ada di sini. Memandangkan program-program pelancongan tahun 2024 ini, saya ucapkan tahniahlah kepada Kerajaan Negeri dan juga Kementerian. Banyak program-program persediaan yang dilakukan. Cuma, saya nak bagi pandangan lah supaya bajet Kementerian Pelancongan ini ditambah. Kalau ikut yang apa dinyatakan ini, bajet untuk tahun 2024 hanya lebih kurang 120 juta. Sedangkan Kementerian ini mempunyai dua tugas, *Tourism* dan Alam Sekitar dan khusus di Semporna saya maklumkan, kalau dapatlah dipertimbangkan Majlis Daerah, ada di sini Menteri Kerajaan Tempatan, Menteri Kewangan dulu dan juga sekali. Ditambah sikit peruntukan, kalau pun tidak *through* Kementerian *Local Government*, masalah kutipan sampah di Semporna ini, susah nak dikawal. Terlalu

banyak sampah, jadi Majlis Daerah Semporna, saya tengok tidak mampu untuk menangani masalah sampah ini. Jadi, kalaulah dapat Menteri Kewangan ada sini, Local Government ada sini, dalam apa kaedahlah. Kebetulan ialah salah satu daerah ini tidak menepikan daerah-daerah lain pun ramai juga pelancong datang termasuk di Kundasang, di Kota Belud. Tapi Semporna hari ini, lebih-lebih lagi kalau sudah visa ini dilonggarkan, dibenarkan saya yakin akan bertambah. Walaupun ada jangkaan tadi berapa juta. Dijangka 2.8 juta pelancong akan datang saya ingat Semporna akan jadi tumpuan. Jadi, kalau bolehlah Yang Berhormat Menteri Pelancongan kebetulan pernah juga di situ Menteri Kewangan, Kerajaan Tempatan pun perlu, bebanan pada Semporna ini masalah sampah. Jadi, mohonlah dipertimbangkan perkara ini. Terima kasih.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih Yang Berhormat Sulabayan. Saya faham, saya betul-betul faham selalu kita menerima, terima surat-surat permohonan untuk tambah bajet so that...

29/11/2023 - RAKAMAN 23 [1.40 TENGAH HARI - 1.50 TENGAH HARI] - [NOREERA] - SITI JUBAIDAH - AHMAD

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: ...*tourism players* boleh main *play the rules in there* kawasan masing-masing saya faham. Maka, saya sudah berbincang dengan saya punya SUT dan officer pegawai that come 2024 kita punya fokus akan bertambah *on they more especially* luar bandar punya kawasan. *I think they need more allocation for them to move forward together with big city like Kota Kinabalu all town like Tawau. I think* luar bandar *development of* luar bandar punya *tourism product is one of important a subject they will look into. Thank you very much,* Yang Berhormat *especially Semporna very important place for us we will not overlook Semporna, thank you.*

Usukan not here. Maaf ya Datuk Speaker, *give me a big frame i lost my page already so many not here.* Saya tidak akan jawab kalau tidak ada sekarang secara bertulis sahaja ya.

Empat, empat, terlompat-lompat sudah ini. Tadi Sulabayan okey saya tidak perlulah ni okey. Okey, cuma satu perkara lagi yang mana YB, Yang Berhormat Sulabayan ada berhubung dengan itu hasil cukai pelancongan yang dibangkitkan ya oleh Yang Berhormat N.61 Segama *is not here but okey let's me finish it because is a interrelated with your* soalan ya.

Sememangnya, Kementerian saya telah pun memanjangkan perkara ini ke Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), *so I hope that I hope that you understand this is not our kuasa to do anything more then that* kecuali saya harap juga Minister of Finance *in Sabah will be able to take up this issues with a relevant is a part come to part in* Semenanjung. Okey, *I think that about it all the questions I answer not here* habis. Okey, *I will just that issue.*

Okey, Datuk Speaker, saya ada berapa jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi mereka tidak ada di Dewan ini. Jadi, saya akan jawab

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sila kuat sikit suara.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Saya akan jawab soalan, ada soalan yang dibangkit kepada Ministry Kementerian saya bertulis ya. So, Datuk Speaker mengenai saranan dan soalan Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya berikan penjelasan Kementerian saya akan memberikan penjelasan secara bertulis.

Datuk Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri, memandangkan Menteri sudah mahu *wrap up*kan mahu habis sudah ya

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Saya ada permintaan sedikit ya, boleh? Jangan risau senang saja, ya. Saya punya *Ex bos ba* ni.

Yang Berhormat Menteri dalam jawapan soalan lisan baru-baru itu, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada inisiatif untuk mempromosikan kawasan Darvel Bay Lahad Datu dan juga Kunak sebagai kawasan tarikan pelancongan melalui aktiviti *diving sport* okey.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Boleh ulang balikkah, saya tidak berapa dengar.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Okey. Saya *direct* saja kepada soalan ya.

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan memohon peruntukan kepada Kerajaan untuk membina sebuah jeti pelancongan di bandar Lahad Datu bagi tujuan menyokong aktiviti dan promosi pelancongan Yang Berhormat Menteri usahakan di kawasan Teluk Darvel dan juga Kunak, yang pertama.

Yang kedua, saya mohon Yang Berhormat Menteri juga tolong usahakan sebab sebelum ini dalam jawapan bertulis yang saya terima daripada Menteri yang berkenaan bahawa jalan masuk ke Tabin Wildlife sudah dimasukkan dalam *rolling plan* Malaysia. Jadi, saya berharap supaya jalan tersebut boleh dipercepatkan untuk memudahkan pergerakan pelancong yang akan masuk ke kawasan Tabin dan jambatan tadi untuk menyokong industri dan aktiviti pelancongan di kawasan Teluk Darvel, terima kasih.

Datuk Jonnybone J Kurum [Telupid]: Datuk Speaker, ada Menteri ini mengenai dengan gajah di Daerah Telupid. Kita di Telupid ini hari-hari itu gajah masuk di pekan jadi adakah inisiatif pihak Kementerian untuk menjadikan Daerah Telupid juga menjadikan gajah itu sebagai satu daya tarikan pelancong di negeri Sabah? terima kasih.

Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]: Datuk Speaker, kalau boleh sikit. Boleh? Untuk setakat pertanyaan dan mungkin jawapan bertulis.

Saya baru balik dari Kundasang, saya melihat Kundasang ini tidak banyak berubah puluhan tahun sedangkan Kundasang ini di antara pusat pelancongan utama di Sabah jadi saya ingin minta kalau ada strategik *plan* untuk Kundasang ini terutama jalan masuk ke kawasan pelancongan, *lighting*, pencahayaan. Saya ingat perlu ada satu perancangan yang khusus untuk Kundasang ini.

Terima kasih Speaker, terima kasih Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yang Berhormat-Yang Berhormat saya sudah dengar masalah dari kawasan masing-masing mengenai *upgrade, repair and a develop* kawasan masing-masing.

Saya akan arah Kementerian sama STP untuk menjawab semua permohonan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat berkaitan supaya mereka boleh ambil tindakan dan seterusnya bagi jawapan untuk Yang Berhormat- Yang Berhormat melalui kementerian dan STP saya, mereka akan buat tindakan.

Saya tidak ada data atau maklumat sekarang dengan saya, jadi saya mohon sabar sedikit. Mereka akan ambil tindakan seterusnya, *thank you*.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Habis sudah, Yang Berhormat Menteri?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Saya sangka masih ada orang mahu buat...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *Last, last, last, last*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ada lagi, Yang Berhormat Menteri?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey, Datuk Speaker

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *Last*, Yang Berhormat Menteri *last* ya, *last* satu. Mengenai rakan saya daripada silap yang buaya tadi tu, saya mahu tambah sedikitlah.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Buaya?

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Buaya, masalah buaya yang termasuk dalam hidupan liar ya. Buaya, *crocodile*.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sudah diambil maklum tu.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Tidak, tidak.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Wildlife*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *Wildlife*, okey.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Masalah-masalah dengan agensi ada dengan soalan-soalan yang dibangkit tadi. Yang semua di bawah agensi Kementerian saya, kita akan ambil tindakan sebelum kita jawab kita punya masalah ini, kita akan ada mesyuarat *and then we try to answer everyone of your problem that your raise, they are here at the back, they listening ya. I understand, what you says just now.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Harap boleh beri jawapan secepat mungkin dan tindakan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, ya. *I try*, kita *try*, okey.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]: So, oleh kerana *many* Yang Berhormat *that I was going to answer is not here so we are going to send them* jawapan secara bertulis. *So I come to the end of my* ucapan *now*. So, Datuk Speaker, mengenai *notice not in here again*.

Datuk Speaker, mengenai saranan yang *time* soalan Yang Berhormat yang tidak sempat saya berikan penjelasan, Kementerian saya akan memberi penjelasan secara bertulis.

Datuk Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal, *Merry Christmas* dan juga selamat menyambut Tahun Baharu 2024. *Happy New Year*.

Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Mungkin jawapan secara tulis itu lebih jelas dan lengkap bersamaan dengan tindakan yang akan akan diambil secepat mungkin, ya? Terima kasih.

Ketika ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Western. Seramai 31 orang pelajar dan lapan orang guru dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) seramai 24 belajar dan dua orang pensyarah. Selamat datang dan selamat belajar bersama-sama.

Sekarang saya jemput Menteri Pembangunan Luar Bandar. Silakan Menteri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]: Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan yang Maha Kuasa kerana dengan izin-Nya, kita sekali lagi dapat berhimpun dan bersidang di Dewan yang mulia ini untuk memenuhi tanggungjawab terhadap kesejahteraan

rakyat negeri Sabah. Semoga Tuhan memberi kesihatan yang baik dan kekuatan yang berterusan kepada kita semua yang terpilih, seterusnya menjalankan tugas dengan baik, jujur dan cekap serta komited memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Saya juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Ketua Menteri Sabah atas ketelusan dan cemerlang memimpin, mengemudi dan meneraju negeri Sabah ke arah kesejahteraan mampan rakyat Sabah.

Saya tentu sekali ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, Menteri Kewangan Sabah atas ucapan Bajet Negeri Sabah 2024 yang dibentangkan pada 24 November yang lalu.

Saya yakin dan percaya bahawa jentera pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan memastikan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan dalam Bajet 2024. Seterusnya dapat memberi impak yang tinggi terhadap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat bersesuaian dengan tema Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024, iaitu “Sabah Teguh, Rakyat Terbela.”

Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang memahami keadaan saya di masa lalu sehinggalah masa sekarang yang mana kawan-kawan telah memberi saya semangat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan seharian.

Tema bajet tersebut atau tema bajet kali ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan agenda pembangunan negeri secara berterusan, berdaya mampan dan inklusif.

Kementerian saya juga mengalu-alukan bajet lebihan atau surplus bajet ini dan menyokong sepenuhnya segala usaha yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk mendapatkan lebih banyak agihan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dalam negeri dari dalam negeri ini seperti mana kita yang

termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Hak-hak kita dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Speaker, dalam bajet ini Kerajaan Negeri menekankan pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memastikan kemakmuran negeri turut dinikmati kesemua lapisan masyarakat di negeri ini. Bagi meningkatkan taraf hidup penduduk dan pembangunan di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM144.54 50 juta dan sebanyak RM25,764,906.00 sahaja kepada Kementerian KPLB untuk tujuan peruntukan pembangunan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2024.

Peruntukan khas ADUN juga dikendalikan oleh Kementerian saya bagi memastikan wakil-wakil rakyat mempunyai peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil bandar, luar bandar dan memberi bantuan dalam aspek kebajikan kepada rakyat yang diwakili di peringkat akar umbi. Untuk ini Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak RM122 juta 100 RM122 juta bagi tahun 200, 24.

Bagi Program Pembangunan Pembasmian Kemiskinan, sebanyak RM14 juta peruntukan awal telah diperuntukkan kepada Kementerian saya.

Tuan Speaker, dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta seterusnya menunjukkan keprihatinan dan sokongan usaha Kementerian memperkaya dan memurnikan bidang skop dan tanggungjawab Kementerian.

Saya amat menghargainya dan ianya menunjukkan kesepakatan jiwa, pemikiran, aspirasi dan harapan kita semua dalam mensejahterakan kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat kita. Kementerian saya akan menjawab secara bertulis sekiranya terdapat pertanyaan-pertanyaan lain oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker, seterusnya Ahli Yang Berhormat dari N.46 Nabawan, berkaitan bekalan air, elektrik dan bekalan air dan elektrik kepada kawasan luar bandar. Tidak dinafikan bahawa KPLBS bertanggungjawab dalam membantu membekalkan bekalan air dan elektrik kepada kawasan luar bandar melalui program-program

Kementerian itu sendiri, iaitu Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif atau BELBA dan Program Bekalan Air Elektrik Luar Bandar Alternatif atau BALBA.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan mengambil perhatian ke atas permintaan daripada Ahli Yang Berhormat untuk memberikan tumpuan kepada bekalan air dan elektrik di kampung-kampung yang jauh di pedalaman.

Ahli Yang Berhormat dari N.30 Nabawan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan loji rawatan air untuk kampung-kampung di Ulu Bongawan adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. KPLBS lebih menumpukan kepada program-program bekalan air, elektrik, air luar bandar alternatif yang bertujuan hanya untuk membekal air bertapis di kawasan kampung terpencil yang jauh daripada capaian Sistem Retikulasi Jabatan Air Negeri Sabah.

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih atas ingatan Yang Berhormat dari N.41 Liawan, berkaitan tunggakan pembayaran elaun Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di kawasan beliau serta kebanyakan daerah yang lain.

Untuk makluman, Kemen ...

29/11/2023 - RAKAMAN 25 [2:00 PETANG – 2:10 PETANG] - [AMIRUL] - AZYATUL - NADA

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]: ...dan saya adalah komited memastikan tunggakan berkaitan dibayar selewat-lewatnya Januari 2024. Kementerian saya juga telah menyediakan pelan tindakan bagi memastikan proses urus tadbir termasuklah bayaran elaun JKK lebih teratur pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari N.9 Tempasuk dan Ahli Yang Berhormat daripada N.70 Kukusan, bagi penerima bantuan Rumah Mesra SMJ yang tidak mempunyai tanah, pegawai daerah boleh meminta pemimpin pembangunan masyarakat atau PPM di daerah masing-masing untuk menyeleras penerima bantuan Rumah Mesra SMJ tersebut agar mendapat tapak tanah di kampung yang sesuai dengan kerjasama ketua kampung, berhubung dengan cadangan penyediaan

lot tanah oleh Kerajaan bagi pembinaan rumah secara berkelompok ianya akan mengundang keperluan infrastruktur dan utiliti tambahan.

Tuan Speaker, berkaitan isu JKKK yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari N.70 Kukusan dan Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung tidak boleh ditubuhkan di kampung di kawasan setinggian. Untuk menubuhkan sebuah JKK, Kementerian ini telah menetapkan dasar berikut, satu kampung berkenaan adalah kampung yang berdaftar di pejabat daerah. Kedua, kampung tersebut mempunyai ketua kampung atau ketua masyarakat yang sah. Ketiga, mempunyai penduduk seramai 150 orang dan mempunyai lebih daripada 30 buah rumah. Manakala, jika kampung berkenaan tidak mempunyai jumlah penduduk dan bilangan rumah berkenaan kampung tersebut hendaklah bergabung dengan kampung-kampung yang berdekatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.50 Gum Gum, semua Ahli Yang Berhormat dan pemimpin pembangunan masyarakat dari parti Kerajaan dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, bagi kawasan yang dipimpin oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang akan diwakili oleh pemimpin pembangunan masyarakat untuk menghadiri mesyuarat JKTP. Semua pihak pembangkang boleh mendapatkan maklumat baharu pembangunan dan menyampaikan cadangan dan hal-hal berkaitan kawasan kepada pegawai daerah.

Ahli Yang Berhormat dari N.11 Kadamaian telah mencadangkan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah supaya diadakan setiap bulan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas cadangan berikut, tersebut. Untuk makluman, Kementerian saya sememangnya memantau mesyuarat JKTPD di peringkat daerah dan mesyuarat diadakan mengikut keperluan semasa daerah berkaitan yang dipengerusikan oleh pegawai daerah.

Tuan Speaker, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha tetap, pengurusan tertinggi dan seluruh warga Kementerian atas dedikasi dan komitmen tinggi dalam memastikan penambahbaikan kecemerlangan perkhidmatan Kementerian. Ucapan terima kasih juga saya atas khidmat bakti dan sokongan semua pegawai daerah dan pegawai penolong pegawai daerah kecil Sabah atas usaha gigih dan komitmen melaksanakan pelbagai usaha meningkatkan

kesejahteraan rakyat seluruh negeri khusus dalam usaha kita menoktahkan kemiskinan tegar di kalangan rakyat. Kementerian saya adalah sentiasa terbuka dan amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, mahupun mana-mana pihak demi kebaikan dan pihak pembelaan nasib masyarakat luar bandar.

Tuan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan selamat Hari Natal, *Merry Christmas* kepada semua yang merakam, meraikan dan sukacita juga ingin saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2024. Semoga setiap lembaran pada tahun 2024 akan diisi dengan semangat dan harapan kita bersama memastikan Sabah Teguh, Rakyat Terbelah. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya menjemput Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Terima kasih Datuk Speaker, *Bismillahirrahmanirrahim assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Datuk Speaker, *alhamdulillah*, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada ke Hadrat *Allah S.W.T* kerana dengan limpah kurnianya juga telah mengizinkan kita bersama-sama di Dewan yang mulia ini sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas.

Bagi pihak seluruh warga Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Kesejahteraan Rakyat, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun di atas pembentangan bajet 2024 yang bertemakan “Sabah Teguh, Rakyat Terbela” pada 24 November 2023. Sesungguhnya belanjawan tersebut melambangkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap kelestarian kesejahteraan rakyat sejajar dengan hala tujuh Kementerian saya. *Insyaa-Allah*, peruntukan sebanyak RM148.82 juta bagi perbekalan dan Ringgit Malaysia 21.04 juta bagi pembangunan akan berupaya meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan bagi program kesejahteraan rakyat.

Datuk Speaker, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari ADUN Senallang, berkenaan perancangan di peringkat Negeri. Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Isu-Isu Hospital dan Klinik bagi membincangkan keperluan dan perkhidmatan kesihatan di Negeri Sabah seperti klinik kesihatan, hospital, pakar perubatan dan lain-lain lagi.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh Pengarah Jabatan kesihatan Negeri Sabah, Pengarah Hospital Queen I dan Queen II, Pengarah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak dan Pengarah-Pengarah Hospital di daerah-daerah lain yang dijemput untuk keperluan.

Saya telah melawat hospital dan klinik kesihatan serta tapak pembinaan hospital atau klinik kesihatan di beberapa lokasi di Negeri Sabah seperti di Tawau, di Paitan, Sandakan, Kota Marudu, Pitas, Papar, Beaufort, Penampang, Tuaran dan Keningau bagi melihat sendiri keadaan dan keperluan di tempat-tempat tersebut. Hasil dari siri lawatan ini beberapa tapak yang mempunyai isu tanah telah dapat diselesaikan. Kementerian ini juga telah mengemukakan isu kekurangan dapur di Hospital Queen Elizabeth II. Sorry. Di Hospital Queen Elizabeth I kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Datuk Speaker, berhubung dengan perkhidmatan *Cardiology* di Negeri Sabah, jumlah pakar *Cardiology* ialah seramai lapan orang dan berpusat di Queen Elizabeth I, Queen Elizabeth II. Perkhidmatan kepakaran *Cardiology* merangkumi perkhidmatan *Cardiology* dewasa, perkhidmatan *Cardiology Pediatric*, perkhidmatan pembedahan *cardiothoracic*, perkhidmatan *anesthesia cardiothoracic* dan...

Terdapat lapan lagi pakar perubatan yang telah menyertai program latihan Sub-Kepakaran *Cardiology* dewasa dan seorang lagi pakar *anesthesiology cardiothoracic* dan *difusi (tidak pasti)* yang sedang menjalani program latihan sebagai Sub-Kepakaran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju dengan cadangan dan perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan *Cardiology* ke Pantai Timur Sabah dengan memulakan perkhidmatan *Cardiology* di Hospital Tawau dan Hospital Duthces of Kent Sandakan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: ...ke-12 *Rolling Plan* empat.

Datuk Speaker. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik dan ADUN Kukusan tentang pemberian bantuan persekolahan, pakaian seragam, kasut sekolah dan alat tulis kepada sekolah rendah, Kementerian saya sedang dalam proses mengkaji semula program berkenaan dari segi keberkesanan dan impak kepada kumpulan sasaran.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik, Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) mempunyai sistem pengurusan bantuan kebajikan yang mengemas kini maklumat bantuan kebajikan secara automatik dan kita menyedari keperluan untuk melapor diri bagi setiap tiga bulan ke pejabat kebajikan sedikit membebaskan penerima bantuan terutama kepada warga emas dan OKU.

Untuk makluman Ahli Sidang Dewan Yang Mulia ini, prosedur untuk melapor diri ke pejabat daerah setiap tiga bulan sekali ini ialah satu langkah kawalan bagi mengelak berlakunya ketirisan atau terlebih bayar kepada penerima-penerima yang hilang kelayakan atau meninggal dunia dalam tempoh kelulusan bantuan, iaitu satu tahun dan prosedur ini diadakan selepas mengambil kira teguran Audit Negara pada tahun 2012.

Walau bagaimanapun, bagi penerima yang tidak berupaya hadir melapor diri atas sebab faktor kesihatan boleh menghubungi pejabat kebajikan melalui telefon atau mewakilkan ahli keluarga untuk hadir ke pejabat bagi mengesahkan bahawa penerima masih hidup dan masih memerlukan bantuan.

Datuk Speaker. Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ADUN Bongawan, pembinaan Klinik Kesihatan Membakut yang lebih komprehensif adalah keutamaan pihak kementerian untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih menyeluruh kepada sekitar 21 900 orang penduduk di Daerah Membakut. Buat masa ini belum ada

perancangan pembinaan hospital baru di Daerah Membakut dan pihak kementerian adalah lebih tertumpu dalam memperkasakan perkhidmatan kepakaran di Hospital Beaufort yang terletak kurang 18 kilometer daripada Pekan Membakut terlebih dahulu. Dengan perluasan kepakaran seperti pembedahan am, *obstetric, gynaecology, radiology, pediatric*, perubatan am, perubatan...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Menteri. Dua sidang lepas saya telah tanya Menteri, jika Menteri sudah mendapat penjelasan kenapa hospital *type 3* di Daerah Moyog, Penampang belum ditender atau belum dimulakan. Maka hospital ini, *type 3* ini sepatutnya ditender pada tahun 2020 tapi atas COVID-19 dan saya pernah tanya di Parlimen atas alasan COVID-19, dia telah ditunda, ditangguh dan saya percaya pada tahun 2023 ini sepatutnya tender sudah dilaksanakan untuk Daerah Penampang Moyog. Terima kasih.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Terima kasih YB Moyog. Sebenarnya Klinik Kesihatan Moyog ini memang hangat diperkatakan sejak dahulu lagi dan apabila saya meneliti Datuk Speaker, untuk makluman ADUN Moyog, perkara ini tidak dapat diselesaikan kerana masalah kecil saja. Masalahnya ialah JKR telah pun menghantar DP Plan (Development Plan) kepada Majlis Daerah tetapi sampai hari ini *no respon* daripada Majlis Daerah. Baru-baru ini apabila saya telah mengemukakan Pelan Tindakan ataupun pemakluman kepada Majlis Daerah baru lah diambil tindakan Datuk Speaker. Ini ada *miss communication* di antara JKR, KKR Malaysia, bukan JKR Sabah, Kementerian Kerja Raya Malaysia dengan pihak berkuasa tempatan dan perkara ini telahpun diselesaikan dan akan ditender. Kalau tidak ada halangan, tahun depan 2024. itu penjelasan YB Moyog. Boleh saya teruskan?

Bukan sahaja untuk penduduk di Beaufort dan Membakut malah termasuk daripada penduduk Sipitang dan Kuala Penyu tanpa perlu dirujuk di pusat rujukan di Kota Kinabalu.

Walau bagaimanapun Daerah Membakut telah mendapat kelulusan, Daerah Membakut telah pun mendapat kelulusan pembinaan klinik kesihatan jenis 5 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 1. Klinik kesihatan jenis 5 ini dilengkapi dengan kemudahan kesihatan yang lebih baik dan komprehensif

berbanding klinik kesihatan yang sedia ada. Ini akan menggantikan bangunan kayu yang telah usang dan tidak selamat. Projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2024 di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah.

Datuk Speaker. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Liawan bagi memperkasa wanita luar bandar, Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah melalui Program Pembangunan Ibu Tunggal dan Wanita B40 telah melaksanakan 22 kursus di luar bandar daripada 26 kursus di seluruh negeri Sabah. Seramai 543 wanita telah menyertai 22 kursus berkenaan. Peserta boleh mendaftar di Sistem WAIS ataupun diperakukan oleh Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPEN) atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Berhubung kenyataan Ahli Yang Berhormat Adun Elopura, Kolej Kejururawatan Sandakan sebenarnya tidak ditutup tetapi pengambilan pelatih telah ditangguhkan sementara wabak COVID-19. Pada masa ini, Kolej Kejururawatan Sandakan telah beroperasi semula untuk menerima pelatih-pelatih dalam bidang seperti berikut:

1. Course Basic Rawatan Media Wifree
2. Course Basic Rawatan Ortopedic
3. Diploma Kejururawatan seramai 29 orang

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kapayan, terdapat Program Saringan dan Intervensi Kemudaran Alkohol di 32 klinik kesihatan di seluruh negeri Sabah yang mempunyai pakar perubatan keluarga. Jika rujukan diperlukan, *client* akan dirujuk ke pakar perubatan keluarga untuk intervensi yang sewajarnya ataupun ke pakar psikiatri di hospital.

Berkaitan dengan rumah roboh milik Puan Yoh Min Kunus di Kampung Koromoko yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat ADUN Bandau, Pejabat Kebajikan Kota Marudu sudah sedia maklum tentang kes ini dan telah diarah membuat lawatan bagi mengambil data mangsa seterusnya memproses penyaluran bantuan. Untuk makluman, Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah ada memberi bantuan pemelegaan dalam bentuk alat bahan binaan kepada mangsa yang terkesan akibat bencana antaranya bencana banjir, kebakaran, angin ribut dan tanah runtuh yang mana telah merosakkan struktur bangunan mangsa. Bantuan

bernilai RM500.00 hingga RM3 000.00 bergantung kepada peratus kerosakan rumah boleh disalurkan dalam bentuk barangan ataupun dikreditkan terus ke akaun mangsa. Bantuan yang disalurkan adalah bersifat pemelegaan dan bukanlah bantuan pembinaan rumah baharu. Bantuan ini tidak disalurkan bagi kawasan setingan.

Datuk Speaker. Untuk menjawab Pertanyaan Yang Berhormat ADUN Silam, Unit Dialisis Kesihatan Tungku ataupun Klinik Kesihatan Tungku telah siap dibina dan diubah suai pada Oktober tahun 2023. Unit Dialisis Kesihatan Tungku dijangka akan bermula beroperasi pada Januari 2024 dan akan dikendalikan Hospital Lahad Datu. Pesakit dari sekitar Tungku akan mendapat rawatan dialisis tiga kali seminggu di Unit Dialisis Klinik Kesihatan Tungku bermula Januari tahun 2024. Saya ucapkan terima kasih di atas semua pertanyaan, cadangan dan maklum balas yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini. Sekiranya terdapat mana-mana pertanyaan ataupun isu-isu yang dibangkitkan yang belum dijawab, Kementerian saya akan mengemukakan maklum balas secara bertulis.

Datuk Speaker. Sebagai mengakhiri ucapan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut...

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Datuk Speaker. YB Menteri boleh bagi peluang sekejap.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Hah? Okey.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Boleh? Terima kasih banyak Datuk Speaker. Tentang klinik di Pulau Gum-Gum, dua tahun lepas...

29/11/2023 - RAKAMAN 27 [2:20 PETANG - 2:30 PETANG] - [ARINA] - THEODORA - NADA

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Saya ada hantar apa ini, soalan tapi sampai sekarang masih lagi klinik tu ada tapi tidak berfungsi dengan baik dan untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Menteri Kesihatan dulu dah dua kali

dah saya bawa ke pulau. Sampai hari ini Yang Berhormat Menteri Datuk Ariffin pun tahu. Situ tu ramai pesakit. Saya ambil contohlah di Semporna. Tahun lepas saja 1570 ribu pesakit dan bila saya tengok 60 peratus datang daripada pulau. Daripada pulau itu. Jadi saya minta kalau dapatlah ada kelapangan saya nak bawa pula Menteri Sabah ini untuk melawat klinik di Pulau Bum Bum itu. Terima kasih banyak.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Terima kasih, ADUN Sulabayan. Saya akan *take note* dan saya Insya-Allah saya akan melawat di klinik atau hospital di sana. Terima kasih.

Datuk Speaker, sebagai mengakhiri ucapan, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada penganut Kristian yang meraikannya serta Selamat Tahun Baharu 2024. Bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negeri di bawah bayu ini, saya menyeru agar kita bersama-sama bertekad untuk terus meningkatkan usaha dalam menunaikan amanah rakyat. Marilah kita sama-sama memupuk semangat masyarakat prihatin dan bertanggungjawab seiring dengan tema Kementerian saya bagi menyokong kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.

Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun untuk Dewan yang mulia ini.

Pergi ke Sugut membeli jala,
Singgah di Paitan berhari raya;
Kesejahteraan rakyat sentiasa dibela,
Demi Sabah Maju Jaya.

Berjalan pemuda bersama puteri,
Ke Tanjung Aru tempat dituju;
Rakyat dibela aspirasi negeri,
Sabah Teguh Terus Dimaju.

KPMKR menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya jemput Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam Sabah Maju Jaya. Datuk Speaker, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya saya berpeluang menyampaikan ucapan penggulungan bagi Kementerian saya di Dewan yang mulia ini. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun Menteri Kewangan atas pembentangan belanjawan bagi tahun 2024. Tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas penglibatan yang aktif dengan mengutarakan pelbagai isu, pandangan dan cadangan kepada Kementerian saya. Ia bertujuan untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat Sabah. Saya bersama Pembantu-pembantu Menteri, Setiausaha Tetap dan semua pegawai-pegawai di Kementerian senantiasa berusaha untuk memastikan hala tuju Sabah Maju Jaya berkaitan dengan Kementerian saya dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Datuk Speaker, belanjawan yang dirangka bagi tahun 2024 masih berjaya meneruskan tradisi belanjawan lebihan atau surplus bajet dengan lebihan sebanyak RM35.87 juta bagi tahun 2024. Ini jelas memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membela kesejahteraan hidup rakyat melalui pelaksanaan program pembangunan yang tersusun.

Tema “Sabah Teguh, Rakyat Terbela” amat bersesuaian dengan usaha mensejahterakan rakyat yang diterapkan dalam pentadbiran dalam pengurusan Kementerian saya berserta agensi-agensi yang berada di bawah Kementerian saya. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas peruntukan bajet tahun 2024 kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, iaitu sebanyak RM184.71 juta bagi perbekalan dan RM25.32 juta untuk pembangunan. Ini sejajar dengan visi Kementerian saya untuk menjadi sebuah Kementerian yang kreatif dan inovatif ke arah memacu pembangunan mampan dan mencapai kesejahteraan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah komited untuk memastikan sasaran ini dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui agensi-agensi di bawah KKTP, iaitu 25 pihak berkuasa tempatan di negeri Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB), Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

Datuk Speaker, berkenaan dengan peningkatan kecekapan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi di bawah KKTP melalui pengukuhan undang-undang. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa terdapat dua undang-undang kecil seragam yang baharu telah diwartakan pada 5 Oktober 2023 yang lalu. Iaitu Undang-undang Kecil Perlesenan Penggunaan Premis bagi *trade* perniagaan dan Perindustrian Seragam 2022 dan Undang-undang Kecil *Establishment* Makanan Seragam 2022.

Pewartaan undang-undang kecil ini merupakan satu lonjakan yang ketara dalam komitmen Kementerian saya untuk memperkasa dan mengukuhkan sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan sekali gus meningkatkan hasil pendapatan mereka. Selain itu, usaha kerjasama antara Kementerian saya dan Perbadanan Produktiviti Malaysia MPC untuk menyelaraskan dan menyeragamkan proses dan garis panduan permohonan dan pelulusan plan bangunan dan plan pembangunan di Sabah diteruskan pada tahun 2024. Saya yakin usaha bersama Kementerian saya dan pihak MPC ia dapat menghasilkan satu garis panduan yang bukan sahaja memenuhi keperluan pihak berkepentingan tapi juga untuk mewujudkan satu modal pembangunan yang lebih telus dan mampan di Sabah.

Datuk Speaker, Kementerian saya juga telah menghasilkan satu garis panduan permohonan pengecualian tatacara tender dan sebut harga di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengambil pandangan syor dan cadangan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia negeri Sabah sebelum dikuatkuasakan. Garis panduan ini adalah untuk memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah jelas, tersusun dan telus sejajar dengan piawaian nilai etika dan tadbir urus yang berintegriti. Kementerian saya juga, sedang dalam proses mengemas kini kesemua *standing order* pihak berkuasa tempatan untuk memastikan prosiding atau operasi pihak berkuasa tempatan berjalan dengan lancar dan cekap selaras dengan perkembangan terkini. Pengemaskinian *standing order* ini juga akan melibatkan

perubahan atau pindaan berbangkit kepada undang-undang utama, iaitu *Local Government Ordinance 1961* bagi menyelaraskan keseluruhan struktur perundangan untuk tadbir urus yang lebih berkesan dan efektif.

Untuk makluman awal, undang-undang kecil seragam yang sedang dalam proses pewartaan adalah undang-undang kecil penyediaan tempat letak kenderaan awam seragam 2022 dan undang-undang kecil kerja tanah seragam 2022. Pada masa yang sama, Kementerian saya juga akan membuat pindaan tambahan kepada enakmen Pemajuan Perumahan Kawalan dan Perlesenan Pindaan 2023 yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 10 Ogos yang lalu. Kementerian saya akan meneliti dan mengkaji semula penambahbaikan kepada prosedur semasa dan juga peraturan-peraturan berkaitan ...

29/11/2023 - RAKAMAN 28 [2:30 PETANG - 2:40 PETANG] - [HASTRINA] - JUDE - HADINIE

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Projek perumahan di Sabah bersama dengan pihak berkepentingan. Selaras dengan hala tuju Sabah Maju Jaya ke arah pendigitalan perkhidmatan, Kementerian saya juga dalam rangka untuk mendigitalkan beberapa perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT. Ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan di samping dapat membantu meningkatkan pendapatan PBT.

Pada tahun 2024, dengan kerjasama KKTP, Bahagian Kerajaan Digital, Jabatan Komputer Negeri Sabah dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak empat PBT akan terlibat sebagai projek perintis dalam usaha melaksanakan ePBT.

Datuk Speaker, selaras dengan usaha memperkasa agensi dan mensejahterakan rakyat, Kementerian saya akan meneruskan beberapa program yang lalu berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diberikan. Antara program yang diteruskan ialah yang pertama, Program Pembangunan Landskap dan I-Hijau. Kedua, pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan PBT, ketiga

pengurusan sisa pepejal. Keempat, perancangan dan pembangunan bandar-bandar dan pekan-pekan baharu. Kelima, perancangan dan pembangunan perumahan.

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: Datuk Speaker. Menteri, boleh minta laluan? Saya ingin bertanya dengan Menteri, apakah status tindakan pihak Kementerian dalam isu yang pernah ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini, mengenai perancangan pihak Kementerian untuk membina sebuah dewan masyarakat yang baharu dan menaik taraf *facility* pasar umum di daerah Keningau? Juga, adakah perancangan untuk membina satu bas terminal juga di daerah Keningau, central, Keningau Central? *Thank you.*

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih. Sebelum saya jawab, saya mohon sebab kalau saya lihat di sini, ada 12 isu yang sudah dibahaskan oleh kesemua Wakil-wakil Rakyat. *So, let me finished the* perancangan Kementerian dahulu dan apabila saya datang ke isu-isu tersebut, boleh dibangkit semula. Boleh? Terima kasih. Terima kasih Datuk Speaker. Sekarang mana sudah itu.

Okey. Kelima, Perancangan dan Pembangunan Perumahan fokus kepada rumah kos rendah dan rumah mampu milik. Keenam, Perancangan Guna Tanah dan Penyediaan Pelan Tempatan. Ketujuh, Pemerkasaan Komuniti di pering, di PBT. Kelapan, Pemantapan dan Pengukuhan Pentadbiran dan Pengurusan Mahkamah Anak Negeri dan kesembilan, tindakan mencapai *Sustainable Development Goals* dengan penyediaan *SDG Roadmap* di Pihak Berkuasa Tempatan. Antara PBT yang akan terlibat dalam pembentangan *Volunteer Local Review (VLR)*, adalah Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Kota Belud.

Selain itu, Kementerian saya juga telah merancang untuk memastikan perkara berkaitan dengan peningkatan dan pengukuhan kecemerlangan perkhidmatan iaitu, yang pertama, pewujudan Jawatankuasa Bandar Pintar untuk penyediaan *blueprint* Bandar Pintar Negeri Sabah ini, selaras dengan permintaan daripada KPKT. Yang kedua, Pemantapan Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Ketiga, sasaran mencapai tahap mampan dalam Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar, Luar Bandar Malaysia, atau *Malaysian Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development*. Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai

kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk bandar.

Keempat, pencapaian sekurang-kurangnya tiga bintang ke atas *star rating* Pihak Berkuasa Tempatan. Kelima, pemantapan peranan Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar atau JKDB, di Negeri Sabah melalui usaha memperkenalkan Program Komuniti, Komuniti. Perkara ini akan dikemukakan untuk mendapatkan peruntukan tambahan kelak dan keenam, mengemukakan permohonan-permohonan Perumahan Rakyat PPR kepada pihak KPKT.

Datuk Speaker, izinkan saya menyentuh isu-isu dan menjawab pertanyaan yang ditujukan kepada Kementerian saya. Isu berkaitan dengan Pembangunan Sektor Perumahan dan Komersil. Kementerian saya mengambil perhatian penting dalam isu-isu berkaitan dengan pembangunan perumahan dan komersil di negeri ini. Pandangan Yang Berhormat ADUN Kapayan mengenai LPBB perlu membina lebih banyak kos rendah bagi golongan B40 di Kepayan dengan membina rumah sewa milik.

Untuk makluman Yang Berhormat Kapayan, pihak LPBB sedang mengenalpasti tapak sesuai di DUN Kepayan bagi pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah atau PAKR. Tapak-tapak sedia ada telah dibangunkan sepenuhnya oleh pihak LPBB. Program Perumahan Awam Kos Rendah khas untuk golongan berpendapatan rendah dan B40 ini, dicadangkan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-13 tertakluk kepada ketersediaan tanah dan kelulusan peruntukan kewangan.

Bagi menjawab pernyataan Yang Berhormat ADUN Tanjung Aru berkenaan Rumah Pangsa yang ditawarkan kepada penduduk sangat daif dan rosak, suka saya maklumkan bahawa keadaan rumah sebelum diserahkan kepada penyewa sememangnya dibersihkan terlebih dahulu termasuk pembaikan asas seperti pintu, tingkap, peralatan sanitari dan pendawaian elektrik. Sekiranya ada kotoran, ia adalah ditinggalkan oleh penyewa terdahulu yang sudah keluar atau tamat penyewaan. Dan seperti biasa, apabila kita masuk dalam rumah yang baharu saya percaya, kita sendiri juga harus membersihkan sebelum kita masuk.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat ADUN Sebatik, bilakah rumah Fasa Satu oleh LPBB di Bandar Baharu Kalabakan akan bermula? Sebagai makluman, Pembangunan Rumah Kedai Fasa Satu oleh LPBB di Bandar Baharu Kalabakan hanya akan bermula setelah geran tanah dipindah milik kepada LPBB. Dan setelah cadangan pembangunan tersebut mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Gum-Gum, terhadap status PPR jual beli seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa status PPR di Negeri Sabah adalah PPR disewa. Persoalan mengenai cadangan mewujudkan Kampung Tersusun ianya dalam pemerhatian pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada ketersediaan lokasi yang sesuai.

Pandangan Yang Berhormat ADUN Kapayan agar KKTP melantik pengurusan rumah atau *management committee* atau *management corporation* yang bertanggungjawab. Perlu saya jelaskan bah, mengikut *land subsidiary enactment*, sebelum geran *subsidiary* diperoleh dan dipindah milik kepada nama pembeli rumah, pelantikan pengurusan bangunan atau *management corporation* adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil pendekatan terhadap mana-mana bangunan bertingkat yang mempunyai pengurusan bangunan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Bersama atau *Joint Management Committee (JMC)*. JMC ini adalah...

29/11/2023 - RAKAMAN 29 [2.40 PETANG - 2.50 PETANG] - [ROHANI] - TERESA - AHMAD

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ...satu jawatankuasa yang dianggotai dan ditadbir bersama oleh pemilik, pihak pengurusan dan pemaju sendiri. Peranan JMC adalah untuk menentukan caj penyelenggaraan, menyelenggara harta bersama di sesebuah Taman Perumahan dan memastikan laporan audit dibuat pada setiap tahun. Ianya juga merupakan satu pendekatan di mana pemilik boleh berlatih untuk mengurus bangunan mereka sendiri apabila geran tanah subsidiari telah didaftar atas nama mereka.

Selain itu, bagi memperkasakan lagi undang-undang yang berkaitan dengan bangunan-bangunan bertingkat, kementerian saya juga dalam usaha dan sedang menggubal undang-undang berkaitan tentang pengurusan bangunan, iaitu “*Building Managemant Enactment*” untuk dilaksanakan di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut masih lagi dalam peringkat kajian dan penelitian Kementerian untuk diperhalusi.

Isu kedua adalah berkaitan dengan cukai pintu dan ses tanah. Untuk menjawab kenyataan dan pertanyaan ADUN Dilantik, Yang Berhormat Datuk Suhaimi Haji Nasir.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri, boleh saya, sebelum beralih ke tajuk lain tadi pasal Pekan. Dalam ucapan perbahasan saya, saya ada bertanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai status pembinaan baharu Pekan Tungku. Yang Pekan Baru Tungku, ya yang belum bermula lagi sampai sekarang. Saya mahu bertanya apakah masalah dia dan bilakah projek ini boleh dimulakan. Yang pertama.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kalau tidak menjadi kesalahan Datuk Speaker ya. Saya menerima *message* daripada masyarakat kita di kawasan. Dia mahu minta saya untuk bertanya kepada Menteri. Bolehkah begitu?

Tuan Speaker: Kalau ada kaitan sama...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ada kaitan dengan kementerian. Boleh ya, Datuk Seri.

Tuan Speaker: Kalau dia fakta atau dia statistik, dia tidak boleh kasi (beri) sekarang, dia boleh bagi yang bertulis lah. Ya, ya boleh.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Dia minta saya tanya ya. Bunyi dia macam ni. “Selamat malam Yang Berhormat. Tolong usulkan atau tanyakan kenapa tiga orang yang dilantik di Majlis Daerah Lahad Datu tapi bertugas di KKTP. Dilantik di

Majlis Daerah Lahad Datu tetapi tidak pernah bertugas di MDLD biar satu minit pun”. Itu pertanyaan dia.

Jadi saya sampaikan sahaja pertanyaan masyarakat marhaen di bawah untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri boleh ambil maklum. Terima kasih. Terima kasih Datuk Seri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tungku. Kita akan beri penjelasan bertulis.

Tuan Speaker: Bertulis mengenai isu yang duduk di Majlis Daerahkah atau mengenai Pekan Tungku?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Untuk menjawab kenyataan dan pertanyaan ADUN dilantik Yang Berhormat Datuk Suhaimi Haji Nasir mengenai kegagalan pihak Majlis Perbandaran Sandakan mengutip tunggakan cukai pintu dan ses tanah Majlis dan perancangan MPS untuk mempertingkatkan kutipan tunggakan. Untuk makluman, Kementerian saya mengambil berat pencapaian kutipan hasil berasaskan cukai di Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana kutipan hasil cukai ini adalah pendapatan utama Pihak Berkuasa Tempatan. Berkenaan dengan prestasi MPS ini kementerian saya sentiasa memantau dan mengadakan perbincangan bersama MPS untuk membincangkan perkara ini.

Sehubungan itu, kementerian saya melalui MPS telah dan sedang melaksanakan pelbagai tindakan berterusan dalam mengurus tunggakan cukai pintu dan ses tanah seperti berikut:

- a. Melantik tambahan agen-agen pengutip tunggakan cukai pintu dan ses tanah; dan
- b. Menambah baik sistem penyampaian notis peringatan tuntutan bayaran tunggakan; dan
- c. Menambah baik dan mempelbagaikan kemudahan pembayaran seperti menambah pusat kaunter pembayaran cukai atau ses tanah dan

pembayaran secara *online* dengan menggunakan aplikasi MPSPay dalam talian [https:// payment.mpsdk.gov.my](https://payment.mpsdk.gov.my);

- d. Mengadakan kempen dan promosi membayar tunggakan seperti memberi pengecualian faedah atau denda lewat bayar dan kempen kesedaran pentingnya membayar tunggakan cukai pintu bersama warga Sandakan.
- e. Mengiklankan nama-nama penghutang dalam surat akhbar tempatan.
- f. Mempertingkatkan tindakan saman terhadap penghutang melalui Jabatan Perundangan Majlis dan Panel Peguam MPS; dan
- g. Mengambil tindakan lebih tegas dengan menyenarai hitamkan nama-nama penghutang dalam agensi pelaporan kredit (APK) seperti CTOS Data System Sdn. Bhd. atau CTOS.

Untuk makluman, perancangan MPS akan datang adalah memperbanyakkan lagi libat urus bersama rakyat, masyarakat terutama pemilik harta bagi memberi pemahaman mengenai cukai pintu dan ses tanah agar kutipan meningkat. Manakala pertanyaan Yang Berhormat ADUN Sri Tanjong mengenai semakan cukai pintu MPT yang telah dilaksanakan dua kali. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Tawau (MPT) telah melaksanakan penilaian semula terakhir pada tahun 2003 dan merupakan aras nilaian diguna pakai sehingga hari ini. Majlis Perbandaran belum bercadang untuk melaksanakan penilaian semula dalam masa terdekat.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Tawau sentiasa melaksanakan kemas kini senarai penilaian pada setiap tahun untuk memastikan cukai pintu tambahan dilaksanakan ke atas pembangunan baru dan pengubahsuaian yang dilaksanakan ke atas hartanah berkadar.

Manakala pertanyaan Yang Berhormat ADUN Sri Tanjong adakah keperluan menaikkan cukai pintu? Jawapannya adalah Ya. Ia wajar dinaikkan atas sebab-sebab seperti berikut:

- a. Gaji minimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia semakin meningkat bermula tahun 2003 sehingga 2023, iaitu RM450.00 pada 2003 dan sekarang RM1500.00 sebulan pada 2023. Peningkatan sebanyak 182% ke atas gaji minimum;

- b. Kenaikan harga minyak diesel. Peningkatan sebanyak 233%, iaitu RM0.76 seliter pada tahun 2003 kepada RM2.15 seliter pada tahun 2023.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri ada persoalan daripada ADUN Sri Tanjong.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Terima kasih Datuk Speaker. Tadi Menteri sebut yang peningkatan ini tidak akan dibuat pada masa terdekat di MPT. Adakah itu yang dimaksudkan oleh YB Menteri?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Macam itulah tu yang saya baca Yang Berhormat.

Tuan Speaker: Sila sambung.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Belum bercadang untuk melaksanakan penilaian semula dalam masa terdekat.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: YB Menteri saya mendapat soalan daripada penduduk di...

29/11/2023 - RAKAMAN 30 [2:50 PETANG - 3:00 PETANG] - [RUPIKA] - SITI JUBAIDAH - NADA

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:Tawau bahawa tanah mereka tanah mereka dulu membayar sampai RM450 tapi sekarang sudah naik sampai RM3000. Jadi, saya di sini cuma nak bertanyalah, adakah memang MPT tidak akan laksanakan?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Saya ulang lagi, okey. Majlis Perbandaran Tawau sentiasa melaksanakan kemas kini senarai penilaian pada setiap tahun untuk memastikan cukai pintu tambahan dilaksanakan ke atas pembangunan baharu dan

pengubahsuaian yang dilaksanakan atas hartanah berkadar mungkin ini yang terjadi. So, kalau ada perbezaan *you can see us on or you can see me directly regarding that particular issue*. Boleh, Yang Berhormat? (Suara bertindih).

Tuan Speaker: Yang Berhormat Sri Tanjong, maksud Menteri itu MPT tidak ada bercadang untuk menaikkan kadar dia daripada yang ada sekarang tetapi dia sentiasa membuat kajian tentang penilaian semula. Ini kalau ada bangunan yang ada tambahan atau apa semua dia punya penilaian yang naik. Jadi itu yang mungkin ada yang kenaikan berlaku tetapi untuk menaikkan kadar daripada sekarang belum ada cadangan daripada kadar yang ada sekarang. Okey.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, Datuk Speaker. Kenaikan kos ini memberi impak yang sangat besar kepada kos operasi Majlis dalam bertanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Isu berkaitan dengan kebersihan dan kesihatan persekitaran dan pengurusan sisa pepejal. Kementerian saya amat menekankan isu berkaitan dengan kebersihan, kesihatan awam dan pengurusan sisa pepejal. Isu-isu kebersihan tandas awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah antara fokus utama Kementerian saya.

Saya mengambil perhatian dengan kenyataan ADUN Dilantik Yang Berhormat Datuk Amisah, mengenai tandas awam tidak bersih dan lokasi pembinaan tandas awam yang sesuai serta tandas awam ditutup awal. Saranan tandas awam seperti dinaik taraf, infrastruktur yang baik dan lokasi yang mudah diakses mengekalkan kebersihan inisiatif mesra alam seperti *sensor flush*, mesra OKU, tandas awam direka supaya ia mudah diakses. *Star rating* tandas awam diperkenalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya telah menyalurkan peruntukan kepada Majlis Daerah Ranau untuk menaik taraf sebuah tandas awam tumpuan di Pekan Kundasang dan kerja-kerja menaik taraf telah disiapkan. Di samping itu, Majlis Daerah Ranau juga ada menerima peruntukan daripada KPKT untuk menyelenggara tandas awam yang menjadi tumpuan di Pekan Ranau dan kerja-kerja penyelenggara juga telah siap dilaksanakan.

Berkenaan dengan tandas mesra OKU, ia telah dilaksanakan di tandas awam Kiaburi Plaza dan ini bakal dilaksanakan di mana-mana tandas awam yang baharu manakala tandas awam di Pekan Ranau dan Pekan Kundasang ditutup awal, ia disebabkan oleh trend pengguna tandas awam yang amat berkurangan pada waktu malam.

Bagi penilaian, pemeriksaan tandas awam suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah mengarahkan semua 25 Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan penarafan bintang bagi tandas-tandas awam selaras dengan kehendak KPKT. Selain itu, ada di antara PBT yang telah menganjurkan pertandingan kebersihan tandas awam kategori bangunan kerajaan, premis perniagaan, sekolah dan rumah ibadah peringkat daerah.

Masih berkaitan dengan tandas awam, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pantai Manis, mengenai tandas awam kotor di kawasan SK. Pekan. Untuk makluman, pihak Majlis Daerah Papar telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan semula tandas awam tersebut.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Karamunting, berkenaan masalah kebersihan di kawasan Pantai Pasir Putih, sukacita dimaklumkan bahawa kawasan ini merupakan salah satu daripada enam kawasan yang akan dimasukkan dalam kontrak kerja-kerja kutipan sampah di tepi pantai daerah Sandakan dan pada ketika ini sedang dalam proses perolehan yang dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun 2024. Pandangan Yang Berhormat Silam ...

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yang Berhormat Menteri, boleh tak? Takut nanti terlepas pula isu lain. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin tahu soal penyelenggaraan rumah PPR ini, di bawah KPKT, pasal di peringkat *Federal* baru-baru ini, saya tengok bila diumumkan oleh Menteri berkenaan banyak peruntukan untuk membaik pulih, mencat semula rumah-rumah di bawah KPKT ini, itu dari segi penyelenggaraan. Di Sabah ini pun banyak dan masih ingat lagi waktu saya duduk di Kementerian ini, contoh di Kinarut dan termasuk juga apa perkembangan terkini PPR di Selagon di Beaufort tu yang dulu tidak dapat oleh sebab banyak kerosakan mendap dan begitu juga di Kibabai apa perkembangan

terkini kerana saya tengok Kementerian di peringkat pusat begitu agresif. Jadi oleh sebab PPR yang ada di Sabah ini di bawah Kementerian Pusat. So, adakah penyelesaian ini sampai kepada KPKT di Sabah? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih. Kebanyakan pembangunan-pembangunan khususnya yang dikendalikan ataupun dikawal selia oleh KPKT itu kebiasaannya kita akan memohon balik peruntukan untuk pembaikan daripada mereka. *We* kita juga tengok keadaan dia kalau yang mendesak dan kalau PBT sendiri ada kewangan, *I will encourage* semua PBT untuk *repair* dulu dan kemudian mungkin kita boleh minta *reimbursement or something like that*.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong Sulabayan]: Sangat simpati, teruk sangat macam di Kinarut tu sampai pecah, tandas dia sumbat saya tengok. Orang-orang yang duduk di situ tu saya ingat bukan saja tak sihat, kita bimbang keadaan sekarang ini penyakit pun banyak, keadaan tidak kondusif dan ini menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat, pasal PPR ini di bawah Kementerian Pusat. Saya faham Kerajaan Negeri Sabah walaupun ada duit mungkin tak mencukupi. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Peruntukan *is not going to be enough*. So, memang inilah yang kita kena satu *realization* yang kita kena akur dan kita buat yang terbaik. Satu lagi perkara dengan kebersihan tandas ini, *I actually urged* kita semua akan pengguna dan kita juga mesti ada kempen-kempen supaya meningkatkan kebersihan di peringkat tandas dan *the other one is a* kurangkan *occasional* dia *vandalism* di kawasan-kawasan dan itu juga yang kita harus ah *try to prevent*lah. Okey, terima kasih. Ah, Yang Berhormat Sulabayan. Saya teruskan, Datuk Speaker.

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Menteri, *can I thank you*. Datuk Speaker, terima kasih. Sandakan *recently has what we call exercise on increasing the house assessment for the innocent they was will be out try and ah I proposed that Sandakan should update their images with services to the community*lah *because a lot of people* tidak puas hati dengan Kerajaan sebab

perkhidmatan daripada MPS tidak cukuplah. Contohnya, pasar umum *leave has been already out of service for fourth to five months already, we find out and* oleh kerana *because the contractor will not pay so they stop worked and recently* Menara MPS empat *four month already*.

Tuan Speaker: *What is the issue, Tanjong Papat?*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Ya, isu tu dengan perkhidmatan daripada MPSlah. *They not responding ...*

Tuan Speaker: *Did your raise this in your debate?*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: *Ah, I have return to the ...*

Tuan Speaker: *Or did your raise this in your debate yesterday?*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Ah, *no*.

29/11/2023 - RAKAMAN 31 [3:00 PETANG - 3:10 PETANG] - [LOVELLA] - NADIA - HADINIE

Tuan Speaker: *You should raise it in your debate yesterday?*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: *Can I raise it now?* Menteri? Menteri? Boleh saya bawa isu ni tentang isu ini?

Tuan Speaker: *Because if you raise it now, you are having extra time to debate.*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: *I just need one or two minutes only. Because I heard the matters been raise and I just thought our bring it up.* Boleh?

Tuan Speaker: Sikit saja.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Ini tentang *which one?*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Isu tentang *cleanliness and maintenace of our* kemudahan Kerajaan.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: *We will give you in writing.*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Okey.

Tuan Speaker: *You can raise down if they give you in writinglah. We will not respond to you now but, you can raise it but he will give you in writing the answer.*

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: *Okey, I have raise it now?*

Tuan Speaker: Ya ya ya.

Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]: Ya, *no problem.*

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Okey.

Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]: Ya, *the issues about the affected the MPS act, she closed up the place and not doing anything about it. The rubbish has been stone everywhere in the come pack and raise a matter to it. A one week later I found out it's still not clean, one minute later they ask people to find out is still not clean. So, I send the matter directly to the resident I don't know what's is gonna do anything about it now, and the sea rubbish been going on for so long. Now I have to send one people to clean it up. So, this are the problem current in Sandakan. This are the problem that people are not happy and trying to say can the ministry do something about it. Thank you.*

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: Minta maaf, Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Datuk Speaker, *as I mentioned earlier, we are working closely with a MPS to resolved whatever problem is their at the moment.*

I'm almost how to say it every now and then I go to Sandakan and I press on them to do what is necessary and even my officers going they and starting from next year we are going to give even penyeliaan yang lebih rapi kepada semua pihak PBT. So that they should be on their toes regarding their focus, their core business air, kebersihan and everything. Trying to do the best that we can alright. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: Datuk Menteri *sorry, sorry* Datuk Menteri. *Regarding the* Sandakan pasarkan, saya ingat nak sentuh sikitlah Datuk Speaker. Untuk makluman Datuk Speaker dan Menteri...

Tuan Speaker: Sandakankah Karamunting?

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: Sandakan err Karamunting juga. Err pasar pasar umum.

Tuan Speaker: *You ada, you bangkit pasal Karamunting your debate?*

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: *Actually* Karamunting *and* Sandakan dekat bah.

Tuan Speaker: Saya tahu, saya orang Sandakan bah.

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: (Ketawa)

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Datuk Speaker.

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: *That's why, why because* saya pun selalu pergi pasar..

Tuan Speaker: *But if you want to query, you query about* Pasar Karamunting *because you raise about* Pasar Karamunting *not* Pasar Sandakan.

Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]: *Sure thank you Speaker, thank you Datuk Menteri. For your info, Sandakan Pasar Sandakan umum pasar umum Sandakan, every month they outsource* tapi dia punya harga untuk *maintenance* ah baru berapa ribu saja *and then* Elopura dan Pasar Batu Empat Kim Fung pun begitu. Dua tiga ribu saja satu bulan. Kalau boleh kasih *adjust* sebab kalau tidak susah juga sama seperti apa yang YB Datuk Tanjung Papat bilang sampah banyak. Begitu juga pasar di Bandar Ramai-Ramai dan juga di Pasar Karamunting, *thank you*.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Datuk Speaker, *actually* kita pun akan ada sentuh juga tentang Pasar Karamunting. So, boleh tunggu sekejap Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat ADUN Silam, mengenai prestasi kontraktor yang dilantik bagi pungutan sampah di Majlis Daerah Lahad Datu yang tidak proaktif dan akan diberi perhatian serius oleh Kementerian saya. Pemantauan prestasi sentiasa dibuat oleh pihak Majlis Daerah Lahad Datu. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan dan Kebersihan, 12 lori sampah sedang beroperasi untuk kutipan sisa pejal iaitu lima lori yang lama dan lima tujuh lori yang baru. Pihak konsesi akan menambah tiga lagi lori sampah baru untuk kerja-kerja kutipan sisa pejal di daerah Lahad Datu. Kutipan sampah adalah tiga kali sehari.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak lori-lori baru diperolehi, aduan masalah sampah di kawasan perumahan tidak lagi ada. Jika Majlis Daerah Lahad Datu mendapat aduan, pihak konsesi akan mengambil tindakan dengan seberapa segera. Lantikan kontraktor yang sama adalah berpandukan kepada surat perjanjian yang telah ditandatangani. Isu seterusnya berkaitan penyelenggaraan landskap, lampu jalan dan sistem perparitan.

Datuk Speaker, usaha mencantikkan persekitaran landskap di sepanjang jalan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan antara fokus aktiviti. Walau bagaimanapun, ia perlu diselaraskan dengan jadual penyelenggaraan yang baik bagi menjawab soalan ADUN Karamunting mengenai penyelenggaraan pokok-pokok...

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk Speaker,

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Sekejap, sekejap.

Tuan Speaker: Dari Silam, mahu tanya pasal apa?

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Pasal Majlis Daerah Silam.

Tuan Speaker: Okey, ini ada bawa dalam perbahasan?

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk Speaker terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, saya menyentuh berkenaan penjualan ikan dalam deretan kedai dipanggil IPIS dibuat di pasar di deretan kedai di tengah-tengah kedai dibuat macam seolah-olah pasar ikan. Jadi, masalah di sini apabila wujudnya di macam penjualan di kedai itu dia boleh mengundang itu binatang-binatang yang binatang-binatang liar seperti anjing liar, tikus, nyamuk dan tikus ini kalau termakan dia punya air kencing itu boleh membawa maut. Jadi, saya ingat pengwujudan dia pasar di tengah-tengah pasar tidak sesuai. Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk buat satu tindakan supaya jangan wujudkan pasar ditengah - tengah kedai. Seolah-olah pasar ikan dengan lori-lori memunggah ikan di situ. Jadi ini adalah tidak sihat. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk buat tindakan. Kalau boleh pun batalkan lesen dia, dia cuma ada mempunyai lesen *trading license*. Jadi ini tidak sihat kepada persekitaran di Bandar Tabanak. Terima kasih Datuk Seri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Yang Berhormat Silam, tunggu sekejap dengar dulu saya akan sampai ke situ. Mana sudah ni? Datuk Speaker, bagi menjawab soalan ADUN Karamunting mengenai penyelenggaraan pokok-pokok, pihak Majlis Perbandaran Sandakan telah menulis surat kepada Jabatan Kerja Raya untuk mengambil tindakan bagi pokok-pokok yang tumbuh di kawasan lapang *open space* dan pokok-pokok yang ditanam di kawasan pembahagi jalan, pihak MPS akan mengambil tindakan memangkas.

Bagi pokok yang tumbuh di tanah Kerajaan atau *state land* adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan manakala bagi pokok yang tumbuh di kawasan tanah persendirian adalah terletak di bawah tanggungjawab pemilik tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Sungai Manila, lampu Jalan UMS atau Jalan Sungai Batang yang tidak berfungsi, pihak Majlis Perbandaran Sandakan telah membuat pemeriksaan lampu Jalan raya di kawasan UMS dan didapati tiga unit *feeder pillar* atau *feeder box* telah hilang dicuri dan kerja-kerja pembaikan akan dibuat dalam masa terdekat.

Berkenaan dengan isu penyelenggaraan lampu jalan di Jalan Cecily yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Karamunting, pihak MPS telah melaksanakan kerja-kerja penggantian 24 buah lampu bagi tempoh antara bulan Ogos sehingga Oktober...

29/11/2023 - RAKAMAN 32 [3:10 PETANG - 3:20 PETANG] - [AZWANA] - AZYATUL - AHMAD

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: 2023. Kerja-kerja pembaikan pula dilaksanakan dari masa ke masa. Manakala, untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pantai Manis terhadap pembersihan dan penyelenggaraan sistem perparitan di Pekan Papar, perlu dijelaskan bahawa Kementerian saya melalui Majlis Daerah Papar telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit di kawasan taman perumahan secara berperingkat bermula dari awal tahun 2023.

Datuk Speaker, isu penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam. ADUN Dilantik, Yang Berhormat Aliakbar menyarankan, agar Kerajaan mengambil berat tentang kemudahan sosial di kawasan bandar baharu seperti sekolah, dewan masyarakat dan rumah ibadah. Perlu saya jelaskan bahawa pihak Kerajaan sememangnya mengambil berat tentang kemudahan sosial di kawasan bandar baharu, seperti sekolah, dewan masyarakat dan rumah ibadah. Dalam setiap Program Bandar Baharu, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan tapak bagi pembangunan sekolah, rumah ibadah, dewan masyarakat dan tapak tamu.

Program pembangunan ini akan dilaksanakan oleh Jabatan atau Agensi Kerajaan berkenaan tertakluk kepada kelulusan peruntukan kewangan kelak. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Pantai Manis, pihak Majlis Daerah Papar telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf *parking lot* di beberapa kawasan Pekan Papar. Contohnya, kawasan yang telah dinaik taraf adalah kawasan OKK Haji Mahali, Papar dan Dewan Masyarakat Papar. Manakala, kerosakan pasar am sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Papar telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf Pasar Am Pekan Papar.

Pertanyaan Yang Berhormat ADUN Gum-Gum, mengenai permohonan naik taraf Pasar Gum-Gum. Kementerian saya melalui Majlis Perbandaran Sandakan masih menunggu kebenaran untuk meneruskan tender dan kelulusan pertukaran tajuk, bagi menaik taraf tamu Gum-Gum daripada pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, PPNS. Bagi menjawab pertanyaan ADUN Karamunting, pihak Majlis Perbandaraan Sandakan telah memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk pembaikan Pasar Karamunting. Ini memandangkan kos bagi pembaikan ini di luar kemampuan kewangan Majlis yang mencecah RM 10 juta.

Walau bagaimanapun, Pihak Majlis dimaklumkan kelulusan peruntukan ini hanya dapat dipertimbangkan pada hadapan, iaitu tahun 2024. Pertanyaan yang Berhormat ADUN Sungai Manila, berkenaan dengan pembinaan jambatan berukuran 90 meter Kampung Lalasan ke Kampung Tanjung Pisai yang ditolak oleh MPS kerana kos tinggi. Suka saya menjelaskan bahawa permohonan ini ditolak dalam Jawatankuasa Majlis Penuh memandangkan projek tersebut bukan di kawasan percukaian majlis dan telah dicadangkan untuk memohon ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Manakala perkara berkaitan dengan pembinaan padang bola sepak awam di Sungai Manila, saya dimaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Sandakan akan memohon semula peruntukan ke Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Datuk Speaker, isu berkaitan mewujudkan Pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian saya memahami kewujudan Pejabat-pejabat Daerah Baharu yang memerlukan wujudnya Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan berkenaan. Saya mengambil perhatian dengan saranan Yang Berhormat ADUN Sebatik ini. Dimaklumkan

bahawa Kementerian saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak Majlis Perbandaran Tawau dan Pejabat Daerah Kalabakan. Pihak Kementerian mendapati pewujudan Majlis Daerah Kalabakan pada masa ini, belum dapat direalisasikan. Ini berdasarkan keupayaan pembangunan dan hasil yang ada belum mencukupi.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Tawau, hasil tahunan yang boleh dikutip adalah RM64,000 sebulan atau RM770,731.30 setahun. Yang merangkumi kutipan ses tanah, cukai pintu, lesen dan lesen operasi. Walau bagaimanapun, anggaran perbelanjaan sebulan adalah RM100 ribu yang merangkumi kos pengoperasian dan emolumen kakitangan. Manakala, jumlah penduduk di Kalabakan adalah 46,666 orang.

Datuk Speaker, isu berkaitan setingan. Kenyataan ADUN Dilantik, Yang Berhormat Aliakbar, mengenai pengurusan setingan yang disediakan yang ada pelan jangka panjang, dan jangka pendek tetapi tidak ada polisi setingan dan jelas dan *timeline*. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian saya dalam rangka penyelarasan terhadap usaha pengurusan setingan yang telah disediakan sebelum ini. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah dibuat oleh Jawatankuasa Khas menangani isu setingan dan Jawatankuasa Teknikal. Kita menjangkakan pelan pengurusan yang lebih jelas dengan memasukkan *lock figure*, pelan tindakan dan *timeline*. Pengurusan setingan akan dimuktamadkan dan dikemukakan untuk kelulusan Kabinet Negeri.

Datuk Speaker, Kementerian saya mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Kukusan, semua perkara berkaitan dengan terma dan syarat setingan di negeri Sabah sedang diperhalusi dalam penyediaan Pelan Pengurusan Setingan Negeri Sabah. Datuk Speaker, isu berkaitan dengan Majlis Perbandaran Sandakan. Pandangan Yang Berhormat ADUN Karamunting agar Kementerian saya memantau pengurusan dan pentadbiran Majlis Perbandaran Sandakan. Kementerian saya amat menekankan perkara berkaitan tadbir urus kesemua 25 PBT di bawah kawalan Kementerian.

Sehubungan itu, seperti yang saya telah maklumkan bahawa antara tindakan yang dibuat adalah, mengadakan libat urus di semua PBT di Sabah. Bagi PBT yang sering menerima aduan terhadap pencapaian dan prestasi sebagai sebuah PBT,

kumpulan pegawai kanan Kementerian saya akan mengadakan libat urus khas bagi mengenal pasti punca, dan masalah serta cadangan penambahbaikan. Ini termasuklah juga pihak MPS.

Isu berkaitan pentadbiran Majlis Daerah Lahad Datu. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Silam mengenai lantikan syarikat daripada luar daerah, Lahad Datu untuk penyelenggaraan projek dan lain-lain seharusnya diberi keutamaan kepada kontaktor Lahad Datu. Bagi menjawab persoalan ini, pelantikan kontraktor majlis adalah melalui keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penuh Majlis yang dihadiri Ahli-ahli Majlis. Sekiranya melibatkan projek ianya akan melalui proses sebut harga, di mana majlis akan mengesyorkan penyebut harga - penyebut harga yang layak untuk dipertimbangkan ke Jawatankuasa Pemutus Sebut Harga Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

Persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Silam terhadap penjualan ikan berkenderaan di kawasan i-Peak. Untuk makluman, Majlis Daerah Lahad Datu tidak ada memberi kelulusan untuk melakukan aktiviti berjual ikan menggunakan kenderaan di kawasan i-Peak. Manakala, kebenaran penggunaan kaki lima oleh Majlis Daerah Lahad Datu adalah merujuk kepada SOP ataupun prosedur yang telah ditetapkan. Pihak Majlis Daerah Lahad Datu dan penguat kuasa sentiasa melakukan pemantauan bagi kes-kes seperti ini.

29/11/2023 - RAKAMAN 33 [3:20 PETANG - 3:30 PETANG] - [NURIAHTIKA] - RAMENAH - NADA

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ... isu berkaitan pembinaan aa Tawau International Cultural Centre, bagi menjawab isu pembinaan Tawau ...

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk ...

Tuan Speaker: Silam ada mahu bertanya.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Tadi Yang Berhormat Menteri cakap tiada kebenaran. Tapi **IPIS** masih beroperasi. Apa tindakan selanjutnya, Datuk? Terima kasih, Datuk.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Kita akan minta pihak majlis untuk memantau. Terima kasih. Bagi menjawab isu pembinaan Tawau International Cultural Centre oleh Ahli Yang Berhormat ADUN Balung, agar dapat dilaksanakan dan direalisasikan segera bagi mem ... mempersiapkan Tawau untuk mempamerkan hasil-hasil IKS dan usahawan Tawau. Untuk makluman Yang Berhormat Balung, Kementerian saya dan Majlis Perbandaran Tawau telah mengadakan bengkel bagi membincang konsep pembangunan dan cadangan reka bentuk Tawau International Cultural Centre yang telah diadakan pada tahun 2022. MPT telah menyediakan cadangan kertas kabinet dan bersedia untuk membuat pembentangan, pembentangan. MPT juga telah menyediakan dokumentasi seperti reka bentuk dan anggaran kos. MPT bersedia melaksanakan pembinaan Tawau International Cultural Centre ini, apabila peruntukan diluluskan kelak.

Isu berkenaan berkaitan dengan Mahkamah Anak Negeri. Berkaitan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Kadamaian, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Institut Latihan ... Latihan Mahkamah Anak Negeri atau (ILMAN) dalam usaha untuk membangun dan menaiktarafkan mod ... modul latihan yang sedia ada ke arah pengiktirafan dan pensijilan Ketua-ketua adat dan kakitangan Mahkamah Anak Negeri bagi meningkatkan keberkesanan dan kemahiran dengan kerjasama Borneo Institute For Indigenous Studies. Melalui kerjasama ini, program latihan yang lebih efektif da ... akan diperkenalkan secara berfasa ke arah mewujudkan silibus pembelajaran Pengajian Diploma Undang-undang Adat Negeri ... Adat Anak Negeri. Yang akan memberi peluang bukan sahaja kepada pengamal adat tapi juga kepada orang awam. Berkenaan dengan jawatan tetap di Mahkamah Anak Negeri, terdapat 134 jawatan yang telah diluluskan di Mahkamah Anak Negeri merangkumi jawatan Penolong Pegawai Tadbir (N29), Pembantu Tadbir (N22), Pembantu Tadbir (N19), Pembantu Setiausaha Pejabat (N19), Pembantu Operasi (H11), dan Pembantu Awam (H11). Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sebahagian daripada jawatan ni telah pun diisi. Manakala

sebahagian yang lain sedang dalam proses pelantikan oleh pihak berkuasa melantik negeri.

Manakala bagi keperluan bangunan Mahkamah Anak Negeri di setiap daerah yang turut dikemukakan oleh ADUN Kadamaian dan ADUN Sindumin, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah melalui Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah sedang dalam usaha untuk memastikan setiap daerah mempunyai Mahkamah Anak Negeri sendiri di setiap daerah. Setakat ini terdapat tujuh buah Mahkamah Anak Negeri yang telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya di negeri Sabah yang telah dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat sepuluh buah Mahkamah Anak Negeri yang telah disenaraikan di bawah RMK-12. Dengan jumlah peruntukan sebanyak 32 ... RM32,343,067 di bawah biayaan Kerajaan Persekutuan dan RM6,500,000 di bawah biayaan Kerajaan Negeri, iaitu Mahkamah Anak Negeri Ranau, Tamparuli, Tongod, Putatan, Sook, Nabawan, Kota Kinabalu, Papar, Paitan, dan Pagalungan. Beberapa buah lagi telah diangkat untuk dimasukkan ke dalam Rancangan RMK-13, iaitu Mahkamah Anak Negeri Kota Belud, Beluran, Tenom, Kemabong, Kinabatangan, Sipitang, Tawau, Kuala Penyu, Membakut, Semporna, Pitas dan Telupid. Bagi pembinaan Mahkamah Anak Negeri di DUN Sindumin setakat sekarang belum ada perancangan untuk pembinaan mahkamah bagi DUN, Dewan Undangan Negeri Sindumin kerana pembinaan Mahkamah Anak Negeri Sipitang telah pun dicadangkan di bawah RMK-13.

Cadangan Yang Berhormat ADUN Balung agar Mahkamah Anak Negeri Tawau dibina kerana pejabat sedia ada menumpang di bangunan MPT selama 40 tahun dan terdapat tanah tersedia di jalan utara berke ... keluasan 1.13 ekar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan Mahkamah Anak Negeri Tawau telah diangkat untuk dimasukkan ke dalam senarai projek Mahkamah Anak Negeri yang dicadangkan di bawah RMK-13. Kementerian mengambil maklum ketersediaan tapak tanah yang telah dicadangkan untuk tindakan susulan. Manakala saranan Yang Berhormat ADUN Kapayan agar mempercepat ... mempercepatkan pewujudan Jabatan Kehakima ... Kehakiman Anak Negeri bagi memartabatkan Mahkamah Anak Negeri, suka saya menjelaskan bahawa pada masa ini ia sedang dalam proses penyediaan kertas kabinet oleh Jawatankuasa Kerja di bawah Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

Proses ini turut melibatkan pengubahan enakmen baharu dan pindaan enakmen sedia ada yang berkaitan Mahkamah Anak Negeri Sabah. Manakala bagi menjawab saranan pelantikan Ketua Adat oleh Yang Berhormat ADUN Kadamaian agar di setiap DUN, suka saya menjelaskan bahawa ia memang memerlukan syor pelantikan daripada wakil rakyat di kawasan tersebut, dan perlu diperakui oleh Pegawai Daerah sebelum permohonan tersebut diterima dan diproses oleh Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Bagi menjawab Yang Berhormat ADUN Kapayan, mengenai dasar pelantikan Ketua-ketua Adat perlu konsisten dan tidak berubah-ubah bagi menjawab saranan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dan makluman Dewan yang Mulia ini, dasar pelantikan Ketua-ketua Adat buat masa kini masih kekal mengikut garis panduan yang telah disediakan pada tahun 2020. Sebagai penambahbaikan, telah diputuskan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Oktober 2023, bahawa tiada had tempoh bagi lantikan Ketua Adat Negeri Sabah.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sekejap? Datuk Seri Speaker, terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebut respon mengenai pertanyaan daripada Kadamaian, iaitu lantikan Ketua-ketua Adat yang sepatutnya melalui wakil rakyat di kawasan tersebut. Adakah polisi tersebut juga terpakai bagi kawasan di mana kawasan tersebut diwakili oleh wakil rakyat pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Belum lagi. Wakil rakyat kerajaan.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Kerajaan?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Kerajaan.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: *Nda (Tidak)* ada wakil rakyat kerajaan di kawasan kami. Kami sahaja wakil YB. Jadi ... siapa macam mana mahu aa YB Kerajaan mahu di situ melantik?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Ada kerja baharu ... UPPM.

Tuan Speaker: Runding belakang jak bah.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Baik, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Silam, runding belakang jak.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Datuk Speaker, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa is ... isu dan cadangan dan pandangan melibatkan Kementerian saya. Amat dihargai dan Kementerian saya akan meneliti segala cadangan dan pandangan berkenaan serta mengambil tindakan yang sewajarnya. Bagi persoalan-persoalan yang tidak sempat dijawab atau dijelaskan, Kementerian saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Sebagai mengakhiri ucapan penggulungan saya pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal ...

29/11/2023 - RAKAMAN 34 [3:30 PETANG - 3:40 PETANG] - [MARIA] - THEODORA - HADINIE

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ...kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri, penjawat awam dan rakyat Sabah yang meraikannya. Selamat Menyambut Tahun Baru 2024. Semoga tahun mendatang ini akan terus memperkukuhkan kita. Sabah Teguh, Rakyat Terbela. Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang tibalah masanya untuk Menteri Pertanian, Perikanan, Industri Pemakanan, Timbalan Ketua Menteri untuk mengulung.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Speaker. Salam hormat kepada semua yang hadir. Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya. Syukur kepada Tuhan kerana dengan berkatNya, kita

dapat bertemu sekali lagi dalam Persidangan Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas pada tahun ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Pembentangan Bajet 2024 yang bertema 'Sabah Teguh, Rakyat Terbela'. Tujuan...

Tuan Speaker, secara keseluruhannya peruntukan sebanyak 553.07 juta telah diluluskan kepada Kementerian saya untuk pembangunan sektor pertanian pada 2024 dan daripada jumlah itu, sebanyak 336.91 juta adalah untuk bajet perbekalan dan pengurusan dan RM189.16 juta adalah untuk pembangunan.

Program Portal Smart Tani Sabah atau pun apa ini Smart Tani telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan pada tahun 2024. Tujuan Portal ini untuk diwujudkan adalah untuk memudahkan pelanggan rakyat dan kakitangan jabatan untuk mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian secara digital bersesuaian dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah Kerajaan digital.

Pada tahun 2024, Kementerian saya di bawah Jabatan Pertanian Sabah akan terus memberikan tumpuan kepada pengeluaran tanaman makanan, pensijilan pertanian, penyelidikan tanaman dan inovasi pertanian, penguatkuasaan biosekuriti dan kuarantin tumbuhan, pembangunan modal insan serta pemerkasaan usahawan tani.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya juga amat komited dalam memastikan keterjaminan makanan di Negeri Sabah khususnya tanaman padi. Saya ingin menegaskan di sini agar tanah bergeran yang diperuntukkan untuk pembangunan tanaman makanan khususnya padi akan dikekalkan bagi menjamin status penggunaan tanah yang telah ditetapkan dalam geran tanah itu. Kementerian saya di bawah Jabatan Pertanian Sabah akan terus memperkasakan fungsi dan peranan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM dengan keluasan lima kawasan fasa dua TKPM di Tawau, Serudung, Kalabakan, Tambunan, Gum-Gum, Sandakan dan Beluran. Kementerian saya juga sedar bahawa penglibatan pihak agensi dan swasta amat penting dalam menangani isu keterjaminan makanan dan pada tahun ini, kementerian saya melalui Jabatan Pertanian telah berjaya mengadakan kolaborasi melibatkan sektor swasta seperti berikut.

Sawit Kinabalu Sdn. Bhd., untuk projek pembangunan kawasan baharu tanaman padi seluas 100 hektar di Estate Taritipan di Kota Marudu dan Koperasi Pertanian Sabah Berhad bagi pelaksanaan projek pembangunan tanaman buah-buahan iaitu kelapa, durian dan avocado seluas 50 hektar.

Pembaharuan pada tahun ini ialah pewujudan Lembaga Padi dan Beras Sabah bertujuan untuk meningkat pengeluaran padi dan pengurusan yang lebih mapan dan juga lebih berfokus.

Tuan Speaker, pengeluaran kasar ikan di Sabah pada tahun 2022 dianggarkan berjumlah 550 830 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak 35.74 peratus berbanding dengan tahun lalu iaitu tahun 2021 sebanyak 450 801 tan metrik. Nilai borong bagi pengeluaran kasar ikan menunjukkan peningkatan sebanyak 26.9 peratus iaitu dari RM1 608 juta pada tahun 2021 kepada 2.604 bilion pada tahun 2022.

Jabatan Perikanan Sabah bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawal sumber perikanan di Sabah yang melibatkan 30 893 orang nelayan dan 8 655 pengusaha akuakultur. Baru-baru ini Kerajaan Pusat telah menurunkan kuasa kepada apa ini Jabatan Perikanan Sabah dan setakat ini, mana sudah itu... Setakat ini, Jabatan Perikanan telah menerima enam permohonan daripada enam syarikat yang berminat untuk menerokai perikanan laut dalam dan daripada permohonan ini Jabatan Perikanan telah meluluskan 12 permit iaitu setiap satu syarikat, dua permit. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya dua permit yang telah diluluskan lesen yang beroperasi di Semporna dan di Tawau.

Tuan Speaker, dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)...

29/11/2023 - RAKAMAN 35 [3:40 PETANG - 3:50 PETANG] - [KHAIRUL] - JUDE - AHMAD

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Khas Jabatan Perikanan memberi tumpuan kepada 50 projek pembangunan biayaan negeri dengan anggaran peruntukan sebanyak RM62.12 juta, dan bagi tahun 2024, sebanyak

RM10.426 juta telah diluluskan untuk projek pembangunan dan RM31.14 juta untuk belanja mengurus.

Di bawah peruntukan persekutuan pula, tujuh projek telah diluluskan pada tahun hadapan, 2024 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM13.9 juta. Tuan Speaker, bagi industri daging ruminan, DVS Sabah mensasarkan untuk memperluaskan penternakan lembu secara *feed lot* dengan membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging ternakan untuk tempatan.

DVS Sabah telah juga berkerja sama dengan syarikat GLC dalam usaha untuk meningkatkan populasi lembu pedaging menggunakan sistem *feed lot* yang dijangka dapat meningkatkan populasi ternakan kepada 155 ribu ekor menjelang tahun 2030. Pada tahun ini, sebanyak 900 ekor lembu betina telah diimport, 50 ekor lembu jantan diimport dan 1,240 ekor biri-biri dan kambing diimport, 40 ekor Lembu Sapi Brahman kacukan tempatan dan 40 ekor Kambing Katjang tempatan telah diagihkan kepada 37 peserta yang terdiri daripada dua GLC dan 35 penternak kecil seluruh Sabah.

Program pengagihan ternakan ini akan diteruskan pada tahun 2024. DVS juga telah menjalankan kajian tentang status 139 padang ragut yang diwartakan di 17 buah daerah seluruh Sabah dengan keluasan sebanyak 42,990 ekar. Bagi memperkasakan sektor penternakan, DVS Sabah mencadangkan 70 daripada 139 padang ragut berkenaan dikekalkan sementara 44 padang ragut yang kurang sesuai untuk aktiviti penternakan ruminan besar, iaitu lembu dan kerbau dikembangkan kegunaannya untuk aktiviti penternakan ruminan kecil seperti kambing biri-biri dan rusa.

Penternakan ayam secara lepas bebas, pertanian tanaman kontan dan agro pelancongan mengikut kesesuaian tanah lokasi serta potensi pembangunan berkaitan kawasan-kawasan padang ragut di daerah-daerah itu. Manakala 25 lagi padang ragut yang telah diceroboh sehingga wujudnya kawasan perkampungan, adalah dicadangkan untuk dibubar dan diwartakan semula untuk kegunaan kediaman atau perumahan di mana ianya sesuai.

Tuan Speaker, seiring dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan penghasilan padi di negeri ini, Kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS adalah komited untuk meningkatkan tahap...

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Kecekapan infrastuktur dan memastikan projek-projek pembangunan pengairan dan saliran disiapkan dengan peruntukan yang berterusan...

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, ada mahu bertanya.

Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]: Mohon laluan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Silakan.

Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]: Saya ingin bertanya status tentang penternakan babi berpusat yang telah lama dirancang, akan dipindahkan kalau saya tidak silap, ke Tongod dan benda ini sudah berlarutan sejak kerajaan-kerajaan yang lepas, sampailah ke saat ini. Malahan saya pernah membangkitkan isu ini dalam mesyuarat Jemaah Menteri semasa saya menjadi Menteri.

Setakat ini, saya tidak dapat melihat bahawa perkara ini ada penyelesaian. Perlu kita ambil kira tentang pencemaran-pencemaran yang berlaku akibat penternakan babi yang tidak teratur. Contohnya di kawasan saya di Karambunai, ada kawasan penternakan babi di tepi sungai, walhal kalau tidak ada pencemaran air, sungai tersebut, air sungai tersebut boleh kita manfaatkan untuk kita salur kepada pengguna umpamanya ke kawasan KKIP.

Tuan Speaker: Apa isunya YB?

Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]: Isunya saya mahu tahu, bilakah penghujung penternakan babi berpusat ini yang akan dipindahkan ke Tongod ini

selesai? Terima kasih. Ada satu lagi Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Berkenaan dengan padang ragut, status padang ragut ini. Di kawasan Karambunai sudah memang bukan lagi kawasan sepatutnya ada kawasan tanah padang ragut.

Satu perkampungan di kawasan Karambunai, iaitu Kampung Norowot masih berstatus padang ragut. Saya harap dapatlah diambil perhatian untuk dikeluarkan daripada status padang ragut kepada Kampung Norowot, Telipok ini, malahan ada lagi kawasan masih hutan simpan dalam perkampungan yang sudah menjadi bandar di kawasan Karambunai. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, terima kasih pada soalan dua soalan itu mengenai isu perladangan apa itu ladang untuk babi di Tongod. Kita sedang melihat apa ini beberapa pelabur yang telah menunjuk minat untuk membangunkan kawasan itu, dan sebaik saja *investor* dipilih dan memulakan, barulah kita dapat memindahkan ladang-ladang *or* kandang-kandang babi di kawasan, kawasan Yang Berhormat.

Mengenai isu padang ragut, padang ragut yang mana telah ada kajian dibuat, saya tidak tahu sama ada padang ragut Yang, Yang Berhormat sebutkan itu berdaftar atau *I mean* sudah diwartakan atau belum, dan apa ini sama ada dia adalah sesuai untuk ternakan ataupun sesuai untuk tujuan yang lain. Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh memberi pandangan bila ada lawatan di kawasan itu dan kita lihat apa yang sesuai, dan kita akan apa ini kalau dia sesuai, tidak sesuai dan sesuai untuk tujuan yang lain, kita boleh melihat apa yang patutlah.

Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]: Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kawasan tersebut sudah jadi perkampungan tetapi status tanah itu masih lagi padang ragut. Jadi, saya meminta kalau boleh, keluarkan status padang ragut itu kepada perkampungan Kampung Norowot. Kampung ini sudah lama wujud untuk makluman Yang Berhormat Menteri. Terima Kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey. Walau apa pun kita akan lihat apa yang...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... yang sesuai. Okey, nanti pergi pejabat (ketawa) dipersilakan. Terima kasih, seiring dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan hasil padi negeri ini, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran adalah komited untuk meningkatkan tahap kecekapan infrastruktur dan memastikan projek-projek Pembangunan Pengairan dan Saliran disiapkan dengan peruntukan yang berterusan serta sekali gus, mendatangkan manfaat kepada petani-petani di Sabah.

Projek Pengairan dan Saliran yang dijangka akan disiapkan pada tahun hadapan atau 2024 adalah seperti berikut:

- i. Naik taraf Skim Pengairan Bundu Tuhan dan Kinasaraban, Ranau;
- ii. Projek menaik taraf Rumah Pump Skim Pengairan Terusan Sapi di Sandakan; dan
- iii. Projek menaik taraf Stesen Pintu Air Negeri Sabah.

Pada tahun 2024, Kementerian ini melalui JPS akan melaksanakan projek baharu, iaitu Projek menaik taraf Skim Pengairan Gana di Tambunan. Sebagai usaha Kerajaan dalam menangani masalah banjir di negeri ini, Kementerian ini juga melalui JPS akan mula melaksanakan Projek Perancangan Tebatan Banjir, Tambalang Pendamai di Tuaran dengan peruntukan sebanyak RM500 000 pada tahun hadapan untuk kerja-kerja pra-perlaksanaan projek.

Projek-projek berkaitan banjir sedia ada yang masih dalam pelaksanaan juga telah diberikan peruntukan tambahan agar pelaksanaan dapat diteruskan sehingga projek selesai. Projek yang akan disiapkan ini, pada tahun 2024 atau tahun hadapan adalah seperti berikut:

- i. Projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Petagas, Putatan, iaitu Kampung Sendil Fasa 2, RM13 juta.
- ii. Kajian Pelan Induk salira, Saliran Ranau, RM2 juta.
- iii. *Projek drainage Improvement Works* at Kampung Sugud Phase 3, di Penampang RM10 juta;
- iv. Projek Saliran Bandar Kecil Jumbo. Saya pun tidak berapa tahu di mana ini, RM 1 juta; dan
- v. Projek Saluran Bandar Kecil Beaufort, RM11 juta.

Tuan Speaker, Koperasi Pembangunan Desa atau KPD di bawah Kementerian saya bakal menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM9650.000 pada tahun 2024. Tumpuan utama KPD adalah untuk memantapkan pelaksanaan Program Perladangan Kontrak atau *contract farm* yang dijangka akan melibatkan 1580 orang petani Luar Bandar.

Program Perladangan Kontrak ini merupakan program serampang dua mata dengan dua matlamat utama, iaitu meningkatkan pengeluaran hasil serta membantu para peserta untuk menjana pendapatan tambahan. Projek-projek di bawah program ini dilaksanakan di lokasi setempat. Para peserta dan senarai projek tersebut adalah seperti projek cendawan, penternakan ayam daging, penternakan ayam kampung, penternakan lebah madu dan projek pamelo.

Selain itu, KPD juga melaksanakan pembelian hasil pertanian melalui pusat-pusat pengumpulan hasil yang telah dibangunkan oleh KPD dan pusat-pusat ini menjadi pemangkin untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan membantu perkembangan industri tani di Sabah.

Bermula pada tahun 2024, Kementerian ini melalui KPD bercadang untuk melaksanakan kegiatan pemprosesan mini atau *mini processing centers* di pusat-pusat pengumpulan hasil tani bagi manfaat sepenuhnya kemudahan yang sedia ada serta mempelbagaikan jenis produk terutama sekali produk hiliran yang mampu memberi nilai tambah dan memanjangkan jangka hayat sesuatu produk. Inisiatif untuk memulakan aktiviti pemprosesan makanan ini juga, berupaya mengurangkan pembaziran hasil pertanian yang tidak dapat dijual secara segar dan buah-buahan yang dikategorikan sebagai *off grade*.

Tuan Speaker, Kementerian ini melalui Lembaga Industri Getah atau LIGS telah menanam tanaman getah seluas 237 902.01 hektar (batuk). *Sorry*, haus (minum air) tiada 6.8 (batuk). Sehingga tahun 2022, 189,101.71 hektar daripada keluasan tersebut adalah untuk Sektor Pekebun Kecil yang dimiliki oleh 59 952 pekebun kecil manakala 48 790.03 hektar adalah untuk Sektor Estet dan *Forest Management Unit*.

Pada tahun 2023, Lembaga Industri Getah Sabah telah membangunkan tanaman getah seluas 2584 hektar di bawah Program Tanaman Baru Getah Berkelompok. Secara keseluruhannya jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan LIGS pada tahun 2023 adalah sebanyak RM75.15 juta manakala jumlah peruntukan Pembangunan dan Mengurus yang telah diluluskan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM36.35 juta.

Pada tahun 2024, iaitu bajet yang akan datang ini Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM6.01 juta kepada LIGS sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja membina bangunan baharu seperti pejabat, rumah kakitangan dan stor. Manakala RM3.25 juta untuk menaik taraf jalan ladang dan RM1.76 juta untuk perolehan jentera ladang.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2024 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM77.13 juta kepada LIGS yang merangkumi 13 projek, iaitu lima projek baharu dan lapan projek sambungan ...

29/11/2023 - RAKAMAN 37 [4:00 PETANG - 4:10 PETANG] - [ABDUL WAFIY] - SITI JUBAIDAH - HADINIE

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: LIGS akan meneruskan pelaksanaan pembangunan tanaman getah melalui program tanaman baru dan semula getah secara berkelompok pada tahun 2024. Selain itu, LIGS turut meneruskan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ...Penyelenggaraan dia...

Tuan Speaker: Minta duduk sekejap ada usul duduk sekejap ada usul terima kasih. Tolong berhentikan *mic*.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]: Oh okey bagi tahu Speaker usul. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Tetap 2(1)(B) Peraturan-peraturan Tetap Dewan, Dewan ini tidak ditangguhkan sehingga pukul 6 petang hari ini.

Tuan Speaker: Ada menyokong ?

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Saya sokong Datuk Speaker saya sokong.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti mana yang dicadangkan Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju ?

Ahli-ahli Yang Berhormat: Setuju.

Tuan Speaker: Tidak bersetuju katakan tidak lebih suara yang bersetuju usul dipersetujukan. Sila teruskan Yang Amat Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih. Selain itu, LIGS turut meneruskan penyelenggaraan ladang getah pekebun kecil seluas 17,565 hektar yang telah dibangunkan dari tahun 2019 sehingga tahun 2023. Pada tahun 2023, LIGS juga melaksanakan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat atau (IPR) iaitu pada bulan Jun 2023 di Agropolitan Gana, Kota Marudu melalui penanaman Nanas MD2. LIGS merupakan agensi terpilih sebagai peneraju Program IPR ini di negeri Sabah dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM27.9 juta untuk membangunkan 500 ekar tanah yang melibatkan 400 ketua 450 ketua isi rumah. Tuan Speaker, Kementerian ini juga melalui Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan atau (KO-

NELAYAN) akan melaksanakan projek pembangunan berjumlah RM6.987 juta pada tahun 2024 melalui lapan program utama yang bakal memberi manfaat kepada komuniti nelayan, pengusaha kecil dan sederhana sekali gus membangunkan industri akuakultur dan perikanan.

Tuan Speaker, Program Peningkatan Pendapatan Nelayan menyasarkan penglibatan seramai 150 orang dan dilaksanakan melalui tiga projek iaitu Skim Bantuan Nelayan, Skim Bantuan Pengusaha dan Skim Bantuan Pembangunan Industri Kecil Perikanan. KO-NELAYAN, turut memberi penekanan terhadap Program Pembangunan Akuakultur melalui Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Pusat Pengeluaran Benih Ikan Marin dan Pusat Ikan Hiasan Kaiduan, Papar.

Tuan Speaker, seramai lapan orang sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas menyentuh isu di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan. Mereka adalah Yang Berhormat Elopura, Yang Berhormat Moyog, Yang Berhormat Kapayan, Liawan, Pantai Dalit, Tamparuli, Tanjung Aru, Balung dan Segama dan juga Sri Tanjong. Kementerian saya memandang serius terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan mempertimbangkan segala cadangan yang diutarakan serta mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas isu-isu yang dibangkitkan itu.

Tuan Speaker, bagi menjawab pertanyaan ADUN N.55 Elopura dan N.22 Tanjung Aru berkenaan tindakan Kementerian bagi memastikan harga daging ayam dan khinzir dapat dikawal di pasaran. Kementerian saya melalui (DVS) sebenarnya tidak ada kuasa tidak mempunyai kuasa untuk mengawal selia harga daging dan ayam di pasaran dan tanggungjawab ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan penjelasan bahawa bermula pada 1 November 2023 yang lalu, item ayam telah dikecualikan daripada penentuan harga maksimum bagi ayam dan telur ayam oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup iaitu harga ayam diapungkan manakala bagi item telur penentuan harga maksimum ini masih lagi diteruskan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Amat Berhormat Menteri boleh minta penjelasan, saya tertarik dengan jawapan Yang Amat Berhormat Menteri tadi Yang

Berhormat Menteri menyatakan bahawa tiada kuasa untuk mengawal harga barang itu kita faham Yang Berhormat Menteri tapi dalam Kementerian Yang Berhormat Menteri untuk mengawal harga barang ataupun ayam ini ianya bergantung kepada *supply and demand*. Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Menteri berusaha untuk meningkatkan pengeluaran ayam saya rasa harga ayam akan turun dengan sendirinya. Sebab itu, Kerajaan Persekutuan menarik balik dan mengapungkan harga tersebut supaya harga dapat stabil. Jadi, untuk itu Kementerian Yang Berhormat Menteri harus peka harus banyak mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran ayam bukan bergantung kepada import sebab sebelum ini Yang Berhormat Menteri cakap di sidang yang lepas banyak mengeluarkan permit-permit import untuk ayam. Minta penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih Yang Berhormat Merotai. Saya setuju sebenarnya harga ini ditentukan oleh *supply and demand*. Walau bagaimanapun, ada juga tindakan-tindakan intervensi oleh Kerajaan yang mengawal harga seperti bila kita bagi subsidi bila kita bagi siling dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya setuju juga bahawa untuk mengurangkan harga-harga komuniti sama ada ayamkah telurkah apa saja isu *supply* adalah amat penting dan Kementerian saya akan berusaha untuk memastikan pengeluaran *supply* itu dapat ditingkatkan dan saya harap Yang Berhormat juga turut sama untuk membantu di kawasan masing-masing.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Amat Menteri kita tiada kuasa untuk pelihara ayam ini. Yang Amat Berhormat Menteri begini bah Yang Berhormat Menteri di Semenanjung Yang Berhormat Menteri sebab apa harga dua kali lebih rendah daripada di Sabah kalau kita lihat di Semenanjung harganya lebih kurang RM7, RM8 kalau naik pun RM9 kalau kita di sini RM14 sekilo kadang-kadang RM15 sekilo dua kali ganda apa yang...

29/11/2023 - RAKAMAN 38 [4:10 PETANG - 4:20 PETANG] - [FARHANNA] - NADIA - AHMAD

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Saya nampak Datuk Speaker. Saya juga apa ada bertemu dengan Kementerian Pertanian di apa di Putrajaya. Saya juga

bertanya berkenaan dengan beberapa perkara sebelum mereka mengapungkan harga pasaran ayam. Jadi, menurut mereka sekiranya diapungkan dia akan automatik akan mendapat harga yang sepatutnya. Ya. Kalau *supply* cukup, *demand* cukup. Dorang (dia orang) pun para penternak dia tahu sudah berapa kapasiti yang dorang (dia orang) boleh keluarkan, berapa kapasiti yang dorang (dia orang) paling maksimum. Jadi masing-masing sudah tahu. Jadi harga itu memang akan terkawal dengan automatik tu jika *supply and demand* tu cukup.

Kalau di Sabah ini kalau kita terlampau bergantung kepada import, itu yang harga susah, susah dikawal. Kalau kita lihat banyak lagi. Ya. Bukan sahaja mungkin yang masuk secara ada permit tetapi banyakkann juga yang tiada permit yang kita nampak banyak tangkapan-tangkapan ada 32 juta, 2 juta ada baru-baru lagi di Sandakan, di tempat-tempat lain. Jadi ini tidak dapat dikawal dengan betul dan pasaran pun tidak dapat dikawal juga pengeluaran pun tidak dapat dikawal. Sebab itu harga tidak boleh kita selaraskan. Dapat harga yang betul-betul yang terbaik untuk mengurangkan kos hidup rakyat di negeri Sabah. Kena ambil perhatian yang serius tentang perkara ini Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, terima kasih YB...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Menteri boleh saya.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Saya jawab dulu. Boleh? Terima kasih YB Merotai. Ya, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Sepatutnya SSL ayam dan telur di Sabah sebenarnya adalah 100%. Jadi sepatutnya tidak timbul isu kenaikan harga setelah diapung *especially for* telur eh ayam. Tetapi saya percaya ada mungkin pihak-pihak tertentu untuk mengambil kesempatan untuk mencari keuntunganlah. So, yang kedua juga itu kalau yang import-import itu saya setuju juga. Sebab baru-baru ini pun terdapat apa ni pengimport yang *illegal*. Jadi ini juga harus dibendung dan kalau tidak sepatutnya yang mengimport ini kalau ayam saja dia akan menambahkan *supply* dan sepatutnya boleh menurunkan harga tetapi ini tidak berlaku. Jadi saya dan jabatan saya akan mencari jalan untuk *investigate* apa yang berlaku dalam *market* kita.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri cakap ayam ini taraf SSL kita 100%. Tetapi kenapa Yang Berhormat Menteri masih keluarkan permit import?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Yang *last one* itu tidak dengar. Yang import?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada cakap, taraf SSL ayam di Sabah 100%, Speaker. Tapi, Yang Berhormat Menteri mengatakan sebelum sidang ini, ada mengeluarkan permit bukan sahaja pada masa-masa perayaan tetapi berterusan sepanjang tahun pun ada permit import. Kenapa ini boleh berlaku?.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Itu bukan ayam. Itu pedaging-pedaging yang lain. Seperti Babi. Khinzir. Kita selepas insiden ASF, dimana kita telah memusnahkan apa ini beberapa ratus ribu babi dan Kerajaan telah apa ni membayar mereka. *Supply* untuk pedaging babi ini telah berkurangan. Jadi ini telah menyebabkan *supply* juga berkurangan dan harga naik dan juga kita telah memberikan import. Kerajaan Pusat juga telah memansuhkan apa ini, AP. Supaya membenarkan kita seperti di negeri Sabah untuk mengeluarkan permit import dan ini untuk menyelesaikan masalah *supply* dan kenaikan harga sementara waktu. Jadi itulah sebab kita isu apa ini...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Permittlah.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan dan kepastian sama ada Kerajaan Negeri ada mengeluarkan lesen import ayam atau tidak? Ada atau tidak?.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ada.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tadi Yang Berhormat Menteri cakap tiada. Telur sahaja atau pedaging lain. Sekarang Yang Berhormat Menteri cakap ada pula. Yang mana yang betul ini Datuk Seri?.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, tapi itu bukan import ayam sebiji. Dia adalah import ayam potongan-potongan ayam. *Parts. Chicken Parts.* Ya. *Chicken Parts.* Itu berbeza daripada ayam.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, inilah saya cakap.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ini ayam, ada parts, ada sayap, ada paha.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Saya. Ya ini kita keliru. Keliru sebenarnya.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ini soalan.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri. Ini soalan sungguh luas sudah. Yang Berhormat.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ini penjelasan yang jelas. Ini topik yang sama, Speaker supaya kita jelas. Semua orang pun jelas. Rakyat pun jelas. Menteri pun jelas dengan jawapan dia.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Jadi soalan itu jadi spesifik saja. Jangan satu tambah lagi satu.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tidak. Tidak. Tidak. Tidak. Ini spesifik. Ini ayam ini. Ayam. Ayam.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Jangan tambahan terlampau banyak.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: *Supply and demand*. Import dan import.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Jadi Yang Berhormat Menteri, jawab berkenaan dengan ayam sahaja. Jangan campur dia punya *parts* ah.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Datuk Speaker, bagi saya dulu.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri. *Specific* ah. Last.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ya... ya... ya...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Nanti sampai jam 8 ni.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sidang lepas Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa ada mengeluarkan import lesen untuk ayam. Okey, jelas ya? Tadi Yang Berhormat Menteri cakap kita tidak mengeluarkan lesen import. Lepas tu taraf SSL kita 100%. Jadi Yang Berhormat Menteri, ini kena jelas. Hala tuju Kementerian kena jelas. Tidak mahu keluarkan import, kita mungkin boleh selamatkan penternak-penternak kita di sini. Ya, dan kita bantu mereka supaya harga itu boleh turun.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Apa soalan? Apa soalan YB?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Penjelasan dia.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat, itu cadangan bah. Cadangan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Cadangan saya kena ambil serius dengan perkara ini. Ini bukan perkara main-main sebab rakyat di luar sana menanggung risiko. Kos sara hidup yang tinggi. Bayangkanlah di Semenanjung, RM7.50, RM8.00, RM9.00 pun paling tinggi. Di Sabah RM15.00, RM16.00 sekilo di pasar. RM14.00, RM15.00, RM16.00 sekilo. Yang Berhormat Menteri kata tadi untuk kita menstabilkan harga barang, perlu *supply and demand* yang cukup supaya harga stabil. Diapungkan. Sebab itu Kerajaan Persekutuan mengapungkan harga ayam ini sebab itu Yang Berhormat Menteri, dalam Kementerian Yang Berhormat Menteri, sangat penting bukan kita cerita pasal beras sahaja yang tidak cukup. Ini makanan harian rakyat di Dewan ini.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Apa soalan? Apa soalan?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Soalan dia, saya mahu Yang Berhormat Menteri, cadangan saya Yang Berhormat Menteri, fokuslah dengan betul. Jangan sampai rakyat terbeban dengan. Jadi cadangan saya Yang Berhormat Menteri, kalau betul-betul Yang Berhormat Menteri tidak mengeluarkan lesen import atau pun mengeluarkan lesen import, kalau boleh *stop* dulu lesen import. Apungkan dulu harga. Lepas tu bincang dengan penternak-penternak ini. Bantu mereka supaya harga ini boleh diturunkan dengan betul, Datuk Speaker. Dan bekerjasamalah dengan pihak Kastam. Veterinar dengan pihak Kastam dengan Kementerian Perdagangan dalam Negeri di bawah Kementerian Kesejahteraan pastikan jangan lagi ada import...

29/11/2023 - RAKAMAN 39 [4:20 PETANG - 4:30 PETANG] - [NORHAZIRAH] - AZYATUL - NADA

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: ... ataupun yang secara haram masuk ke dalam negeri kita, ya. Bukan itu sahaja, Datuk Speaker, kita baru-baru ini di Sandakan dicampur lagi dengan babi, Datuk Speaker.

Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey. Okey. Dia, itu lain sudah cerita.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, terima kasih. Seperti yang saya katakan ini *supply* ayam di Sabah sebenarnya mencapai SSL 100%. Hanya dan kita tidak apa ini, membekalkan, mengisukan import. Tetapi dari masa ke semasa seperti dalam perayaan. Sekarang ini hujung tahun, kebetulan bila terapung itu, itu harga ayam ke seluruh Malaysia. Kebetulan juga kita dalam hujung tahun di mana orang akan merayakan Hari Krismas, hari perkahwinan dan sebagainya yang kadangkala konsumsi itu melebihi dengan apa yang kita ada di negeri kita dan ini menyebabkan *demand exceeds supply* dan saya juga ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat, *which is very logical*lah dan saya ucapkan terima kasih, ya. Saya teruskan?

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey, teruskan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Seperti yang saya katakan tadi, item telur ayam, penentuan harga maksimum ini masih lagi diteruskan sebab tidak diapung bersama dengan harga ayam. Penamatan harga kawalan maksimum bagi item ayam adalah kerana penyelarasan subsidi bersasar dan kos pengeluaran yang telah mula *stable*, seperti mana yang kita lihat. Namun, DVS Sabah telah melaksanakan beberapa tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi menjamin kecukupan bekalan terutama sekali daging ayam dan khinzir, cukup di pasaran sebagai salah satu pendekatan untuk mengawal harga daging khinzir dan ayam.

Tindakan jangka pendek yang pertama, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan subsidi ayam dan telur dari Februari 2022 hingga November 2023 sebanyak RM175 juta telah diberikan kepada 2389 permohonan dari penternak ayam pedaging dan penelur seluruh Sabah, di bawah bantuan subsidi tersebut. Sementara itu, kenaikan harga daging khinzir disebabkan oleh peningkatan kos penternakan.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... dan kekurangan bekalan akibat penyakit African Swine Fever atau ASF. Kerajaan Negeri telah memberikan satu ribu.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sekejap dulu.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: RM1,162,350 kepada enam ladang komersial dan 100 penternak babi untuk memusnahkan babi yang dijangkit ASF pada tahun 2023 dengan kadar RM350, satu ekor.

Kedua, selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah memansuhkan *approval permit* atau AP bagi membolehkan import masuk hasil-hasil haiwan ke Sabah dan secara langsung membantu mengimbangi kecukupan bekalan telur ayam atau pedaging.

Tindakan masa panjang pula yang pertama, DVS Sabah sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama dengan pihak-pihak terlibat melalui Mesyuarat Majlis Perlindungan Perundingan-perundingan Industri seperti pihak Pengeluar Persatuan Penternak Sabah, pengimport, agensi, syarikat serta orang perseorangan yang terlibat, yang untuk menjamin bekalan ayam dan khinzir tempatan seperti mana yang Yang berhormat cadangkan tadi, inilah kita buat juga. DVS juga menggunakan kaedah *check and balance* bagi mengimbangi kuantiti bekalan import serta eksport daging ayam dan khinzir.

Yang kedua, DVS Sabah telah bekerjasama dengan MARDI untuk membangunkan ladang pembiakan ayam saga di Bantayan, Tuaran untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber baka luar negara. Penternak boleh membeli bibit anak ayam di ladang berkenaan dengan kadar yang minimum.

Tuan Speaker, untuk memaklum, makluman Ahli Yang Berhormat N.26 Moyog dan juga YB N.25 Kapayan, status pelaksanaan Projek Tebatan Banjir di Moyog yang telah dilaksanakan setakat 20 November 2025, eh, 2023 adalah seperti berikut:

Pertama, Pembangunan Lembaga Sungai Bersepadu atau PLSB Sungai Moyog Sabah, membina dan menaik taraf parit 18A, penambahbaikan parit dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Kibabaig Pakej 1. Peratus kemajuan fizikal adalah 83.96% siap. Ini berbanding dengan jadual 85.69%. Dia belakang sikitlah. PLSB Sungai Moyog pula, kerja-kerja menaik taraf Sungai Putatan dan kerja-kerja berkaitan Pakej 3, peratus kemajuan fizikal adalah 76.88% siap, berbanding jadual 77.48%.

Antara faktor yang melambatkan pelaksanaan projek ini adalah proses pemindahan utiliti serta pengambilan balik tanah dan kedudukan struktur yang berada dalam jajaran projek. Namun, usaha yang sedang diambil secara berperingkat bagi menyelesaikan isu-isu tersebut menunjukkan kemajuan yang baik. Kedua-dua pakej projek yang saya sebutkan tadi dijangka siap pada hujung tahun 2024.

Permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan 4*, RMK-12 bagi dua lagi projek, dalam projek PLSB Moyog, iaitu Pakej 2A dan Pakej 4 tidak diluluskan dan tidak mendapatkan peruntukan.

Berkenaan isu *monsoon drain*, Kerajaan akan memastikan semua saluran utama di seluruh negeri diselenggarakan agar ia dapat berfungsi dengan baik. Melalui program penyelenggaraan berkala bagi sistem-sistem parit utama di bandar serta pekan utama seperti Kota Kinabalu, Penampang, Lahad Datu, Tawau, Sandakan. Jabatan pengairan dan saliran Sabah juga merancang untuk meluaskan program penyelenggaraan berkala ini di sungai-sungai yang memerlukan penyelenggara

29/11/2023 - RAKAMAN 40 [4:30 PETANG - 4:40 PETANG] - [ADIBAH] - RAMENAH - HADINIE

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ...Datuk Speaker, isu sistem pengairan untuk padi projek Tebatan Banjir Liawan er bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh YB. Liawan, mengenai sistem pengairan Padi dan Projek Tebatan Banjir Liawan Kementerian saya melalui JPS pada tahun ini telah melaksanakan penyelenggaraan sistem pengairan kecil secara bergotong royong, di 3 kampung. iaitu, kampung masak, Kampung Gudon dan Kampung Linsosod. Kerja-kerja menaik taraf sistem pengairan kecil termasuk **muko** sauk akan sentiasa dipertimbangkan

untuk dilaksanakan sekiranya peruntukan apa ini tersedia. Datuk Speaker, berkenaan isu pengurangan SSL padi, yang dibangkitkan oleh YB err Pantai Dalit dan YB Tempasuk. Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan hasil pengeluaran padi terutama padi sawah dan beras adalah seperti berikut. Pertama kekurangan jentera pembajak dan jentuai. Bayangkan lah kita memerlukan 480 buah tapi yang diberi hanyalah 10 jentera. Sekarang sudah meningkat 211. Yang Kedua, penggunaan benih padi terutama *high healding variety* yang masih rendah. Yang ketiga, kemudahahn sistem pengairan kurang efisien hanya 11 000 hektar sistem bagi. Bagi sistem pengairan K1, ataupun sistem pengaliran dan saliran yang baik tetap dan mencukupi, berbanding seluas 7 000 hektar bagi K2. Bagi sistem pengaliran dan saliran asas yang memuaskan tetapi tidak mencukupi dan 6 000 hentar bagi K3 sumber air bergantung kepada curahan hujan. Keempat, pembekalan baja dan racun tidak mengikut jadual serta tidak optimum. Maksudnya, baja tidak sampai, racun tidak sampai, itu padi pun sudah masak, jadi tidak boleh guna sudah.

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Datuk Speaker...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Lima sebahagian besar pesawah...

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Datuk Speaker...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Menanam padi err... secara tradisional ...

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Untuk keperluan...ee sara hidup sekejap lagi ah... dan bukan...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri, mencelah...

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Sekejap saja YB ya...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Tujuan komersial oleh kekurangan penglibatan golongan Belia...

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Ee...saya terima penjelasan itu dengan cukup *clear* dan sebenarnya faham, cuma sebenarnya persoalan kita hari itu ee adakah *level of seriousness* dalam kita *address* isu-isu yang sebenarnya kita sudah kenal pasti, yang itu sebenarnya kita punya persoalan haritu Yang Berhormat Menteri, tapi sebab-sebab itu kita faham, kekurangan jentera, kekurangan baja, benih, dan empangan yang tidak teratur itu sebenarnya kita tahu, benda ini sudah berlaku hampir lebih 20 tahun yang lepas. Jadi sebenarnya kita tekankan sekarang ini adalah cara penyelesaian yang boleh kita anggap sebagai satu penyelesaian yang tuntas. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Yang *last*...

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Ee...*actually* kita faham semua masalah-masalah apa yang menyebabkan padi ini tidak di *produce* dengan kadar yang tinggi, memang kekangan dia ada banyak Yang Berhormat menteri, tetapi kita mahu tahu penyelesaian, sama ada tindakan kita ataupun bajet kali ini, *doesn't really address* kita punya isu ataupun kita mengulang semula, kita punya cara yang lepas itu. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, terima kasih, sebab itu kita mengambil beberapa pendekatan baru, satu daripadanya iaitu, meminta supaya Kerajaan Pusat memberikan peruntukan yang cukup ee dan saya juga berulang-ulang err menimbulkan isu ini di Parlimen ee selain itu, saya juga berjumpa dengan menteri yang berkenaan dan di samping itu kita juga menubuhkan ee Lembaga Padi dan Beras Sabah sebagai pendekatan untuk errr apa ini menyelesaikan masalah ini tetapi ee kalau tidak ada bajet susah juga. Kita memerlukan sekurang-kurangnya 10 bilion ee yang ada tidak pun sampai 1 bilion.

Heehee. Ya...ee itu sebab saya berhabis-habisan untuk menuntut hak kewangan 40%.Terima kasih.

Datuk Jasnih bin Daya [Pantai Dalit]: Ee Datuk Menteri, sebenarnya saya setuju dengan pendekatan itu sebab kalau kita lihat yang di *announce* ataupun yang diumumkan berkenaan dengan pembesaran ataupun program jelapang padi Sabah dan Sarawak ini sebenarnya inisiatifnya banyak daripada Federal sebab untuk *back up* keperluan bukan setakat Sabah dan Sarawak juga Malaysia, jadi saya juga lihat peruntukan daripada dulu ini sebenarnya bila kita bercerita pasal jelapang padi ini ataupun *production of* padi ini untuk Malaysia ini lebih menjurus kepada keperluan kita mendapatkan bajet daripada Federal Government dan saya rasa itu perlu diletakkan dalam kadar yang serius untuk kita dapatkannya. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ee. Ya,...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Ya,.. ee Datuk Speaker,

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ee. Ya saya setuju,... sebenarnya saya setuju. Silakan..

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Ya,... ee Datuk Speaker, bolehkah... ee sebenarnya satu tarikh itu dengan perbahasan daripada YB Pantai Dalit itu, sebab dulu saya pun err pigang Kementerian ini itu lah saya faham saya bagi cadangan ah dengan izin Datuk Speaker, *I just maybe I can give a little bit a suggestion lah, just now YB and also* Datuk Menteri pun tahu kita bergantung dengan *federal fund and all this one as the same been repeating, ee budget has been given but nothing much had been accomplished. Now understand the problem because too many federal agencies there is too many federal agencies* daripada IDAL sampai LPB, dan ee... banyaklah, banyak *federal agencies* yang *err err involve in the this particular paddy field in Sabah. So, I would suggest maybe its time ah for* Datuk err menteri *to actually to look ah into privatizing paddy farming because when I went to when I was holding this port folio I went to federal for meeting for the paddy conference meeting.*

Also I talked to late ah Datuk Salahuddin, basically the program to ask a petani to continue to plant the paddy is not the way forward. This is my opinion ah if you can take my cadangan. Because the paddy farmer don't make money. If the BERNAS don't give them subsidi right, the paddy farmer is don't make money from planting paddies. So that's not actually is not the right way for us to ask for paddy farmers to use they are land for plant Paddy. For Sabah when they don't make money. Is that they can use to plant other cash crop. So my suggestion is the government is to come the pieces of land and then get some private sectors to come in so is the business, when they come in to plant to maintain to buy own tractor is the business for them to actually to produce and to provide food.

One example is Sekincan, Sekincan is one of the very well done err padi field in Selangor I remember the Selangor Sekincan but is run by private corporation is not run then they employed paddy farmer to work. Another one in Kedah, same thing Sabah if your don't want to depend on the federal fund in order to was plant the paddy at the same time, our paddy can't make money can control from BERNAS subsidi. So maybe we can move away to try to move from where privatization...that would be my cadangan. Thank you.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Okey, terima kasih. Teruskan Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, ee issue private sector playing are role, issue Sekincan as an example memang ee kita juga menjemput kan ee membuka ruang untuk ee pelabur-pelabur untuk melabur dalam apa ini dalam pertanian penanaman padi. Tetapi, kita harus bermula dengan ee penukaran minda apa ini sikap ee petani kita er yang sekarang ini sebenarnya dia orang masih ber...

29/11/2023 - RAKAMAN 41 [4:40 PETANG - 4:50 PETANG] - [SAKINAH] - THEODORA - AHMAD

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: sikap untuk cukup makan

cukuplah bukan komersial, jadi *we have to change the attitude first to make them think commercially that is very important*. Hanya kita perlu bantu juga dia orang dan bantuan kita ni bukan setakat beri subsidi dan sebagainya *because the subsidy mentality will also create under the problem of in dependency eventually* kalau kau tengok kadang-kadang tu baja bukan dia pakai dia pergi jual atau dia simpan ataupun begitu jugalah. *So we need to change the attitude. For your information, as long as we don't invest in modernization as long as the government that put money in pertanian, tanaman padi I tell you it will continue to have a very low SSL* sebab itu saya rasa geram sebab bajet kita tidak pandai meningkat untuk program-program baru penanaman padi dan pemodenan padi, itu satu.

Kedua, kita tiada duit. Minta *federal* dia tidak bagi, sudah 60 tahun begitu juga. Kita mahu cadangkan sumber peta apa ini sumber baru hasil supaya kita boleh mempertingkatkan hasil kita melalui konservasi itu NCA *for example* tapi banyak halangan dan ini semua akan menjadi membuntuhkan kita untuk kemajuan kita. Jadi, bermula daripada pemikiran kita, pemimpin kita, menjadi terbuka dan betul-betul bekerjasama untuk menuntut hak kita barulah kita jadi bila kita ada hasil, bayangkanlah 40% kalau kita dapat 1 bilion pun, 2 bilion pun, dia boleh membantu kita, *so* saya setuju *as long as we don't do that all consentrain* ada kita mahu ikut Sekinchan pun susah. Orang... kalau kita punya sistem juga masih sama kita ada *investor* datang terlalu banyak halangan, ya, bila terlalu banyak halangan *investor* pun *mood* dia lari dia tidak *invest* di Sabah. Itu juga menjadi salah satu halangan kita, ya *thank you*.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Terima kasih menteri, saya amat tertarik kepada apa yang disebutkan oleh YB Menteri pasal konservasi, disini saya ingin bertanya kepada Menteri. Adakah NCA ini masih dijalankan?

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: YB, jangan itu perkara tidak dibawa di dalam perbahasan jangan bawa perkara yang baru, kita teruskan penggulungan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Menteri boleh jawab...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Jangan bawa perkara yang baru lagi.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Itu nantilah tu, nanti kita bincang. Saya teruskan dulu sini ya. Okey, seterusnya persaingan penggunaan tanah dengan pembangunan industri serta perumahan di kawasan Labuan dan pecahan milik tanah yang menyebabkan saiz lot menjadi kecil. Kalau kita lihat di Penampang saja, kita tengok dulu *tabasan* sudah sekarang jadi kedai jadi bangunan dan sebagainya. *So there will be competition for the used of the land*, dengan izin, untuk *commercialization industrialization* dan sebagainya mengecilkan kawasan padi kita dan penghijrahan orang-orang muda, mahu cari kerja, dia tidak mahu buat *tabasan* seperti bapa-bapa, nenek kita dan mahu cari kerja dia mahu cari *glamour* dan sebagainya. So ini juga satu sebab *tabasan-tabasan* menjadi terbiar dan hasil kita menurun.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Menteri dia orang tidak mahu bekerja di sawah sudah sebab dia orang tiada untung. *They don't make money. The paddy former, they don't make money, if the Bernas don't give them subsidy they don't make money, they waiting for Bernas to pay them in order make later income, that the reason why people in planning in paddy. Thank you.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Tanjong Aru, biar Menteri *kasi* selesai dulu.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: (*ketawa*) okey dekat sudah ini. Terima kasih *I'll take note. Thank you.*

Anggaran keperluan peruntukan untuk meningkatkan hasil padi ini hasil padi kepada 60% saja SSL. Keperluan peruntukan kita adalah RM10 bilion, RM10 bilion *we don't have that kind of money*, so ini RM10 bilion termasuklah RM32. 33 juta bagi keperluan mesin pembaja jentuai. RM1 ribu, RM1.2 bilion juta bagi pembangunan infrastruktur. Infrastruktur pun tidak cukup *delegation* saja. RM4.6 bilion bagi subsidi baja, input dan jualan serta RM4.1 bilion bagi pembukaan Dent Peninsula di Lahad Datu.

Jadi, Tuan Speaker Kementerian saya akan meneruskan walau apa pun cabaran meneruskan inisiatif dan usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan-kawasan tertentu seperti Kota Belud dengan memperkasakan program yang sedia ada seperti program-program di bawah kendalian riadah subsidi penjualan padi oleh Bernas dan pemberian input oleh Lembaga Ladang Persekutuan.

Jabatan Pertanian Sabah hanya terlibat dalam pemberian insentif pembajakan untuk sawah padi dalam dan luar jelapang dengan nilai RM494 satu hektar. Kita tiada ada jelapang padi, itu saja di Kota Belud dan untuk mendapatkan bantuan peruntukan untuk jelapang padi daripada *federal* dia tidak bagi kalau tiada jelapang padi. *So how to create jelapang padi we don't have, we have difference structure geographic restructure* di sini (*mengeluh*) sorry Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Banyak lagi? Panjang lagi?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, sikit sudah, ini cadangan penubuhan fasa dua taman kekal pengeluaran makanan yang dibangkitkan oleh YB Balung untuk menubuhkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Fasa 2 yang melibatkan tanaman buah-buahan bernilai tinggi seperti durian, avocado dan nanas agar Tawau menjadi penyumbang terhadap pengeluaran buah-buahan di negeri Sabah dan cadangan agar kerajaan melibatkan golongan B40 sebagai peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan Fasa 2.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Balung dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian telah memfokuskan lebih memfokuskan kepada pengeluaran tanaman sayur-sayuran tanah rendah yang sedang dilaksanakan di TKPM Tawau sebagai hub pengeluaran sayur-sayuran tanah rendah yang terbesar di negeri Sabah. Namun demikian, cadangan daripada Yang Berhormat untuk membangunkan taman buah-buahan seperti premium durian, avocado dan nanas akan dipertimbangkan setelah kajian terperinci dibuat oleh Jabatan Pertanian. TKPM ini sememangnya akan melibatkan pengusaha pihak...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... swasta dan juga pengusaha golongan B40 yang memenuhi syarat. Ada dua isu lagi. Satu, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segama. Kementerian saya amat menghargai cadangan ADUN Segama berkenaan cadangan untuk memperluaskan penanaman padi dan getah khususnya di Lahad Datu. Kementerian saya juga sedang menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan termasuklah badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan GLC, dengan memperuntukkan 2000 sehingga 5000 hektar bagi tujuan penanaman makanan ataupun tanaman padi, dan ini sebenarnya adalah tempat ataupun kawasan-kawasan di mana pelabur-pelabur boleh melabur, seperti yang diusahakan di Sekinchan, dan kita harap sebenarnya ada sudah beberapa pelabur yang telah berjumpa dengan saya untuk meminta tanah di mana dan mereka akan buka tanah itu menggunakan kaedah baharu dan juga benih baharu dan juga berteknologi-teknologi yang terkini.

Akhir sekali, satu isu yang dibangkitkan oleh YB Sri Tanjong, iaitu status NCA untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perjanjian konservasi ini sedang dalam proses persediaan pelaksanaan sebaik sahaja isu-isu teknikal di ... dapat diselesaikan. Tuan Speaker, saya ingin ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Yang telah memberikan pandangan.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Mohon mencelah.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Cadangan dan juga teguran terhadap isu-isu yang telah ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Dan segala pertimbangan dan tindakan yang wajar diambil akan kita ambil dan dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar pertanian Negeri dan Persekutuan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Bagi.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Soalan-soalan yang ...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Mencelah?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Kita sempat...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Ya, mencelah.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Jawab ataupun kita tidak dapat.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Hello.*

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Sentuh di dalam ucapan saya ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa saya akan memberi jawapan yang bertulis dan kalau tidak cukup, pintu saya sentiasa terbuka untuk Yang Berhormat datang.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Menteri, Menteri, soalan saya senang sahaja, Menteri. Soalan saya senang sahaja, syarikat yang akan melaksanakan NCA itu adakah syarikat yang sama? *Hoch Standard?*

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Apa dia?

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Syarikat yang akan melaksanakan NCA bagi pihak Kerajaan Negeri, adakah syarikat itu adalah *Hoch Standard* yang dari Singapura?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: *Standard?*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Hoch standard.*

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Kita akan ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Ya atau tidak sahaja.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Kita akan melaksanakan mengikut apa yang patutlah.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Ya, adakah masih *Hoch Standard* yang melaksanakan NCA ini?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Apa dia?

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Adakah masih *Hoch Standard Company* yang melaksanakan NCA ini?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Sepertimana yang saya katakan tadi, kita akan melaksanakan seperti mana yang patut termasuklah *Hoch Standard*.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Jadi *Hoch Standard* masih dalam *picture*?

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Menunggu pengumumanlah.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas penggulungan yang panjang dan semoga makanan di Sabah ini terjamin cukup dan *affordable*lah. Sekarang saya jemput Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri untuk membuat penggulungan.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Terima kasih, Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam Sabah Maju Jaya dan salam Malaysia Madani. Tuan Speaker, saya telah diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua

Menteri Sabah untuk menyampaikan ucapan penggulungan perbahasan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024 bagi Jabatan Ketua Menteri.

Kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan izin-Nya, Belanjawan Negeri Sabah 2024 yang bertemakan “Sabah Teguh, Rakyat Terbela” telah dapat dibentangkan dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, saya menghargai komitmen dan penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan kali ini serta sokongan terhadap Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024. Isu-isu yang dibangkitkan sama ada berbentuk pertanyaan, cadangan, pandangan serta saranan-saranan yang telah diutarakan akan diteliti dan diambil perhatian dan tindakan demi kebaikan, kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Sehubungan itu, izinkan saya menjawab beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan pada kali ini. Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Senallang telah membangkitkan isu Kesultanan Sulu. Kerajaan Negeri Sabah dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Bahagian Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Jabatan Perdana Menteri selalu mengadakan perbincangan dan tindakan dan seterusnya apabila melibatkan pihak yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu.

Satu jawatankuasa khas diketuai oleh Yang Berhormat Dato’ Sri Azalina Othman Said di mana ahli-ahli juga melibatkan wakil Kerajaan Negeri Sabah, iaitu Peguam Besar Negeri Sabah akan terus mengambil langkah aktif untuk mengukuhkan lagi kedudukan, kedaulatan negara terutama apabila melibatkan Negeri Sabah.

Pada 6 November 2023 yang lepas, dilaporkan bahawa Mahkamah Perancis telah membatalkan perintah bagi Gadai Janji Berkanun dengan izinnya *Statutory Mortgage* yang dibuat terhadap bangunan diplomatik Malaysia di Paris oleh penuntut-penuntut yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu. Perlu dikatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri Sabah serta Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengiktirafkan penuntut-penuntut mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah membuat beberapa simposium dan meneruskan dialog bersama pihak berkepentingan sama ada di dalam dan luar negara untuk memberi maklumat terhadap tuntutan ini agar media antarabangsa tidak menyalah tafsirkannya.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga telah mencadangkan penggubalan suatu akta yang dinamakan *immunity Act*, iaitu sebuah akta yang melindungi kedaulatan negara daripada apa-apa tuntutan asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tungku dan juga Petagas serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah masih meneruskan perbincangan pelaksanaan pemberian khas daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 112 C dan 112 D Perlembagaan Persekutuan. Pendirian Kerajaan Negeri masih sama, iaitu jumlah pemberian khas yang dituntut adalah berdasarkan formula yang termaktub di bawah Seksyen 2(1) Bahagian 4 Jadual Ke-10. Perlembagaan Persekutuan itu, Perlembagaan Persekutuan, iaitu bersama dengan 40 ...

29/11/2023 - RAKAMAN 43 [5:00 PETANG - 5:10 PETANG] - [JULIAN] - TERESA - HADINIE

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... peratus daripada amaun hasil bersih yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dari negeri Sabah.

Kerajaan negeri Sabah mencadangkan. Supaya proses perundangan di *sorry* supaya proses perundangan berhubung formula dapat dimuktamadkan di antara kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Persekutuan dalam tempoh masa terdekat.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Senallang serta Dewan yang mulia ini. Kerajaan negeri Sabah sedang berusaha untuk membasmi kemiskinan terutama sekali golongan miskin tegar. Selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menoktahkan miskin tegar..

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Datuk Seri Speaker?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Dalam tahun 2024.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Datuk Seri Speaker. Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah ya.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi tahu bilakah tarikh sebenar ataupun *timeline* mengenai perundingan tadi itu akan selesai. Yang pertama.

Yang kedua, apabila perundingan itu telah selesai dan dimuktamadkan apakah ia akan secara automatik menoktahkan mengenai bayaran interim yang telah diputuskan sebelum ini. Terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: 40% Datuk?

Seperti yang dijelaskan oleh rakan saya pada pagi ini, ianya masih lagi di dalam perundingan dan saya tekankan bahawa perundingan itu masih lagi kita uruskan dan kita berharap supaya jawatankuasa yang telah ditubuhkan dapat memuktamadkan. Memuktamadkan mengenai dengan tuntutan tersebut. Saya tidak boleh dapat bahagikan *what is the timeline. Because it will take time juga to discuss that very important matter for Sabah and Sarawak* dengan izinnya.

Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]: Datuk Speaker, boleh sikit. Boleh tak?

Kita sudah lama membicarakan 112(C), 112(D) dan sering berkaitan 40% daripada hasil negeri. Boleh tidak kita dapatkan data. Katalah daripada tahun 2000-2023. Berapa *percent* sebenarnya Sabah dapat ini?

Adakah masih jauh daripada 40% ataupun macam mana kedudukan dia?

Dia kalau boleh secara bertulis saya minta. Supaya kita boleh tahu pencapaian yang kita dapat daripada pusat. Terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Isu mengenai 40% itu belum dimuktamadkan. Sebab apa juga apa yang dipohon itu kita tidak dapat beri. Tetapi sebelum 40% itu dapat diselesaikan. Kerajaan Persekutuan memberi kita *interim payment* saya jumlah RM300 juta untuk tahun ini dan saya telah di apa itu difahamkan bahawa RM300 juta itu telah pun diterima oleh Kerajaan Negeri.

Okey saya sambung. Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Sabah Maju Jaya dalam merangkap program khusus kepada ketua isi rumah miskin tegar seramai 22 510 orang yang merupakan data *lock figure* berdaftar di dalam sistem e-kasih. Pendekatan program yang diguna pakai oleh SSM, SSMJ adalah berbentuk *personalize* dan bukan berdasarkan lokaliti ataupun daerah. Program bantuan subsidi, peluang pekerjaan dan perniagaan akan dipadankan dengan keupayaan kumpulan sasar. Iaitu miskin tegar dan tidak berbentuk *One Size Fits All*.

Pada prinsipnya, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM175 juta bagi pelaksanaan program menoktahkan miskin tegar di negeri Sabah pada tahun 2024 seperti yang berikut.

Program MySMJ Profile.

Untuk kerja-kerja lapangan dan verifikasi serta cadangan. Pemadanan bantuan yang merupakan satu inisiatif untuk memberi pekerjaan kepada anak-anak dari kalangan miskin tegar. Dalam langkah awal pelaksanaan gerak kerja program MySMJ Profile, Sekretariat SMJ telah melantik sebanyak 54 pegawai. MySMJ daripada golongan anak-anak miskin tegar dan ditempatkan di semua pejabat daerah di negeri Sabah. Pelantikan pegawai ini adalah secara *in see to* bermakna pegawai yang dilantik adalah daripada daerah masing-masing bagi memastikan mereka tidak keluar daripada daerah dan berdekatan dengan keluarga mereka. Pegawai MySMJ ini akan melaksanakan kerja verifikasi ataupun profiling di lapangan terhadap ketua isi rumah dan ahli isi rumah bagi membantu kerajaan negeri untuk mengenalpasti padanan bantuan yang bersesuaian kepada KIR atau AIR yang tersenarai dalam low figure senarai e-kasih. Setakat ini pegawai MySMJ ini sedang melaksanakan gerak kerja profiling di lapangan bermula 21 November 2023. Dan dijangka mengambil masa dalam tempoh dua hingga enam bulan.

SSMJ bersama dengan Malaysian Productivity Corporation atau MPC dalam melaksanakan program Rintis Profiling Miskin Tegar di Daerah Tuaran. Mulai daripada 15-24 November 2023 dan mengambil masa dalam tempoh 21 hari.

Projek Rintis di Tuaran mensasarkan seramai 1054 AIR akan dinoktahkan pada 5 Disember 2023. Program ini melibatkan gerak kerja profiling miskin tegar selama

tujuh hari bersama-sama dengan pejabat daerah, Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), Pegawai Lapangan SEDIA, pegawai e-kasih daerah dan sukarelawan. Hasil daripada itu, analisis data dan juga memandangkan bantuan akan dilaksanakan. Hasil daripada profiling yang telah dilaksanakan selama tujuh hari.

Seterusnya, cadangan pemberian bantuan akan dikeluarkan kepada agensi-agensi pemberian bantuan untuk disalurkan kepada miskin tegar tersebut.

Program MySMJ PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan

Yang mana Kementerian Kerajaan Tempatan dan juga perumahan telah mengeluarkan arahan dasar di mana 10% daripada pengambilan pekerja sembilan harian dalam perkhidmatan pihak berkuasa tempatan. Hendaklah terdiri daripada kalangan miskin tegar.

Program MySMJ DO atau District Officer Pegawai Daerah

Yang menyasarkan kerjasama bersama syarikat-syarikat pasar raya. Di setiap daerah untuk mengambil pekerja daripada golongan miskin tegar.

Program MySMJ GLC (Government Linked Companies)

Yang bertujuan menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada anak-anak miskin tegar untuk diserapkan kepada Badan Berkanun Negeri ataupun Syarikat GLC Negeri.

Program MySMJ Industri

Yang membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak miskin tegar dalam sektor swasta dan pelabur-pelabur yang melabur di negeri Sabah sama ada dari dalam negeri ataupun dari luar negara.

Program MySMJ Pendidikan

Untuk memberi bantuan kewangan peralatan persekolahan kepada anak-anak miskin tegar bagi memastikan mereka mendapat pendidikan. Dari sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Program MySMJK

Yang diwujudkan untuk menambah baik sistem bantuan bulanan kebajikan di kalangan miskin tegar yang tidak...

29/11/2023 - RAKAMAN 44 [5:10 PETANG - 5:20 PETANG] - [JULIAN] - SITI JUBAIDAH - AHMAD

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]:...produktif.

Tuan Speaker, sementara itu RM125 juta pula diperuntukkan khusus untuk pelaksanaan Program Rumah Mesra SMJ, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah. Keseluruhan peruntukan ini yang berjumlah RM300 juta merupakan pemberian khas Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Lamag, Kawang dan Segama telah membangkitkan isu berkaitan dengan Ekonomi Biru (*Blue Economy*). *Blue Economy* diperkenalkan dalam tahun 2012, oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan memberi penekanan kepada pengurusan mampan sumber laut dan pesisir pantai supaya ianya lebih produktif dan menjadi ekosistem marin yang sihat. Ekonomi Biru dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12, iaitu bermula sejak 2021 hinggalah 2025 sebagai salah satu pendekatan untuk merancakkan ekonomi negara.

Kedudukan geografi negeri Sabah amatlah strategik dikelilingi lautan seluas 37 300 kilometer persegi dengan pelantar benua berkeluasan 116 800 kilometer persegi dan garis pantai sepanjang 2383 kilometer. Untuk memanfaatkan kelebihan ini, *we forward* agenda pembangunan negeri di bawah Pelan Pembangunan SMJ, menjadikan Ekonomi Biru sebagai tumpuan baharu fokus baharu. Ekonomi Biru merujuk kepada pemanfaatan lestari, sumber-sumber laut, untuk pertumbuhan ekonomi. Peningkatan taraf hidup dan penciptaan pekerjaan sambil menjaga kelestarian ekosistem marin, di samping menjanjikan potensi yang besar dalam pelbagai bidang.

Antara bidang yang dikenal pasti di negeri Sabah adalah perikanan dan akuakultur, perkapalan dan juga pengangkutan, pelancongan, tenaga boleh diperbaharui,

sumber-sumber mineral, bioteknologi dan farmaseutikal, *blue carbon*, pengurusan sisa dan kawalan pencemaran, kajian dan pembangunan serta infrastruktur marin.

Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa Bajet 2024, Kerajaan Negeri akan menganjurkan satu Persidangan Antarabangsa pada bulan Februari tahun 2024. Sebagai persediaan untuk penganjuran Persidangan Antarabangsa tersebut, Sekretariat SMJ akan menganjurkan satu Persidangan Sinidio Sabah Maju Jaya.

Penerokaan khazanah baru melalui konsep Ekonomi Biru di negeri Sabah dengan tema “*Beyond Limit Unleashing Economy*” pada 14 Disember 2023. Persidangan ini bertujuan untuk merungkai dan seterusnya menghasilkan kerangka Ekonomi Biru bagi negeri Sabah. Persidangan ini juga melibatkan penyertaan seramai 200 orang dari pelbagai sektor, iaitu kerajaan, NGO, pemain-pemain industri, ahli-ahli akademik, ahli-ahli politik dan orang ramai dari dalam dan luar negeri Sabah.

Panel-panel penyampai dalam persidangan ini, mempunyai pengalaman dan juga kepakaran di peringkat antarabangsa dalam Ekonomi Biru. *Outcome* persidangan ini akan memberikan pendedahan, kefahaman, kesedaran kepada semua pihak yang berkepentingan bagi membolehkan Kerajaan Negeri dapat menghasilkan kerangka yang inklusif dan boleh dilaksanakan.

Satu sesi *round table discussion* yang diterajui oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya akan diadakan pada 15 Disember tahun ini. *Round table* ini bertujuan untuk merangka kerangka Pelan Tindakan Ekonomi Biru sebagai persediaan awal untuk persidangan antarabangsa yang diadakan pada bulan Februari tahun hadapan.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Sindumin dan juga Telupid, telah menyuarakan [mencelah: Yang Berhormat Tuan Speaker] isu berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Usaha menambah baik...

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, ada pertanyaan.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai inisiatif untuk menerokai *Blue Economy*, di mana Kerajaan Negeri akan mengadakan

banyak sesi libat urus dengan mana-mana badan apa semua. Salah satu strategi ke arah ini juga Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita lihat kepada negara-negara yang telah berjaya menerokai *Blue Economy*. Kita jadikan mereka ini sebagai kita punya *benchmark* supaya kita tidak perlu lagi membuang banyak masa konvensyenlah, kursuslah segalanya *but atleast at this point of time* kita sudah mempunyai idea mengenai *Blue Economy*. Terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tungku. Satu cadangan yang baik, dan kita minta nanti Sekretariat SMJ ini, untuk mengambil perhatian terhadap cadangan tersebut.

Mana sudah saya itu. Ahli Yang Berhormat dari Sindumin dan Telupid, telah menyuarakan isu berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak pernah dihentikan malah dipergiatkan dalam pentadbiran kerajaan pada masa ini. Setiap pegawai mempunyai senarai tugas dan tanggungjawab dalam deskripsi tugas masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab penjawat awam termasuk ketua jabatan untuk melaksanakan tugas dan arahan berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 dan seperti mana yang telah diperakukan dalam Aku Janji sebagai penjawat awam. Ikrar Bebas Rasuah dan Ikrar Integriti.

Oleh itu, Kerajaan telah mengingatkan kepada pegawai kerajaan, agar memudahkan urusan yang berkaitan dengan pelaburan, pembangunan, perniagaan dan perkara yang memerlukan kelulusan daripada pihak Kerajaan. Tindakan tegas akan diambil, terhadap mana-mana ketua jabatan ataupun pegawai yang didapati menghalang usaha Kerajaan melaksanakan agenda pembangunan negeri.

Kerajaan Negeri komited dalam membanteraskan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dana dalam perkhidmatan awam, melalui kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) manakala bagi memastikan pengurusan kewangan ditadbir urus dengan baik, peranan Audit Dalam dan juga Jabatan Audit Negara Negeri Sabah membantu Kerajaan Negeri dalam mengesahkan isu-isu ketidakpatuhan.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kadamaian...

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Minta laluan. Terima kasih Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Apa ini, penjelasankah?

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Minta penjelasan saja. Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih jawapan daripada Pembantu Menteri mewakili Ketua Menteri. Syukur kalau itulah hasrat kerajaan untuk memperbaiki sistem penyampaian sangat baik dan kita alu-alukan. Namun, bolehkah kita kaji juga jawatan Pegawai Daerah ini, terlampau banyak tugas berbagai-bagai pengerusi sehingga seolah-olah pegawai daerah ini tidak ada masa untuk melakukan kerja-kerja dan kita minta juga gred pegawai daerah ini dinaik taraf. Kalau di semenanjung, pegawai daerah ini mempunyai jawatan yang ada yang JUSA C, JUSA B, JUSA A. Lebih-lebih di Sabah ini daerah dia besar kalau dibanding dengan semenanjung daerah kecil dan kita harap ini saya kesian juga melihat *DO* dia juga pengerusi dakwah, dia juga pengerusi Majlis Daerah, dia juga pengerusi mesyuarat, dia juga *focus group*. Begitu banyak jawatan-jawatan, sehingga kadang-kadang saya lihat tidak terbawa oleh pegawai daerah itu. Terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Terima kasih apa itu soalan daripada Sindumin. Saya sebenarnya setuju dengan apa yang dibangkitkan selaku mantan pegawai kerajaan dahulu juga saya tahu...

29/11/2023 - RAKAMAN 45 [5:20 PETANG - 5:30 PETANG] - [SAFWAN] - NADIA - NADA

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... Pegawai Daerah, apa juga jawatankuasa di peringkat daerah, dia la dia punya pengerusi itu. Pengerusi Tindakan Daerah, Pengerusi Pembasmian Kemiskinan, pengerusi apa ini, majlis daerah, dan sebagainya. Jadi memang itu kita, apa itu dari dahulu lagi ini. Tapi mungkin sekarang ini kebanyakan daripada apa itu skim pegawai-pegawai daerah itu telah pun dinaikkan. Sekarang tu ada yang 54, kalau dulu tu 41. Sekarang ada 54 dan juga ini mengenai dengan apa itu jawatan-jawatan itu, itu bergantung kepada daerah. Kalau daerah itu besar, besarliah dia punya jawatan tu. Kalau yang kecil tu, kecillah. Tapi walau bagaimanapun, satu cadangan

yang baik dan akan diambil perhatian oleh apa ini, bahagian perkhidmatan, apa ini, ni, ini Perkhidmatan Awam Negeri untuk tindakan selanjutnya. Ini banyak gangguan ni saya pun lupa di mana saya berhenti [ketawa].

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kadamaian serta syarat pengambilan dalam Perkhidmatan Awam Negeri bagi mengisikan kekosongan jawatan telah termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, di bawah Syarat-Syarat Am Pelantikan dan Perkhidmatan. Pada ketika ini komposisi penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah terdiri daripada pelbagai suku kaum dan tidak dimonopolikan oleh satu suku kaum sahaja. Pelantikan penjawat awam dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sebagai pihak berkuasa melantik. Ahli dan anggota SPAN ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri juga terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Manakala kenaikan pangkat penjawat awam adalah melalui Jawatankuasa Kenaikan Pangkat yang telah ditubuhkan di peringkat perkhidmatan gunasama negeri atau Kementerian atau jabatan sebelum keputusan tersebut dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Lamag dan Tungku telah membangkitkan isu berkaitan penubuhan Pejabat Daerah. Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Pejabat Daerah Kecil Sukau melalui Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 26 Julai 2023. Pengoperasian Pejabat Daerah Kecil Sukau dijangka bermula sepenuhnya pada awal tahun 2024. Peruntukan operasi sebanyak RM2.5 juta telah diluluskan untuk maksud pembinaan bangunan Pejabat Daerah Kecil Sukau dan perbelanjaan perbekalan. Pejabat Daerah Kecil Sukau juga diperuntukkan 11 jawatan yang akan diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Gred N48. Bangunan Pejabat Daerah Kecil Sukau, Dewan Masyarakat, dan Mahkamah Anak Negeri akan dibina di tapak pekan baharu Sukau. Pembinaan ini dijadualkan akan dimulakan pada pertengahan tahun 2024. Pejabat sementara bagi Pejabat Daerah Kecil Sukau akan ditempatkan di lot kedai Majlis Daerah Kinabatangan. Dengan ini, operasi Pejabat Daerah Kecil Sukau dijangka akan bermula pada Mac 2024 untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di sekitar daerah kecil Sukau. Manakala bagi permohonan daerah kecil ke daerah

penuh, keutamaan diberi kepada daerah-daerah kecil yang berpotensi meningkatkan pungutan hasil.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Telupid, Kemabong dan juga Kapayan, telah pun membangkit isu tentang mempercepatkan proses kelulusan pemberi milikan tanah untuk orang kampung demi membasmikan kemiskinan dan juga untuk membantu sosioekonomi.

Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah pun melaksanakan beberapa strategi bagi mempercepatkan pengukuran tanah dan penyediaan geran tanah untuk anak negeri di Sabah.

Strategi pertama ialah mengaplikasikan teknologi ICT dan teknologi *geospatial* yang terkini dalam pengukuran tanah dan pemprosesan penyediaan geran tanah. Ini termasuklah penggunaan *Global Navigation Satellite System* dengan izinnya ataupun GNSS dalam pengukuran tanah untuk program PANTAS. Penggunaan kaedah pengukuran GNSS ini secara purata menunjukkan berlaku peningkatan sehingga 70% dari segi bilangan lot yang diukur berbanding menggunakan pengukuran kaedah *Total Station*. Melalui kaedah tersebut, penyediaan dan juga kelulusan data ukur dapat dipercepatkan sehingga penyediaan geran, **draf**.

Strategi kedua, yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur ialah program PANTAS yang telah berjaya mempercepatkan dan meningkatkan jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh anak negeri. Setakat 31 Oktober 2023, Jabatan Tanah dan Ukur telah pun berjaya menjalankan pengukuran untuk tanah anak negeri sebanyak 6981 lot dengan keluasan 13 342.97 hektar.

Untuk maklumat, makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan kepada pemberian milik tanah anak negeri. Berdasarkan statistik Jabatan Tanah dan Ukur, keluasan geran tanah yang berdaftar NT/FR setakat 31 Oktober 2023 ialah 1 177 288.5 hektar ataupun 44% keluasan keseluruhan geran tanah yang berdaftar di Sabah berbanding dengan keluasan geran tanah berdaftar NT/FR pada 31 Disember 2010, iaitu 477 171 hektar ataupun 24.5% keluasan keseluruhan geran tanah yang berdaftar di Sabah.

Ini bermakna keseluruhan geran tanah yang berdaftar, ini bermakna keluasan geran tanah berdaftar NT/FR telah pun meningkat sebanyak lebih kurang 20% dalam keluasan keseluruhan geran tanah berdaftar di Sabah dalam tempoh masa 13 tahun. Statistik ini telah pun menunjukkan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pemilikan NT/FR di Sabah demi membangunkan sosioekonomi dan juga membasmi kemiskinan di kalangan anak negeri di Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Kapayan mengesyorkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat, Datuk Speaker...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... satu *task force*.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, ya. Terima Kasih, Datuk Seri. Yang Berhormat Menteri, baru-baru tu saya mendapat surat mengenai kelulusan pengukuran PANTAS bagi kawasan Tanjung Labian. Malangnya hingga saat ini, proses pengukuran belum berjalan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri melihat kepada perkara ni supaya pengukurannya boleh dilakukan segera. Pertama. Keduanya, sebelum ini proses pengukuran PANTAS bagi daerah Tungku sudah banyak dijalankan dan sudah selesai saya difahamkan. Namun demikian, geran-geran tanah tersebut masih lagi belum berada di tangan pemilik. Kalau boleh proses ini haruslah disegerakan supaya kita punya rakyat di bawah sana senang hati, gembira, dan dia orang boleh melakukan sesuatu mengenai hak milik tanah tersebut. Terima kasih.

Tuan Speaker: Dia, proses ukur ja (sahaja) pantas, keluar geran inda (tidak) pantas.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Terima kasih sekali lagi kepada ADUN daripada Tungku, memang bukan sahaja di kawasan Ahli Yang Berhormat tetapi ada di daerah lain pun yang saya dengar ni yang sudah disukat tapi geran belum dikeluarkan. Mungkin ada, ini ada sebab apa ini, mengapa ianya tidak dikeluarkan terlebih dahulu. Mungkin ada lagi isu-isu yang belum

diselesaikan. Walau bagaimanapun, kita minta supaya nanti Jabatan Tanah dan Ukur mengambil apa ini apa ni tindakan terhadap perkara ini demi, apa ini ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ya, setidaknya pengukuran tadi tu kasih jalan dululah. Jadi belakang dapat geran tu pun, rakyat sudah senang hati sudah tu.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tapi saya difahamkan juga Ahli Yang Berhormat, kadang-kadang ini kalau disukatkan ini dia ni menggunakan saya pun tidak hafal sistem, tapi dia satu *bundle*. Dia tidak boleh dikeluarkan sedikit-sedikit. Kalau mahu kasi keluar tu pun, satu sekali gus. Tapi walau bagaimanapun, kita akan lihat perkara ini, ya.

Dari Kapayan mengusulkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan ...

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Datuk Speaker.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... *task force* orang asal Sabah untuk menyelesaikan isu pegangan dan ...

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, Silam lagi, dia mahu tanya perkara yang dia bangkitkan.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Pada persidangan DUN Ke-16 Penggal Ketiga pada 16 hari bulan ...

29/11/2023 - RAKAMAN 46 [5:30 PETANG - 5:40 PETANG] - [GRACE] - AZYATUL - HADINIE

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Mac 2022. Kerajaan Negeri bercadang untuk wartakan 75 kawasan di Sabah sebagai perkampungan. Adakah cadangan itu telah dijalankan? Terima kasih, Tuan Speaker.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Boleh *repeat* Ahli Yang Berhormat? Ulang tadi itu.

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Pada Persidangan DUN Ke-16 Penggal Ketiga pada 16 hari bulan Mac 2022. Kerajaan Negeri bercadang untuk wartakan 75 kawasan di Sabah sebagai perkampungan. Adakah cadangan itu telah dijalankan? Terima kasih.

Warta (suara bisik).

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kampung mana?

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Pewartaan (suara bisik).

Tuan Speaker: Diwartakan sebagai kawasan perkampungan. Sudah dilaksanakan kah belum?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Okey. Saya akan semak tetapi saya telah dimaklumkan bahawa dalam proses. Okey, YB?

Tuan Dumi bin Pg Masdal [Silam]: Kalau saya diwartakan, boleh bagi tahu kami YB ini supaya kami boleh memaklumkan orang-orang kampung yang dapat, kampung yang diwartakan?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kita akan nanti bagi maklum secara bertulislah ya?

Tuan Speaker: Dia masih dalam proses Yang Berhormat.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Ah. Okey?

Tuan Speaker : Dia masih diproses.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Panjang lagi, inilah (tidak jelas). Ahli Yang Berhormat dari Kapayan mengusulkan

agar Kerajaan Negeri mewujudkan *Task Force* Orang Asal Sabah untuk menyelesaikan isu pegangan dan hak milik tanah.

Berdasarkan rekod dari Jabatan Tanah dan Ukur, jumlah tunggakan permohonan tanah seluruh pejabat tanah daerah setakat 31 Oktober 2023 ialah sebanyak 46,635 berbanding dengan jumlah tunggakan permohonan tanah seluruh Sabah pada sepuluh tahun yang lalu iaitu sebanyak 270,374 pada 31 Disember 2013.

Ini bermakna jumlah tunggakan permohonan tanah telah pun menurun sebanyak lebih kurang 230,739 dalam tempoh masa sepuluh tahun ini. Melalui penggunaan teknologi terkini dan juga melalui Program Pantas yang saya terangkan sebentar tadi, Jabatan Tanah dan Ukur telah berjaya mengurangkan tunggakan permohonan tanah dengan banyak dan dalam masa yang sama meningkatkan jumlah keluasan pemilikan NT/FR.

Oleh itu, strategi-strategi yang digunakan Jabatan Tanah dan Ukur adalah memadai dan cadangan pewujudan *Task Force* Orang Asal Sabah tidak perlu diadakan pada masa kini.

Ahli Yang Berhormat Kadamaian.

Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]: Tuan Speaker. Ya, terima kasih atas penjelasan YB Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya berkaitan dengan masalah ini sebab yang diukur itu ertinya tiada masalah. Tapi yang kita memang tahu. Masih banyak yang mempunyai isu-isu ini. Saya rasa yang tertinggal ini adalah yang, yang ada masalah.

Jadi, isu dia bukan hanya berkaitan dengan pengukuran tapi juga yang ada konflik tanah yang misalnya, masuk di dalam kawasan hutan simpan ataupun ada konflik dengan syarikat dan lain-lain. Bagaimana? Itu yang memerlukan *task force*. Dulu ada cadangan untuk Tribunal Tanah tapi, ini tidak diterima. Bukan tidak diterimalah. Tapi belum di, mungkin masih dalam proses tapi ini adalah *task force*. Sekurang-kurangnya kita tengok apakah isu-isu yang besar inilah. *Thank you*.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Ya, terima kasih ADUN daripada Kapayan. Kita akan lihatlah apakah sebab-sebanya. Maka, ianya lama tetapi saya juga duduk di apa ini? LUC (*Land Utilization Committee*) yang melambatkan itu juga ialah tanah sesebuah kawasan itu terlalu ramai yang memohon.

Jadi, kadangkala jawatankuasa ini mempunyai masalah untuk menyelesaikannya. Tetapi, baru-baru ini di mana saya juga duduk dalam apa itu. Itu jawatankuasa, ada satu cara bagaimana ianya boleh dapat diselesaikan lebih cepat iaitu bukan lagi, apa ini. Kita bukan melihat permohonan-permohonan individu tetapi kita tengok kawasan tersebut dan kita aplikasikan pre, apa itu. *Pre-planning* punya konsep.

Kita buat lot-lot bagi mereka yang, apa ini. Memohon. Terutama sekali yang memohon lebih dahulu. Mereka yang memohon sudah, apa itu? Orang kata itu? Lewat itu. Itu kita tidak akan, apa itu. Kita tidak akan pertimbangkan. Tapi walau bagaimanapun, nanti Jabatan Tanah dan Ukur akan melihatkan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Okey, saya sambung. Pengukuran kaedah pantas di kawasan DUN Kadamaian akan diteruskan di Mukim Tambatuon, sebaik sahaja pengukuran di Mukim Kiau selesai kelak. Manakala bagi Mukim Kiau, Lobong-Lobong, Gensurai, Podos, Melangkap, Sayat, Lasau dan Lahanas. Jabatan Tanah dan Ukur akan menjalankan pemeriksaan lapangan serta kajian lanjut sebelum Pengukuran Kaedah Pantas dilaksanakan di mukim-mukim yang dinyatakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Nabawan serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta dari Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2023 bagi membiaya Program Pengukuran Tanah Hak Adat ataupun PKAN di Negeri Sabah. Jabatan Tanah dan Ukur selaku agensi pelaksana telah menggunakan peruntukan tersebut untuk tujuan pengukuran serta urusan pengeluaran Geran-geran Tanah Anak Negeri yang tinggal di kampung dan juga di luar bandar.

Bagi meneruskan program ini, Jabatan Tanah dan Ukur telah memohon peruntukan sejumlah RM20 juta untuk tahun 2024 yang ketiga ini, sedang dalam pertimbangan Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU JPM.

Selain itu, pada suku keempat pada tahun 2023 ini juga, Jabatan Tanah dan Ukur telah menerima tambahan kakitangan baharu berjawatan Penolong Juru Ukur seramai sepuluh orang. Dengan tambahan kakitangan baharu ini, diyakini akan menambah baik keberkesanan program PKAN dalam menangani kelewatan pengeluaran geran kepada Anak Negeri.

Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung Aru serta Dewan yang mulia ini, tanah 0.3 ekar yang dimaksudkan di Inanam adalah berstatus Tanah Kerajaan. Sehubungan itu, tanah tersebut itu boleh diberi milik oleh Kerajaan Negeri melalui seksyen sembilan Ordinan Tanah Sabah. Mengikut rekod Jabatan Tanah dan Ukur, tidak ada sebarang **percentuman** tanah antara Tanah Kerajaan, 0.3 ekar tersebut itu dengan mana-mana tanah bergeran *Native Title* di kawasan tersebut.

Tanah *Native Title* 013084341 yang terletak di sebelah tanah 0.3 ekar telah diluluskan untuk penukaran status *Native Title* ke *Country Lease* dan sedang dalam proses pengukuran semula. Maka, dalam sistem aplikasi Jabatan Tanah dan Ukur, paparan **Just partial Lot** NT 013084341 telah diubah daripada tanah bergeran kepada lot sedang dalam pengukuran. Dalam aplikasi Jabatan Tanah Ukur, kedua-dua lot 0.3 ekar dan NT 013084341 nampak seperti satu lot yang dicantum tetapi yang sebenarnya, kedua-dua lot tersebut adalah masih berasingan.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tungku. Tanah kawasan yang dimaksudkan di Pulau Balambangan adalah berstatus Tanah Kerajaan dan tidak ada hak adat Anak Negeri di kawasan ini. Syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan permohonan tanah telah pun mengemukakan surat rasmi kepada Jabatan Tanah dan Ukur melalui peguam untuk tidak meluluskan permohonan-permohonan tanah yang berkenaan dan juga menuntut pembayaran balik, *Premium* yang telah dibayar.

Kerajaan Negeri akan meneliti dan mengkaji semula perancangan untuk kawasan ini demi pembangunan negeri dan juga untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Jadi, bermaksud bahawa tanah yang sebelum ini yang diberi kelulusan kepada empat buah syarikat itu, apabila syarikat itu telah menarik balik inisiatif mereka untuk membuat pelaburan dalam ternakan kambing di Pulau Balambangan itu, tanah itu masih milik kerajaan ataupun macam.

**29/11/2023 - RAKAMAN 47 [5:40 PETANG - 5:50 PETANG] - [MOHD. NOOR] -
RAMENAH - AHMAD**

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Bagaimana.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Dia telah mengembalikan tanah tersebut, premium dibayar dia minta balik. Ini bererti tanah tersebut adalah apa ini, balik ke asalnya, iaitu menjadi tanah Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker: Jadi kami boleh *apply*lah?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Sudah selesailah Tuan. Hehehe ... (ketawa)

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Ahli Yang Berhormat dari Kuamut, (ketawa) membangkitkan isu bangunan Pejabat Tanah Tongod. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan pembinaan bangunan, Jabatan Tanah dan Ukur di daerah Tongod pada tahun 2025.

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Datuk Speaker. Saya cuma ucap terima kasihlah ke atas keprihatinan Menteri. Cuma sebagai tambahan, daripada ratusan perancangan yang kami buat di Kuamut ini permohonan, satu saja saya minta ...

Tuan Speaker: Pelan-pelan *bah*.

Datuk Masiung Banah [Kuamut]: Tahun hadapan. Kalau boleh. Sebab amat kritikal. Pejabat MPPC di Tongod sudah sesak dan pegawai-pegawai kita di sana tidak selesa lagi untuk buat kerja. Dia hanya menumpang kepada satu bilik kecil daripada Pejabat Daerah Tongod. Mohon perhatian, terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kita kadang bilang perhatiannya, kerana semua daerah pun sudah mempunyai apa ini, itu apa itu, *development plan*. Tapi ada juga yang belum diluluskan. Jadi, Ahli Yang Berhormat ini sungguh beruntung.

Tuan Speaker: YB Menteri, banyak sudah yang ambil perhatian ini, ingatkah ini semua?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Saya ingat itu. Ada dalam *hansard* kan.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam, kawasan yang dipohon untuk Kampung Bakau, baru keseluruhannya adalah di dalam kawasan hutan simpan bakau. Sehubungan dengan itu, PT 98110339 tidak dapat dipertimbangkan untuk kelulusan dan tidak akan diproses lagi lanjut. Manakala bagi Kampung Tempinau, berdasarkan rekod di Jabatan Tanah dan Ukur, tidak ada permohonan tanah yang didaftarkan bagi tujuan perkampungan dinyatakan sehingga kini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur akan meneliti dan mengkaji kesediaan dan kesesuaian kawasan yang hendak dipohon setelah permohonan tanah didaftar kelak. Ahli Yang Berhormat dari Merotai telah membangkitkan isu perlombongan emas di Bukit Mantri, Tawau. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, serta dewan yang mulia ini. Kenyataan akhbar Kerajaan Negeri bertarikh 9 November 2023 di *Daily Express* berhubung perkara yang dibangkitkan adalah masih berkuat kuasa. Justeru, Kerajaan Negeri sekali lagi mengesahkan bahawa lombong emas tersebut telah mematuhi keperluan semua undang-undang yang berkuat kuasa di mana telah memperolehi kelulusan penilaian impak alam sekitar ataupun dengan izinnya *Environmental Impact Assessment* ataupun (EIA) manakala pembaharuan skim pengendalian melombong adalah masih dalam pertimbangan Jabatan Mineral dan Geosains Sabah. Dengan itu juga, sekali lagi Kerajaan Negeri mengesahkan bahawa tiada perintah yang dikeluarkan untuk memberhentikan aktiviti melombong oleh Chief Mining Inspector selaras dengan Seksyen 18(D) Ordinan Perlombongan 1960.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih.

Terima kasih Tuan Speaker. Ah, menurut penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, ada menyatakan bahawa ah, tidak ada pelanggaran. Ya, tidak ada pelanggaran pematuhan EIA. Okey, tapi pada 20, pada 18 September, ada tertulis semua. Ada surat daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, saya ini bukan cakap kosong-kosong saja ini. Saya semua ada bukti dan ...

Tuan Speaker: Mana lagi dapat itu surat?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tak perlu tahulah Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Sebab saya mahu rujuk, kasi rujuk yang sah.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Dan ini bukan-bukan. Nanti saya bagi salinan dengan Datuk Speaker. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Boleh, boleh dengar. Okey, Yang Berhormat Menteri, tadi mengatakan bahawa ada kelulusan daripada Geo sains berkenaan dengan skim pengendalian melombong. Pada 8 November, Yang Berhormat Menteri, pada 8 November, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sabah, ya. Telah bermesyuarat Datuk Speaker, dan JMG menyatakan bahawa tidak akan mengeluarkan sebarang kebenaran beroperasi di CL 105651438 di Bukit Mantri daerah Tawau. Sehingga satu permohonan lengkap skim pengendalian melombong dikemukakan dan diluluskan. Dalam surat DAMG juga itu, ada menyatakan bahawa syarikat tersebut tidak memberikan salinan *report* daripada EIA. Jadi bagaimana Yang Berhormat Menteri, mengatakan bahawa itu adalah lombong yang ada lesen. Pada 23 November, 20 November, Datuk Speaker. Jabatan Mineral ...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tuan, Tuan, Tuan Speaker.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ya.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Itu pandangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ini bukan pandangan saya. Ini surat daripada Jabatan.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tapi ini, ialah tapi ini adalah jawapan kami terhadap soalan yang dibangkitkan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai] : Okey, Yang Berhormat Menteri.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Apa yang saya katakan tadi ialah Kerajaan Negeri sekali lagi mengesahkan bahawa lombong emas tersebut telah mematuhi keperluan semua undang-undang yang berkuat kuasa. Di mana telah memperolehi penilaian impak alam sekitar manakala pembaharuan skim pengendalian melombongan adalah masih dalam pertimbangan oleh Geosains dan bahawa ianya tidak diluluskan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Okey. Yang Berhormat Menteri, okey baik Yang Berhormat Menteri. Kalau ada surat kelulusan dari EIA, okey? Ada surat kelulusan daripada EIA? Tamat tempoh adalah pada 31. Skim melombongan adalah 31 Oktober 2023. Okey, jelas ya? 31 Oktober 2023, dalam pematuhan sepatutnya tidak boleh beroperasi selagi mana SK, skim perlombongan itu tidak ada kelulusan. Tetapi sehingga hari ini masih beroperasi, bahkan ada penjualan emas pada minggu lepas kalau tidak silap saya. Sebanyak RM9 juta dan di, di, dan saya ada dengar akan ada lagi penjualan pada minggu hadapan, Datuk Speaker. Tapi itu tidak masalah, itu saya dengar.

Yang ini jelas, surat ini menyatakan tidak boleh melombongan dan suruh diberhentikan operasi dan yang paling jelas YB Menteri, kelulusan melombongan hanya boleh dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia itu saja. Kalau tidak ada kelulusan, pasti lombong haram. Belum lagi ada penyambungan selepas 31 Oktober. Surat ini bukan sahaja ditujukan kepada Jabatan Tanah, juga ditujukan kepada apa, apa Peguam Besar, Konservator Hutan, juga kepada Alam Sekitar dan seluruh agensi yang bertanggungjawab atas lombong ini.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengesahkan bahawa tiada perintah yang

dikeluarkan untuk memberhentikan aktiviti melombong. Saya berpendapat bahawa yang berkuasa, untuk menamatkan ialah The Chief Mining Inspector di bawah Seksyen 18(D) Ordinan Perlombongan 1960. Selagi belum ada, arahan untuk memberhentikan ianya masih lagi dianggap(kurang jelas)

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Jadi bermakna Jabatan Mineral dan Geosains bukan pengeluar lesen melombong, SKSPM siapa yang luluskan? Siapa yang akan keluarkan?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Geosains ini, dia ini apabila bercampur setuju tempat sesuatu kawasan itu sesuai untuk dilombong mereka akan memaklumkan kepada Jabatan Tanah dan Ukur untuk mengeluarkan lesen.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Lesen untuk? Lesen untuk?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Jadi beginilah Tuan Speaker, saya tidak mahu apa tu kita kan, bertelagah di sini?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Lesen untuk melombong?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kita, kita, kita akan siasat ini.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Lesen untuk melombong siapa yang keluarkan? Lesen untuk SKSPM siapa yang luluskan? Siapa yang keluarkan ?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kau bagi sama saya tu baru saya tahu tu. Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Hehehe ... (gelak ketawa)

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Saya tidak mahu kau cakap kau suruh minta membuat pengesahan?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Saya sudah sebut dalam, dalam jelas, cukup jelas dalam perbahasan saya. Jabatan Mineral dan Geosains yang mengeluarkan. Jadi, sepatutnya surat ini pun sudah dapat semalam oleh, sebagai rujukan sebelum menjawab persoalan-persoalan saya. Takkan hari ini baru mahu minta, okey tak apalah Datuk Speaker saya bagi...

29/11/2023 - RAKAMAN 48 [5:50 PETANG - 6:00 PETANG] - [NOREERA] - THEODORA - NADA

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Surat ini kepada Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri yang menyatakan bahawa sebarang urusan niaga pembelian dan penjualan mineral daripada lombong ini tidak boleh dijalankan tanpa surat kelulusan skim pengendalian lombong yang sah. Jika ada aktiviti denda 100 000 ataupun lima tahun penjara.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Okey, kita akan apa ini teliti kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tapi *ask for as I am consent* dengan izinnya ialah belum ada penamatan yang dikeluarkan ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ada baca surat ...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: *I don't relevant* seksyen...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: ... ada baca surat tak? Yang Berhormat Menteri.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: *I don't, I don't* apa ini *if access to you letter*, itu dia tiada ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: *No, That's why, that's why*, Datuk Speaker, kalau kita mahu menjawab soalan saya sudah dalam perbahasan saya, saya sebut satu per satu, Datuk Speaker. Bila ada saya sebut satu per satu, panggillah pegawai-pegawai Kerajaan...

Tuan Speaker: Tapi kalau, kalau *you* bagi pun satu salinan tidak juga salah kan ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Boleh, saya bagi satu salinan tapi sepatutnya Datuk Speaker, semasa kita dalam perbahasan, kita menyebut satu per satu perkara ini. *That's why*, Yang Berhormat Kementerian-kementerian tertentu yang kita tujukan patutnya teliti apa sebenarnya telah kita, kita nyatakan dalam perbahasan kita supaya dapat dijawab dengan jelas. Takkanlah bila dijawab, bilang saya tidak dapat, saya tidak dapat, saya tidak tahu, saya tidak tahu ini surat ada, tidak.

Datuk Speaker, tidak apalah, Datuk Speaker, saya tutup sahaja yang saya pasti saya mahu bagitahu lombong itu lombong haram 31 Oktober, tidak ada penyambungan lesen skim melombong surat ada dengan saya. Saya serahkan nanti, Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Dia begini, kalau *you* rasa itu lombong haram, *you* lapor pada SPRMlah, kalau tidak masih berjalan ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tuan, Saya mahu dijawab dulu di Dewan ini, lepas ini, saya dengar jawapan daripada Menteri, kalau tidak sesuai dengan jawapan Menteri, saya akan buat SPRM besok.

Tuan Speaker: Silakan.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Okey, boleh saya sambung?

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Elopura menyuarakan isu berkaitan kewarganegaraan penduduk di Sandakan.

Kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa berusaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan bagi memastikan rakyat di negeri ini tidak keciciran untuk didaftarkan sekali gus mendapatkan dokumen pengenalan diri bukan sahaja kepada penduduk di kawasan bandar malah penduduk di kawasan pedalaman juga.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh JPN ialah melalui Program Menyemai Kasih Rakyat ataupun MEKAR. MEKAR adalah merupakan inisiatif usaha JPN dalam membantu rakyat berurusan mendapatkan dokumen pengenalan diri yang selayaknya.

Ahli Yang Berhormat dari Senallang membangkitkan isu berkaitan penyeludupan yang masih berleluasa di persisiran pantai timur. Kerajaan melalui agensi-agensi penguat kuasa giat melaksanakan operasi bersepadu melibatkan anggota dan juga aset pelbagai agensi kerjasama perisikan antara pasukan keselamatan serta penggunaan teknologi bagi tujuan pengesanan dan pengawasan sepanjang perairan dan darat negeri Sabah. Pelbagai operasi bersepadu yang dijalankan sepanjang tahun ini, iaitu Operasi Tiris, Sanggah, Gasak, Pacak Laut, Kontena, Gudang dan lain-lain untuk membenteraskan penyelewangan ini.

Saya kasi habis semua...

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Okey, nanti, nanti.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Rekod ... pertama, rekod Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan kos sara hidup Sabah daripada Januari sehingga Oktober 2023 sebanyak 52 920 083 dan 48 sen nilai barangan telah dirampas yang melibatkan 931 kes pemeriksaan dan 11 tindakan kes pendakwaan telah dilaksanakan ke atas individu-individu yang melakukan aktiviti penyeludupan.

Rekod daripada Eastern Sabah Security Command ataupun ESCOM sebanyak RM17 273 174.50 nilai barangan telah dirampas melibatkan 1 763 836 jumlah pemeriksaan fizikal, 459 kes tangkapan dan 150 buah kenderaan dan bot juga telah dirampas pada tahun 2023.

Berikut Jabatan Kastam Kerajaan Malaysia sebanyak RM2 345 306.82 nilai barangan telah dirampas, 1618 aktiviti rondaan dan 643 kes serbuan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada Januari hingga Oktober 2023 sebanyak 400 kertas siasatan telah dibuka dan seramai 495 orang telah ditangkap atas kesalahan penyeludupan, kontra band serta 16 kes melibatkan kes makanan sejuk beku dengan 76 orang tangkapan di negeri Sabah. Nilai rampasan setakat ini lebih kurang RM119 juta. Justeru, penguatkuasaan yang dilaksanakan ini menunjukkan Kerajaan sangat komited dalam setiap usaha yang dilaksanakan untuk membenteraskan penyelewangan terutama yang melibatkan penyeludupan barang-barang kawalan yang seharusnya dinikmati oleh rakyat jelata.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Timbalan. Saya tadi dengar Elopura tentang itu JPN dan sebagainya banyak berkumpul ramai orang, jadi bila ada UTC untuk Sandakan jadi kurangkan JPJ, JPN dan sebagainya UTC, UTC Sandakan. Sandakan tidak ada UTC, Keningau, KK ...

Tuan Speaker: UTC masih adakah?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Tiada...

Tuan Speaker: Masih adakah UTC? Macam tiada sudah UTC?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ada...

Tuan Speaker: Tidak ini khidmat UTC, masih adakah? Bukan sudah kena batalkan dulu? Adakah?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Walaupun tidak ada UTC, ada yang kasi, kasi ...

Tuan Speaker: Tidak, *I am serious*, adakah masih UTC? *I don't know* kalau masih ada UTC.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Masih ada di Tawau, di Keningau, di KK masih ada tapi Sandakan tiada. Walaupun tiada UTC tapi masih ada carakan kasi kurangkan JPN, JPJ dan sebagainya itu *Government Department* kasi luas atau

yang kasi lebih kakitangan atau yang kasi lebih sistematik sebab tiap-tiap hari pun lebih orang yang minta nombor tiap-tiap hari pun tidak cukup nombor, terima kasih.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tuan Speaker, sebenarnya isu mengenai dengan pelaksanaan UTC ini sudah lama yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat saya pernah nampak tetapi soalan yang diberi kepada beliau ialah kepada Ahli Yang Berhormat ialah tidak ada keperluan untuk apa ini untuk membuat membina satu lagi UTC di Sandakan, itu dia punya jawapan itu, so ...

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Jadi, apa macam selesai masalah sekarang ramai orang berkumpul di JPN, JPJ dan sebagainya. Tiap-tiap hari, tiap-tiap hari ada orang *complain* kalau *system down* lagilah teruk telefon saya pun pecah ...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Kita minta anulah nanti selidik ini masalah. (*ketawa*). Okey, Tuan Speaker bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bugayah, projek pembinaan rumah mangsa kebakaran di Kampung Bangau-Bangau telah pun dibincangkan dalam Jawatankuasa Setinggalan Daerah dan juga projek ini dipersetujui untuk diteruskan. Walau bagaimanapun, lokasi pembinaan dicadangkan dipindahkan ke Tinagayan dan sedang dalam proses pewartaan ataupun ke Melanta **Jaya**, ini telah diwartakan sebagai penempatan penduduk setinggalan. Pelan pembangunan telah pun dihantar ke Majlis Perancang Negeri ataupun MPN untuk mendapat kelulusan.

Tuan Speaker, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepayan status terkini bagi pelaksanaan dasar yang memerlukan pensijilan semua hasil kelapa sawit yang dieksport dari Sabah mulai 2025 adalah dengan penubuhan secretariat tetap dengan izin, *permenant secretariat* yang dikenali sebagai *Sabah Jurisdictional Approach For Sustainable Palm Oil Initiative* ataupun JUSPO. Pihak JUSPO telah pun lulus peringkat pertama ke arah pencapaian pensijilan Jurisdiksi RSPO, dalam masa yang sama pihak JUSPO juga kini sedang dalam ...

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Proses memperkenalkan perundangan yang berkaitan dengan pensijilan kelapa sawit untuk diterapkan atau diintegrasikan di dalam Sistem Perundangan Negeri yang sedia ada.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, jam menunjukkan tepat pukul 6 petang. Jadi kita punya masa

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Mahu habis sudah.

Tuan Speaker: Bersidang kita hanya tetapkan sampai pukul 6 petang.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Mahu habis suda.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Penutup.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Penutup saja. Satu lembar sahaja. Boleh?

Tuan Speaker: Okey teruskan.

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Okey Tuan Speaker, sebelum... sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengutara isu-isu berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri.

Dalam usaha merealisasikan matlamat Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2024 “Sabah Teguh, Rakyat Terbela”, marilah kita bersama-sama berganding bahu

memikul tanggungjawab dengan penuh komitmen demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri yang tercinta ini.

Boleh lagi kan satu (1) lagu lah, dua (2) rangkai lah **sanu nunu**.

Tuan Speaker: Lagu?

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: “Dari Banggi ke Sungai Manila, teruskan kembara hingga Kukusan. Sabah Teguh, Rakyat Terbela, komitmen semua menjadi seruan”.

“Burung Nuri di dalam sangkar, sangkar dibuat dari rotan, isu dan cadangan telah didengar, semua Kementerian ambil perhatian”.

Dengan apa itu kata-kata demikian, saya sekali lagi apa ini... ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian dan terima kasih. Saya...

Tuan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya ingin memberi peringatan kepada Kementerian Kewangan. Giliran dia untuk menggulung ialah esok selepas sesi soal jawab lisan.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tambunan ya, Yang Berhormat Tambunan, kod berpakaian dalam sidang Dewan DUN ialah dengan mengenakan tali leher ya. Saya nampak masa *you* menjawab tadi. “Eh? Tidak pakai *tie*.” saya bilang.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguh dan bermesyuarat semula pada hari Khamis 30 Disember 2023, jam 10.00 pagi.

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada pukul 6:02 petang.

Ditetapkan: “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang ke 30 November 2023, pukul 10:00 pagi.”

📄 SDN29112023/bnm